

**MANUSKRIP UNDANG-UNDANG KEDAH: KAJIAN UNSUR-  
UNSUR ETNOGRAFI ISLAM**

**SITI FAIRUS BINTI KAMARUDIN**

**JABATAN SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2015**

**MANUSKRIP UNDANG-UNDANG KEDAH: KAJIAN UNSUR-UNSUR  
ETNOGRAFI ISLAM**

**SITI FAIRUS KAMARUDIN**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA USULUDDIN**

**JABATAN SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2015**

## **ABSTRAK**

Manuskrip Undang-Undang Kedah telah ditemui dalam beberapa versi dan tempat, antaranya ialah Versi R.O Winstedt, Versi Ku Din Ku Meh, serta Versi Rafles. Undang-Undang Kedah Versi R.O Winstedt seringkali diketengahkan oleh para pengkaji sebelum ini yang melibatkan kajian pelbagai aspek. Manakala penulis pula memilih Manuskrip Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh sebagai sandaran kajian dengan judul lengkapnya Manuskrip Undang-Undang Kedah: Kajian Unsur-Unsur Etnografi Islam. Kajian ini dilakukan atas tanggapan bahawa teks undang-undang Kedah versi ini lebih dipengaruhi oleh ajaran Islam berbanding versi R.O Winstedt. Kenyataan ini bersandarkan gambaran adat-adat Melayu serta etnografi yang diketengahkan lebih bersifat islamik dan detail contohnya dalam hal ehwal perkahwinan. Bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan, beberapa jenis rujukan sokongan primer dan sekunder digunakan seperti Hukum Kanun Melaka, Hikayat Merong Mahawangsa, Manuskrip Tarikh Salasilah Negeri Kedah dan lain-lain. Selain itu kajian pengkaji lepas amat menyokong kajian ini. Segala data yang diperolehi dianalisis menggunakan pendekatan deduktif, dimana maklumat dikumpul dan dianalisa satu persatu bagi mendapatkan jawapan yang dicari. Pendekatan tekstologi juga diaplikasikan bagi menganalisa dan mendapatkan maklumat dari manuskrip yang dikaji khususnya Manuskrip Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh. Merujuk kepada kajian yang dilakukan ini, dapat disimpulkan pengaruh Islam sememangnya dominan dalam hal adat-adat Melayu yang melibatkan urusan perkahwinan namun dalam hal berkaitan adat diraja berlaku percampuran antara pengaruh Islam dan pengaruh lain.

## ABSTRACT

There are several versions of *Kedah Laws* like R.O Winstedt, Ku Din Ku Meh and Rafless version. R.O Winstedt version is almost referred by the researchers. However, the manuscripts that I choose to refer is *Kedah Laws* Version Ku Din Ku Meh by topic *Kedah Laws: A Studies From Islamic Ethnography* based on Ku Din Ku Meh's Version. The study is done based on the assumption that *Kedah Laws* Ku Din Ku Meh's was influenced by Islamic teachings more than R.O Winstedt version. This statement was stated due to the overview of malay customs and the elements of ethnography more Islamic and detail. For example in matters of marriage. In order to reveal the data, several supportive source primary and secondary were use like *The Laws of Malacca*, *Hikayat Merong Mahawangsa* and *Tarikh Salasilah Negeri Kedah* manuscript. In additioan, the studies from previous researcher was strongly support my research about *Kedah Laws*. All data were analyzed using deductive approach, which examines the views and arguments of the previous researchers about the laws. Tekstology approach is also applied to analyze ang retrieve the content of *Kedah Laws* Ku Din Ku Meh's version. As a conclusion, the influence of Islam was more dominant especially in matters about marriage. However in matters about royal customs it was more lenient, assimilated with the regional culture and belief.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah segala puji hanya bagi Allah Tuhan Sekalian Alam, selawat serta salam dipanjatkan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W , para sahabat baginda serta sekalian penghidup agama Allah. Setinggi-tinggi kesyukuran dirafa'kan ke hadrat Ilahi di atas segala kurniaan taufiq dan hidayahNya. Kesyukuran tak terhingga juga dipanjatkan kepada Yang Maha Esa kerana berkat limpahan kasihNya telah mengurniakan kekuatan serta kesihatan kepada penulis bagi menyiapkan amanah yang telah dipertanggungjawabkan ini.

Dalam kesempatan ini penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan serta jutaan terima kasih khusus buat penyelia tesis Prof Dr Tatiana Denisova dan Prof Madya Dr Mohd Roslan Mohd Nor di atas segala bimbingan, nasihat, komentar serta tunjuk ajar yang telah dicurahkan. Semoga segala perhatian serta tunjuk ajar yang diberikan akan mendapat balasan yang setimpal daripada Allah SWT.

Jutaan penghargaan juga khusus buat Dato' Haji Wan Shamsuddin Mohd Yusof (Pengerusi Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah) dan waris Ku Din Ku Meh, Tengku Yahaya Tengku Mahadi di atas ribuan maklumat yang diberikan. Tidak dilupakan juga kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia (khusus bahagian Manuskrip Melayu), kakitangan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah (khususnya bahagian Koleksi Kedah Darul Aman), kakitangan Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur dan Arkib Negara Cawangan Kedah Perlis (khususnya bahagian penyelidikan), kakitangan Muzium Negeri Kedah (bahagian perpustakaan), kakitangan Perpustakaan Universiti Malaya (khususnya bahagian manuskrip), Perpustakaan Peringatan Zaaba dan Perpustakaan Akademi Pengajian

Melayu) serta kakitangan Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia (khususnya bahagian Media) yang banyak membantu mendapatkan bahan rujukan serta idea dalam menyempurnakan tesis ini.

Selain itu, penghargaan khusus ditujukan buat pensyarah Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Dr Faisal Abdul Hamid, Dr Abdullah Yusof, Dr Aizan Ali, Pn Norhayati Hj. Hamzah, Dr Nurulwahidah Fauzi, Dr Ashiqin Abd. Halim, Dr Akmal Sidek, Dr Tareq Ladjal di atas segala ilmu dan pengalaman yang telah diberikan. Tidak dikesampingkan juga Kak Suzana selaku P.A JSTI dan kakitangan Ijazah Tinggi yang sentiasa membantu dan memudahkan segala urusan berkaitan tesis. Insya Allah segala ilmu dan tunjuk ajar yang diberikan akan penulis manfaatkan sebaiknya demi kemaslahatan agama, bangsa dan negara.

Penghargaan teristimewa buat suami serta permata hati tersayang, Muhd Nuh Ghazali dan Ammar yang sentiasa menyokong serta membantu, ayahanda serta bonda tercinta iaitu Kamarudin bin Ibrahim dan Salwah binti Osman yang senantiasia mendoakan kesejahteraan serta kejayaan anak-anaknya di dunia serta akhirat. Disamping itu juga tak dilupakan buat adinda-adinda tersayang, Angah, Alang, Achik dan Wawa , semoga senantiasia hidup di bawah rahmat serta lembayung kasih sayangNya.

Selain itu, tak dilupakan juga teman seperjuangan merangkap adik beradik JSTI yang sentiasa bersama-sama dalam penggalan ilmu ini. Sesungguhnya kenangan bersama kalian akan senantiasia tersemat di hati sanubari walaupun jarak dan masa bakal memisahkan kita.

Akhir sekali ucapan terima kasih buat semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan latihan ilmiah ini. Semoga Allah merahmati serta membalas segala kebaikan kalian.

Sekian, Wassalam.

13 Rabiul Akhir /30 Mac 2014.

Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam  
Bahagian Pengajian Usuluddin,  
Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur.

Siti Fairus Kamarudin  
23, Kampung Lincan,  
Jalan Sungai Tiang,  
06750, Pendang,  
Kedah Darul Aman.

## SUSUNAN KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
Lampiran Tajuk	
Muka Surat Tajuk	
Borang Keaslian Disertasi	
Abstrak	iii
<i>Abstracts</i>	iv
Penghargaan	v
Daftar Isi	vi
Senarai Kependekan	vii
Senarai Lampiran	viii
Senarai Jadual Dan Carta	ix
Jadual Transliterasi	x

## BAB I : PENDAHULUAN

Latar Belakang Masalah	1
Perumusan Masalah	4
Objektif Kajian	4
Kepentingan Kajian	5
Batasan Kajian	6
Sorotan Perpustakaan	6



Metodologi Penyelidikan	12
i) Penyelidikan Perpustakaan	13
ii) Kajian Lapangan	15
a) Metod Pengumpulan Data	15
b) Metod Analisis Data	16
Sistematika Penulisan	18

## **BAB II : SASTERA UNDANG-UNDANG DAN ETNOGRAFI**

Pendahuluan	20
Kodeks Undang-Undang Sebagai Genre Sastera	20
Definisi Sastera Undang-Undang	22
Bahagian Sastera Undang-Undang	28
Ciri-Ciri Umum Sastera Undang-Undang	32
Kepentingan Sastera Undang-Undang	62
Etnografi	65
Pengertian Etnografi	66
Perkembangan Motode Etnografi	68
Tujuan Etnografi	73
Budaya Islam	74
Kesimpulan	76

### **BAB III: SEJARAH TEKS DAN CIRI-CIRI KHAS MANUSKRIP UNDANG-UNDANG KEDAH VERSI KU DIN KU MEH**

Pendahuluan	77
Inventori Manuskrip Undang-Undang Kedah	77
Latar Belakang Penulisan	92
Latar Belakang Pengarang	93
Tarikh Kemunculan Teks	94
Isi Kandungan Teks	94
Tujuan Penulisan Teks	100
Sumber Rujukan	100
Ciri-Ciri Penulisan Teks	101
Kesimpulan	113

## **BAB IV: ANALISIS UNSUR-UNSUR ETNOGRAFI ISLAM DALAM TEKS UUKVKDKM**

Pendahuluan	114
Sistem Pemerintahan	115
Adat Istiadat Tradisional Kesultanan Melayu Kedah	116
i) Adat pemilihan raja dan menteri	116
ii) Adat berbahasa dalam istana	121
iii) Adat berpakaian dalam istana	123
iv) Adat yang berkaitan dengan regalia dan simbol di raja serta para menteri	126
v) Adat istiadat nobat diraja Kedah	128
vi) Adat Menyambut Surat Diraja	132
Adat Resam Perkahwinan Tradisional Kedah	
i) Meminang	135
ii) Menentukan mahar	137
iii) Kenduri kahwin	139
iv) Merisik	140

## Sistem Sara Hidup Masyarakat Kedah

i)	Pertanian	142
a)	Penanaman padi tradisional	143
b)	Perdusunan	147
ii)	Perdagangan	147
iii)	Perniagaan	151
iv)	Penyewaan, pajakan dan gadaian	154
v)	Mengambil upah	155
vi)	Hasil denda	156
vii)	Zakat	158
viii)	Penangkapan ikan	160
ix)	Peternakan	161
Perumahan dan Kota Kedah		163
Kesimpulan		166
<b>BAB VI : KESIMPULAN</b>		167
<b>BIBLIOGRAFI</b>		172

## SENARAI KEPENDEKAN

ABD	: Abdul
APIUM	: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
CM	: Sentimeter (Ukuran Panjang)
DLM.	: Dalam
Ed	: Editor
et al	: Et alii @ et alia (Lebih dari 2 pengarang)
F	: Fasal
H	: Halaman
H	: Hijriah
Hj	: Haji
HKDKS	: Hukum Kanun Dato Kota Setar
HKM	: Hukum Kanun Melaka
HKP	: Hukum Kanun Pahang
HMM	: Hikayat Merong Mahawangsa
<i>Ibid</i>	: <i>Ibidem</i> (Rujukan berturut)
JMBRAS	: Journal Malayan Branch Royal Asiatic Society
M	: Masihi
MBRAS	: Malayan Branch Royal Asiatic Society
<i>Op.cit.</i>	: <i>Opera Citato</i> (Rujukan berselang)
PMN	: Pusat Manuskrip Melayu
PNM	: Perpustakaan Negara Malaysia
PROF	: Profesor
SAW	: Sallallahualaihiwasallam
SDN.BHD	: Sendirian Berhad
SOAS	: School Of Oriental and African Studies
T.P	: Tanpa Penerbit
T.T	: Tanpa Tarikh
TDSPT	: Tembera Dato' Sri Paduka Tuan
TSNK	: Tarikh Salasilah Negeri Kedah

UU99	: Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan
UUI	: Undang-Undang Inderagiri
UUJ	: Undang-Undang Johor
UUK	: Undang-Undang Kedah
UUKVKDKM	: Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh
UUKVROW	: Undang-Undang Kedah Versi R.O Winstedt
UUM	: Universiti Utara Malaysia
UUP	: Undang-Undang Pahang
UUR	: Undang-Undang Pahang
V	: Volume

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran I	: Kedudukan Negeri Kedah Ketika Penggubalan UUK
Lampiran II	: Orang-Orang Besar Kedah Ketika Penggubalan UUK
Lampiran III	: Pusat Pentadbiran Kedah Ketika UUK di gubal
Lampiran IV	: Sistem Tulisan Yang Terkandung dalam UUK
Lampiran VI	: Undang-Undang Kedah (Mal Pol 39)

## SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	56
Jadual 2.2	57
Jadual 2.3	60
Jadual 2.4	61
Jadual 2.5	62
Jadual 3.1	104
Jadual 3.2	105
Jadual 3.3	106
Jadual 3.4	108
Jadual 3.5	110
Jadual 3.6	110
Jadual 3.7	111
Jadual 3.8	112
Jadual 3.9	112
Jadual 3.10	112
Jadual 4.1	117
Jadual 4.2	118
Jadual 4.3	119
Jadual 4.4	119
Jadual 4.5	120
Jadual 4.6	121
Jadual 4.7	122
Jadual 4.8	124
Jadual 4.9	126
Jadual 4.10	127
Jadual 4.11	130
Jadual 4.12	131
Jadual 4.13	132
Jadual 4.14	146
Jadual 4.15	157



## KAEDAH TRANSLITERASI

### 1. Huruf Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Latin
ا	<i>Alif</i>	a / '
ب	<i>ba'</i>	b
ت	<i>ta'</i>	t
ث	<i>tha'</i>	th
ج	<i>Jim</i>	j
ح	<i>ha'</i>	h
خ	<i>kha'</i>	kh
د	<i>Dal</i>	d
ذ	<i>Dhal</i>	dh
ر	<i>ra'</i>	r
ز	<i>Zay</i>	z
س	<i>Sin</i>	s
ش	<i>Syin</i>	sy
ص	<i>Sad</i>	s
ض	<i>Dad</i>	d
ط	<i>ta'</i>	t
ظ	<i>za'</i>	z
ع	<i>'ayn</i>	'
غ	<i>Ghayn</i>	gh
ف	<i>fa'</i>	f
ق	<i>Qaf</i>	q

ك	<i>Kaf</i>	k
ل	<i>Lam</i>	l
م	<i>Mim</i>	M
ن	<i>Nun</i>	N
و	<i>Waw</i>	W
ه	<i>ha'</i>	H
ي	<i>ya'</i>	Y
ة	<i>ta' marbutah</i>	H

## 2. Huruf Vokal

Vokal	Huruf Arab	Huruf Latin
Pendek	(fathah)	A
	(dammah)	U
	(kasrah)	I
Panjang	آ	A
	أُ	U
	إِي	I
Diftong	أَو	Aw
	أَي	Ay
	يَ	iy/i
	وَ	Uww

**Nota :** Istilah atau perkataan yang berasal daripada perkataan Bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan umum Bahasa Malaysia adalah dieja mengikut perkataan Bahasa Malaysia melainkan jika ia ditulis mengikut sebutan Bahasa Arab.

## **BAB SATU: PENGENALAN**

### **1.0 Latar Belakang Masalah**

Penyebaran Islam merupakan satu anjakan paradigma bagi singkapan sejarah Tanah Melayu. Islam sebagai agama yang *haq* bukan sahaja mengubah kepercayaan masyarakat Melayu dari bertuhankan cakerawala, unsur-unsur alam serta patung-patung kepada bertuhankan Allah Yang Maha Esa, malah ia juga mengubah jiwa, corak pemikiran serta pandangan hidup masyarakat seterusnya mencorakkan kebudayaan yang lebih benar dan murni. Tentang perubahan ini, Syed Mohd Naquib al-Attas ada menyatakan:<sup>1</sup>

Kedatangan Islam di kepulauan Melayu-Indonesia harus kita lihat sebagai mencirikan zaman baru dalam persejarahannya, sebagai semboyan tegas membawa rasionalisma dan pengetahuan akliah serta menegaskan satu sistem masyarakat yang berdasarkan kebebasan orang perseorangan, keadilan dan kemuliaan keperibadian insan. Islam membawa semangat rasionalisme dan intelektualisme bukan sahaja di kalangan istana dan kraton malah sampai juga dengan lebih merebak di kalangan rakyat jelata”

Dalam membicarakan mengenai kedatangan Islam di Tanah Melayu ini, isu tarikh, cara serta tempat terawal menerima Islam menjadi perdebatan utama antara para sejarawan samaada barat atau tempatan. Namun begitu kebanyakan sejarawan Barat berpandangan bahawa Islam telah bertapak di rantau ini pada abad ke 15M<sup>2</sup> berbeza dengan pandangan kebanyakan sejarawan tempatan yang berpendapat abad ke 9M atau ke 10M sebagai tarikh kedatangan Islam di Tanah Melayu.<sup>3</sup> Selain itu, antara negeri-negeri terawal yang

---

<sup>1</sup> Syed Muhd Naquib al-Attas, (1972), *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 56.

<sup>2</sup> Abdullah Ishak (1992), *Islam di Nusantara( Khususnya di Tanah Melayu)*, Selangor: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, h. 54.

<sup>3</sup> *Ibid.*

diperdebatkan menerima agama suci ini adalah Pasai, Perlak, Melaka, Kelantan, Pahang, Terengganu dan fokus kajian pengkaji iaitu negeri Kedah.<sup>4</sup>

Kedah menjadi justifikasi kajian pengkaji kerana dari sudut sejarahnya ia dianggap antara negeri yang terawal menerima pengaruh Islam iaitu kira-kira pada abad ke 9M lagi. Pengaruh ini adalah merupakan lanjutan daripada hubungan perdagangan yang terjalin antara para pedagang Timur Tengah khususnya Tanah Arab dan Parsi yang menjalankan perdagangan di Pelabuhan Kedah.<sup>5</sup> Hal ini diperkukuhkan lagi melalui penemuan beberapa artifak seperti batu nisan bertulisan Arab milik Shaikh Abd. al-Qadir Ibn al-Husayn Shah Alam yang wafat pada 903H ditemui di Tanjung Aris, Kedah pada tahun 1965M serta catatan para pengembara, pendakwah dan para ahli geografi Islam seperti Ibn Khurdadhbih (844-848M), Abu Zaid al-Sirafi (916M), Abu Dhulaf (940M), al-Yaqubi (857-880M) dan Mas'udi (943M).<sup>6</sup>

Bertitik tolak dari tarikh ini, Islam mulai berkembang pesat di Kedah. Kemuncak perkembangannya iaitu pada tahun 1136M apabila Islam diangkat menjadi agama rasmi bagi negeri Kedah.<sup>7</sup> Berdasarkan *Manuskrip Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hal ini berlaku selepas raja yang memerintah Kedah ketika itu iaitu Maharaja Derbar Raja II telah memeluk Islam setelah diislamkan oleh seorang ulama dari Yaman iaitu Syeikh Abdullah Yamani. Selepas memeluk agama suci ini, nama beliau telah ditukar kepada Muzaffar Syah

---

<sup>4</sup>Mahyuddin Haji Yahya (2001), *Islam di Alam Melayu*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 15.

<sup>5</sup> Yahaya Abu Bakar (1991), *Kedah dan Perdagangan Tradisi Asia Abad Ketujuh hingga Abad Keenam Belas Masihi*, Kertas Kerja *Dokumentasi Konvensyen Sejarah Kedah Darulaman* anjuran Lembaga Muzium Negeri Kedah, h. 212.

<sup>6</sup> Mohd Liki Hamid (2000), *Islam dan Pendidikan di Kedah*, Kertas kerja *Seminar Kedah 100 Tahun* anjuran Institut Kajian Darul Aman (IDAMAN) UUM, h. 1.

<sup>7</sup> *Ibid*, h.2.

dengan memakai gelaran Sultan. Selain itu nama Kedah yang dahulunya dikenali dengan nama 'Kataha' telah pun diubah menjadi Qeudah.<sup>8</sup>

Kesan tersebarnya Islam di Kedah, maka corak pemikiran dan kepercayaan masyarakat mulai mengalami perubahan sedikit demi sedikit dari mempercayai unsur-unsur animisme dan ajaran Hindu Buddha yang menjadi pegangan pemerintah serta rakyat Kedah ketika itu kepada ajaran Islam. Apabila corak pemikiran serta kepercayaan masyarakat mulai berubah ke arah yang lebih murni, maka sekaligus sistem kehidupan serta kebudayaan masyarakat juga mengalami proses pemurnian.

Ini jelas diteliti melalui khazanah-khazanah pengkajian mengenai Kedah seperti Manuskrip Tarikh Salasilah Negeri Kedah (TSNK), Hikayat Merong Mahawangsa, dan subjek kajian pengkaji iaitu Manuskrip Undang-Undang Kedah (UUK) yang ditemui dalam beberapa versi. Versi UUK yang menjadi subjek kajian adalah versi Ku Din Ku Meh (seterusnya disebut UUKVKDKM). Versi ini menjadi justifikasi kajian kerana teks undang-undang ini merupakan undang-undang terakhir yang digunakan oleh masyarakat Kedah sebelum digantikan penggunaannya dengan undang-undang kolonial. Maka dengan itu, pengkaji dapat meninjau gambaran sosio budaya, sosio ekonomi dan tahap pemikiran masyarakat setempat yang melahirkan undang-undang tersebut pada masa Islam sudah bertapak kukuh di Kedah. Selain itu, versi ini juga lebih lengkap cakupan perbahasannya mengenai aspek keislaman berbanding versi lain.

---

<sup>8</sup> Muhamad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad (1968), *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 20.

Namun begitu, walaupun UUKVKDKM merupakan kanun yang bersifat islamik, namun begitu kupasannya masih mengandungi perbincangan tentang unsur-unsur kebudayaan pra Islam. Maka dengan itu, unsur-unsur kebudayaan Islam dikhususkan kajian tentang unsur-unsur etnografi bersifat Islam atau separa Islam harus diketengahkan sebagai salah satu bukti kedatangan Islam di Kedah sekaligus menunjukkan bahawa kedatangan Islam telah mengubah sedikit sebanyak corak kehidupan masyarakat Kedah.

### **1.1 Perumusan Masalah**

Berteraskan kepada permasalahan yang berlaku, maka pengkaji berusaha untuk merungkap beberapa persoalan bagi menjawab segala permasalahan berbangkit dan seterusnya mencapai matlamat pengkajian yang sebenar.

- i. Apakah kajian etnografi serta etnografi Islam?
- ii. Bagaimanakah sejarah teks, bentuk serta ciri-ciri khas penulisan UUK Versi Ku Din Ku Meh (UUKVKDKM)?
- iii. Apakah unsur-unsur etnografi Islam yang wujud dalam UUKVKDKM?

### **1.2 Objektif Kajian**

Sudah menjadi kebiasaan umum bahawa setiap kajian atau pengkajian yang dilakukan pastinya mempunyai tujuan dan matlamat tertentu. Oleh sebab itu, pengkaji telah menggariskan beberapa objektif sebagai sasaran pengkajian yang dijalankan. Antara objektif-objektif tersebut adalah:

- i. Mengetahui maksud serta kupasan etnografi Islam.
- ii. Mengenalpasti sejarah teks, bentuk serta ciri-ciri khas penulisan UUKVKDKM.
- iii. Menganalisis unsur-unsur etnografi yang dipengaruhi oleh ajaran Islam dalam UUKVKDKM.

### **1.3 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting dijalankan adalah untuk memartabatkan serta memperkenalkan Undang-Undang Kedah sebuah khazanah lama bercorak undang-undang yang mana menyimpan nilai-nilai sejarah serta kebudayaan yang tinggi dimata masyarakat Kedah khususnya generasi muda kini. Di samping itu juga kajian ini penting bagi mengenalpasti budaya-budaya masyarakat Kedah zaman lampau khususnya budaya-budaya yang dipengaruhi Islam yang sudah lama dilupakan akibat tenggelam di arus globalisasi kini. Selain itu, ia juga penting dalam memperkenalkan Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh kepada masyarakat kini, kerana naskhah undang-undang ini masih belum mendapat perhatian yang meluas daripada para pengkaji.

Selain itu juga, secara umumnya kajian ini penting dilakukan sebagai salah satu usaha bagi memartabatkan serta memelihara khazanah warisan Melayu ini daripada terus hilang ditelan zaman. Ini kerana manuskrip Melayu adalah merupakan sumber primer dalam segala bidang ilmu dan sekiranya kajian manuskrip dilupakan maka natijahnya sama seperti menghapuskan manuskrip tersebut di samping ilmu-ilmu yang terkandung di dalamnya tidak dapat dipelajari oleh generasi masa hadapan.

## 1.4 Batasan Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah membataskan kajian kepada undang-undang dari sudut kesusasteraan dan bahasa sahaja dan tidak menyentuh kepentingan teks dari sudut undang-undang. Selain itu, kajian ini hanya terbatas kepada undang-undang adat temenggung terutamanya UUK. Di samping itu, kajian yang dijalankan ini hanya terfokus untuk mendapatkan maklumat tentang unsur-unsur etnografi Islam dalam UUK versi Ku Din Ku Meh sahaja. Versi ini menjadi pilihan pengkaji kerana kajian mengenainya masih kurang dilakukan di samping kandungannya lebih lengkap berbanding versi-versi lain. Selain itu, teks undang-undang ini juga dikatakan sebagai undang-undang terakhir yang diamalkan oleh masyarakat Kedah sebelum digantikan dengan undang-undang kolonial.

## 1.5 Sorotan Literatur

Sorotan perpustakaan atau kajian *literature* bermaksud bahan yang berkaitan dengan masalah kajian samaada berbentuk buku, makalah, serta laporan-laporan daripada pihak-pihak tertentu yang berkenaan dengan masalah kajian. Melalui kajian *literature* ini pengkaji dapat melihat bagaimana pengkaji-pengkaji sebelumnya melaksanakan kajian, membentuk teori kajian sekaligus dapat mengetahui kedudukan kajian pengkaji nanti dalam konteks perkembangan ilmu dalam bidang-bidang berkaitan.<sup>9</sup> Ini kerana sememangnya fungsi pengkajian adalah untuk mengembangkan ilmu bagi sesuatu bidang.

---

<sup>9</sup> Idris Awang (2001), *Kaedah Pengkajian: Suatu Sorotan*, Petaling Jaya: Intel Multimedia Publication dan Akademi Pengajian Islam, h.17.



Berdasarkan kepada kajian literatur yang dibuat, terdapat beberapa kajian mengenai sejarah awal perundangan Kedah serta manuskrip undang-undang Kedah, namun belum terdapat satu kajian khusus yang membincangkan mengenai aspek keislaman secara terperinci di dalam teks perundangan Kedah. Jikalau ada, ianya ringkas dan kebanyakannya adalah menggunakan teks UUK Versi R.O Winstedt (UUKVROW).<sup>10</sup> Tambahan pula UUK (VKDKM) ini belum ditonjolkan lagi kewujudannya secara menyeluruh. Jika ditonjolkan pun, hanya sekadar pembuka jalan kepada pengkaji seterusnya.<sup>11</sup>

Dalam menjelaskan tentang kajian literatur ini, pengkaji telah membahagikan ulasan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama mengenai sejarah awal perundangan di Kedah. Manakala bahagian kedua pula membincangkan mengenai manuskrip undang-undang Kedah dan bahagian terakhir pula mengenai kajian etnografi.

Antara kajian yang merangkumi bahagian pertama adalah kajian oleh Abdul Aziz Mohd Ariff yang menulis mengenai *Undang-Undang Islam di Kedah Sebelum Penjajahan Inggeris: satu Penilaian Sejarah* yang boleh dijadikan sandaran. Di dalam bab kedua kajiannya, beliau menerangkan mengenai kedudukan undang-undang Islam di Kedah sebelum penjajahan kolonial. Turut juga dijelaskan sejauhmanakah undang-undang Islam yang dilaksanakan di Kedah bertepatan dengan kehendak dan syariat Islam. Perbincangannya dilihat ringkas dan hanya mengambil beberapa kod sahaja sebagai asas rujukan.

---

<sup>10</sup> Siti Hawa Salleh (1996), *Unsur-Unsur Islam dalam Undang-Undang Kedah*, Seminar Islam di Kedah Darulaman anjuran Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah dan Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Alor Setar., Lihat juga Abdul Aziz Mohd Ariff (1996/1997), *Undang-Undang Islam di Kedah Sebelum Penjajahan Inggeris: Satu Penilaian Sejarah*, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya.

<sup>11</sup> Mahani Musa (2003), *Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh 1311 H/1893 M*, Bengkel Kajian Naskhah Kesultanan Melayu iii, di Auditorium Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah, 3-5 Jun 2003. Lihat juga Khoo Kay Jin (1991), *Undang-Undang Kedah Dengan Tumpuan Khusus Kepada Pengawalan Hak Milik Tanah*, dalam Masyarakat Melayu Abad ke-19, Kuala Lumpur: Jawatankuasa Kolokium DBP. Rujuk juga kajian Muhamad Nor Rashidi Mahamod (1990/1991), *Sejarah Kedah: Undang-Undang Kedah Dengan Penelitian Terhadap Persoalan Tanah*, Kertas Projek, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Selain itu, kajian Has Zainah Mahat berjudul *Sejarah Perundangan di Kedah Sehingga 1957* juga boleh dijadikan rujukan. Seperti kajian lain, beliau juga turut memasukkan undang-undang yang diamalkan di Kedah iaitu UUKVROW sahaja namun tidak menghuraikan dengan lebih lanjut. Beliau hanya memasukkan semua undang-undang yang diamalkan di Kedah sejak awal zaman penguat kuasaannya sehinggalah negara mencapai kemerdekaan.<sup>12</sup>

Begitu juga dengan kajian Mat Zin Ayub yang menulis mengenai *Undang-Undang Islam Kedah Sebelum Penjajahan British*. Kajian ini dilihat lebih mirip kepada kajian yang telah dilakukan oleh Has Zainah yang lalu. Aspek yang membezakan dengan kajian ini ialah beliau telah menjelaskan mengenai fasal-fasal yang berkaitan dengan Islam yang terdapat UUKVROW ini. Namun tidak pula menghuraikannya. Ketiga-tiga kajian ini membicarakan perundangan awal di Kedah.

Selain itu, bagi melihat mengenai kebudayaan masyarakat Kedah, dapat disorot kajian Wan Syamsuddin Wan Yusof berjudul *Hukum Kanun Kedah: Kajian dari Sudut Politik, Ekonomi, dan Sosio-Budaya* yang menjelaskan tentang latar belakang pengkajian UUK, pembahagian bab-bab dalam UUK serta huraian tentang kandungannya sekaligus kupasan mengenai kehidupan masyarakat Kedah. Selain itu gambaran umum tentang sosioekonomi serta sosiobudaya masyarakat Kedah turut dimuatkan dalam pengkajian tersebut.

---

<sup>12</sup> Has Zainah Mahat (1990), *Sejarah Perundangan di Kedah Sehingga 1957*, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya.

Manakala bagi kajian mengenai manuskrip pula, dapat dirujuk kajian Mohd Radzi Ishak berjudul *Undang-Undang Kedah: Satu Analisa Teks*. Meskipun UUK menjadi tajuk pilihannya, namun beliau turut memuatkan penerangan mengenai Hukum Kanun Melaka (HKM) dan undang-undang lain di bawah pengaruhnya seperti Hukum Kanun Pahang (HKP) dan Undang-Undang Johor (UUJ) yang mana turut dibincangkan secara ringkas dalam bab kedua pengkaji. Selain itu, penterjemahan serta penganalisaan teks turut dilakukan, namun ianya ringkas dan hanya dijelaskan dalam satu bab kecil yang dimuatkan dalam bab kedua kajian (iaitu dalam sub topik 2.4) yang dilihat dari aspek adat dan hukum.

Bagi melihat tentang gaya pengkajian serta adat istiadat diraja yang terdapat dalam teks ini, maka boleh merujuk kajian Zarirah Haji Mahat berjudul *Undang-Undang Kedah: Satu Analisis Aspek Ejaan Jawi, Morfologi dan Sintaksis*.<sup>13</sup> Selain itu dapat juga disorot kajian Adi Yasran Abdul Aziz dan Halimah Hassan dalam kertas kerja berjudul *Sahsiah dan Jati Diri Negara Bangsa Dalam Manuskrip Undang-Undang Pelabuhan Kedah*.<sup>14</sup> Kedua-dua kajian ini membincangkan dari aspek yang sama namun perbezaannya adalah penggunaan subjek kajian yang berbeza di mana Saudari Zarirah menggunakan Undang-Undang Perbuatan Dato' Besar Dahulu iaitu salah satu versi undang-undang Kedah sebagai subjek kajian manakala Saudara Adi Yasran dan Saudari Halimah Hassan menggunakan manuskrip Undang-Undang Pelabuhan Kedah sebagai bahan utama kajian.

---

<sup>13</sup> Zarirah Mahat (1995/1996), *Undang-Undang Kedah: Satu Analisis Aspek Ejaan Jawi, Morfologi dan Sintaksis*, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya.

<sup>14</sup> Adi Yasran, Halimah Hassan ( t.t) *Sahsiah dan Jati Diri Negara Bangsa dalam Manuskrip Undang-Undang Pelabuhan Kedah*, Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-5.

Manakala antara kajian yang bertepatan dengan kajian pengkaji, adalah kajian Mahani Musa berjudul *Undang-Undang Versi Ku Din Ku Meh (1311H/1893M)*.<sup>15</sup> Saudara Mahani merupakan perintis yang membuka jalan bagi mengkaji UUKVKDKM ini. Beliau telah menggambarkan sedikit sebanyak mengenai proses kelahiran undang-undang ini, memasukkan beberapa kod yang berkaitan tentang Islam serta menganalisisnya serta menerangkan beberapa kandungan yang dianggap menarik.

Jika hendak dilihat dari aspek pertanian pula, undang-undang ini dianggap lengkap, sempurna dan terperinci kerana memperuntukkan peruntukan mengenai bersawah bendang, berhuma, berdusun, dan berkampung bermula dari aspek penentuan hak milik, pemugaran, pembinaan pagar sehinggalah kepada pewarisan tanah sekiranya pemilik asal meninggal dunia. Merujuk kepada sempurnanya peruntukan ini, maka ia menarik minat Khoo Kay Jin mengkajinya dengan judul *Undang-Undang Kedah Dengan Tumpuan Khusus Kepada Pengawalan Hak Milik Tanah*<sup>16</sup> serta membuka laluan kepada Nor Rashidi Mahamod dengan judul *Sejarah Kedah: Undang-Undang Kedah Dengan Penelitian Terhadap Persoalan Tanah* dan Azman Isa dalam kertas kerja berjudul *Sejarah Perkembangan Undang-Undang dan Pentadbiran Tanah di Kedah Sebelum Penjajahan British*.<sup>17</sup>

Kajian yang mengenengahkan unsur-unsur Islam dalam UUK (VKDKM) ini dapat dirujuk kepada sebuah disertasi hasil pengkajian Allauwiyah Jusoh bertajuk *Analisis Teks*

---

<sup>15</sup> Mahani Musa (2003), *op.cit*

<sup>16</sup> Khoo Kay Jin (1991), *op.cit*.

<sup>17</sup> Azman Isa (2009), *Sejarah Perkembangan Undang-Undang dan Pentadbiran Tanah di Kedah Sebelum Penjajahan British*, Kertas Kerja Wacana Warisan Kedah Darul Aman, Kedah.

*Undang-Undang Kedah Berasaskan Perspektif Hukum Islam*.<sup>18</sup> Beliau membincangkan UUK (VKDKM) secara khusus terhadap perspektif hukum fiqh dalam undang-undang Islam disamping menyentuh pengenalan serta latar belakang UUK secara ringkas.

Manakala kajian mengenai etnografi pula dapat merujuk kepada kajian Saudara Awangku Ali Pg Jumaat dalam pengkajian bertajuk *Etnografi Orang Brunei Pekan Menumbok Sabah*, Saudari Masittah Raja Ariffin dalam pengkajian bertajuk *Teater Pulang: Kajian Berdasarkan Analisis Aktiviti Komunikasi dan Etnografi Pertuturan*, Saudari Roslaily Mohamad dalam kajian berjudul *Etnografi Masyarakat Orang Asli Suku Kaum Jahut di Kampung Sungai Koi Jerantut Pahang*, dan Saudari Robiah Sidin dalam pengkajiannya bertajuk *Nilai Budaya Masyarakat Desa: Kajian Etnografi di Kampung Tekek, Pulau Tioman Pahang*. Namun begitu, terdapat juga kajian yang melibatkan karya-karya kesusasteraan dan teks seperti kajian Saudara Hanapi Dollah dalam kertas kerja beliau berjudul *Kelantan Tales: Karya Sastera atau Laporan Etnografi*. Kesimpulannya, kajian mengenai etnografi banyak juga dilakukan namun ia lebih khusus kepada kajian berbentuk kuantitatif dan bersifat semasa manakala kajian teks amat kurang diberi perhatian.

Berdasarkan kepada sorotan yang digariskan, maka pengkaji melihat kajian mengenai kebudayaan berbentuk kajian etnografi dalam UUK khususnya versi Ku Din Ku Meh ini belum dikaji secara menyeluruh serta meluas. Selain itu, tidak ada kajian sebelum ini yang melakukan tranliterasi bagi teks dan telah dilakukan oleh penulis. Penulis juga ada mengenengahkan analisis perbandingan teks berkaitan kosa kata serta loghat Kedah. Maka,

---

<sup>18</sup> Alauwiyah Jusoh (2006), *Analisis Teks Undang-undang Kedah Berasaskan Perspektif Hukum Islam*, Disertasi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

dengan itu, kajian ini dilakukan bagi memenuhi kelompongan yang terdapat dalam kajian sebelumnya khususnya tentang kebudayaan Islam disamping menambah *literature review* buat pengkaji seterusnya.

## **1.6 Metodologi Penyelidikan**

Metode adalah cara bagaimana kajian ini akan dilaksanakan serta bagaimana data yang akan diperolehi dengan mempunyai sifat validiti dan kebolehpercayaan yang tinggi. Dengan merujuk kepada bagaimana data dan maklumat tentang kajian akan dibuat, maka pengkaji telah menggunakan dua jenis metodologi dalam melakukan kajian ini iaitu metode pengumpulan data serta metode analisis data.

### **1.6.1 Metode Pengumpulan Data**

Metode ini digunakan bagi mendapatkan data yang diperlukan bagi pengkajian ini. Ia digunakan bagi mendapatkan tajuk-tajuk yang bertepatan dengan tajuk kajian dan usaha-usaha yang dilakukan dengan cara mengumpul dan mentafsir data-data yang terkumpul. Dalam menjalankan kajian ini beberapa metode akan digunakan iaitu:

#### **i. Kajian Perpustakaan**

Kajian perpustakaan merupakan salah satu cara yang sering digunakan oleh para pengkaji bagi mendapatkan data dan fakta melalui bahan rujukan seperti majalah, jurnal, buku, surat khabar, kertas kerja persidangan, laporan jabatan serta pelbagai sumber lain yang membolehkan para pengkaji mendapatkan maklumat dengan lebih mudah.

Maka, dengan itu pada peringkat awalnya pengkaji telah menggunakan kajian jenis ini bertujuan mendapatkan sumber-sumber primer serta sekunder seperti makalah, kertas kerja persidangan, buku-buku, manuskrip dan sebagainya bagi mendapatkan data tentang kajian. Kajian jenis ini digunakan kebanyakannya dalam bab kedua, bab ketiga yang membincangkan tentang secara tentang kedatangan Islam di Kedah, sastera undang-undang, kesemua versi UUK serta kajian berbentuk etnografi.

Antara perpustakaan yang menjadi rujukan pengkaji ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Perpustakaan Awam Pusat Islam, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Kedah, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah Perlis.

#### **a) Metode Dokumentasi**

Metode ini digunakan bagi mengumpulkan segala dokumen-dokumen primer yang berkaitan dengan kajian pengkaji. Antara bahan-bahan tersebut adalah seperti Manuskrip UUK (VKDKM) yang diperolehi di Arkib Negara Malaysia, tiga *Manuskrip Undang-Undang Kedah* versi selainnya di Pusat Manuskrip Melayu (PMM), *Manuskrip Hukum Kanun Perbuatan Dato' Besar Dahulu*, *Manuskrip Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, sebuah buku transliterasi UUK yang diselenggara oleh Maryam Salim terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kedah Laws* kajian R.O Winstedt, dokumen-dokumen SUK negeri Kedah serta *Majalah Warta Darulaman*. Setelah data-data yang berkaitan kajian diperolehi, maka

sumber-sumber tersebut akan diaplikasikan dan dianalisis bagi memahami permasalahan kajian.

Pengkaji juga telah mengaplikasikan metode ini bagi mengenalpasti kritikan luaran berkaitan dengan manuskrip UUK di mana salinannya ditemui di Pusat Manuskrip Melayu, Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Cawangan Kedah Perlis, dan Segara Ninda, Pulau Pinang. Metode ini diaplikasikan dalam bab yang ketiga.

#### **b) Metode Historis**

Metode ini merupakan satu proses untuk menentukan ada pendapat yang tepat mengenai suatu kajian yang mempunyai nilai sejarah. Metode ini penting dalam kajian ini kerana kajian ini memerlukan banyak maklumat berdasarkan fakta sejarah contohnya bagi mengetahui sejarah perkembangan Islam di Kedah serta latar belakang pengkajian UUK. Metode ini akan diaplikasikan dalam bab kedua dan ketiga.

#### **ii) Kajian Lapangan**

##### **a) Metode Temu Bual**

Metode temu bual adalah salah satu metod yang digunakan bagi mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan daripada responden secara bersemuka. Metode ini merupakan salah satu metode yang penting bagi pengkaji bagi mendapatkan hasil kajian yang lebih jelas serta benar mengenai latar belakang Kedah, UUK serta keadaan masyarakat setempat.



Dalam kajian ini, pengkaji telah menemubual Sejarawan Kedah seperti Dato' Wan Shamsudin Mohd Yusof (Pengerusi Persatuan Sejarah Kedah) pada 15 Jun 2011 di Pejabat Persatuan Sejarah Kedah jam 9.00 pagi untuk membantu memahami masalah kajian dari segi latar belakang sejarah, bahasa, makna tersurat dan tersirat dan sebagainya. Data-data yang diperoleh dapat membantu pengkaji untuk membuat penilaian dan seterusnya menjalankan analisis bagi maklumat yang diperolehi.

Selain itu pengkaji juga menjalankan temubual kepada waris Ku Din Ku Meh, Tengku Yahaya Tengku Mahadi pada 25 Jun 2011 jam 2.30 petang bertempat di Segara Ninda Georgetown, Pulau Pinang bagi mendapatkan maklumat lebih terperinci serta sahih berkenaan Ku Din Ku Meh.

### **1.6.2 Metode Analisis Data**

Metode ini digunakan selepas segala data yang diperlukan telah berkumpul melalui metode-metode pengumpulan data tersebut dan akan dianalisa dan dikaji dengan teliti. Dalam usaha membuat penganalisan, beberapa metod analisa data yang relevan dengan kajian digunakan iaitu:

#### **i) Metode Induktif**

Metode induktif merupakan satu cara penganalisan data melalui pola berfikir yang mencari bukti-bukti berdasarkan perkara yang bersifat khusus untuk mencari

kesimpulan yang bersifat umum. Pengkaji mengaplikasikan metode ini dalam menganalisis fakta kepada ulasan yang lebih bersifat umum.

## **ii) Metode Deduktif**

Metode deduktif pula merupakan kaedah menganalisis dan mengolah pengkajian berdasarkan kepada pola berfikir yang mencari pembuktian berdasarkan kepada bukti-bukti umum kepada yang khusus. Di samping itu juga, metode ini merupakan cara untuk menjelaskan sesuatu persoalan terhadap isu-isu yang timbul dengan lebih terperinci. Metode ini dijalankan berdasarkan data dan contoh-contoh yang berbentuk umum dan dihuraikan secara lebih terperinci. Metode ini diaplikasikan dalam bab 4 yang menganalisis keseluruhan teks-teks UUK dan dikhususkan hanya kepada pengaruh Islam.

## **iii) Metode Komparatif**

Metod komparatif ini digunakan bagi membuat perbandingan antara sumber sumber yang diperoleh bagi memastikan sumber manakah yang lebih tepat dan benar. Dengan itu, perbandingan ini akan dinilai dengan lebih terperinci. Metod ini juga bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan dan kebenaran yang kukuh. Metod ini akan lebih dikhususkan di dalam bab kesimpulan kerana untuk memahami dan menengahkan kebenaran, pengkaji memerlukan pemerhatian secara perbandingan yang cukup teliti terhadap data-data yang diperolehi.

#### **iv) Metode Tekstologi**

Pengkaji juga menggunakan metode tekstologi kerana kajian yang dilakukan tertumpu kepada teks manuskrip UUK khususnya UUKVKDKM.

### **1.7 Sistematika Penyelidikan**

Dalam proses menyiapkan pengkajian ini, maka pengkaji perlu menyusun bab-bab di dalamnya secara sistematik bagi memudahkan pengkaji seterusnya melakukan pengkajian. Disebabkan itu, maka pengkaji telah mensistematikakan bab-bab ini kepada lima bab iaitu:

Bab pertama membincangkan mengenai pendahuluan serta pengenalan kajian yang memuatkan penjelasan mengenai latar belakang kajian, definisi tajuk kajian, perumusan masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, metodologi pengkajian, sorotan perpustakaan serta sistematika pengkajian.

. Bab seterusnya pula akan mengupas beberapa elemen penting yang berkaitan dengan sastera undang-undang yang mana memuatkan definisi umum sastera undang-undang, penggolongan serta ciri-cirinya yang membezakan dengan genre sastera selainnya. Disamping itu kepentingan genre ini kepada masyarakat lampau dan kini juga disingkap. Selain itu pengkaji menjelaskan secara ringkas mengenai sastera ketatanegaraan yang seringkali dikaitkan dengan sastera undang-undang disamping melakukan perbandingan

antara kedua-dua genre ini. Akhir sekali, pengkaji menyingkap secara ringkas mengenai kajian berbentuk etnografi, ciri-cirinya serta fungsinya.

Manakala Bab Ketiga membincangkan secara terperinci mengenai subjek kajian iaitu manuskrip UUK yang menjelaskan mengenai inventori manuskrip dan kupasan secara ringkas mengenai undang-undang Kedah yang diketahui keberadaannya, kajian mengenai manuskrip Undang-Undang versi Ku Din Ku Meh yang merangkumi latar belakang pengkajian serta kandungan teks tersebut.

Bab keempat pula akan memfokuskan kajian terhadap gambaran unsur-unsur etnografi dalam manuskrip UUKVKDKM yang dipengaruhi Islam secara langsung atau sebaliknya yakni tidak bercanggah dengan syariat Islam. Pertama-tama sekali pengkaji mendatangkan analisis tentang sistem pemerintahan Kedah yang difokuskan kepada adat istiadat tradisional kesultanan Melayu Kedah. Penjelasan secara tuntas mengenai adat kesultanan ini diperjelaskan mengenai adat pemilihan raja dan menteri, adat berbahasa dan adat berpakaian dalam istana, adat yang berkaitan dengan regalia dan simbol di raja serta para menteri, adat istiadat nobat diraja Kedah serta akhirnya adat menyambut surat dari luar negeri. Selain itu dimuatkan juga analisis mengenai adat resam perkahwinan tradisional masyarakat Kedah merangkumi adat merisik, meminang, menentukan mahar, serta berkenduri kendara. Disamping itu, menerangkan juga gambaran sara hidup masyarakat Kedah seperti kegiatan pertanian meliputi penanaman padi tradisional dan perdusunan, perdagangan, perniagaan, penyewaan, pajakan dan gadaian, mengambil upah, kutipan hasil denda dan baitulmal, zakat, penangkapan ikan dan akhirnya peternakan. Seterusnya, terdapat juga gambaran mengenai perumahan serta kota di negeri Kedah.

Bab terakhir iaitu bab kelima memuatkan kesimpulan serta saranan pengkaji kepada pihak berwajib.

## **BAB DUA: SASTERA UNDANG-UNDANG DAN ETNOGRAFI**

### **2.0 Pendahuluan**

Bab ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu berkenaan sastera undang-undang pada bahagian pertama dan etnografi pada bahagian yang kedua. Dalam bahagian pertama terdapat perbincangan mengenai definisi sastera undang-undang, pembahagian serta ciri-ciri umumnya, kepentingannya kepada golongan masyarakat. Manakala dalam bahagian kedua juga terkandung penjelasan mengenai pengertian etnografi melalui sudut pandang cendekiawan barat disamping perkembangan serta kelebihan menggunakan metode tersebut dalam menjalankan kajian. Selain itu terdapat juga kupasan berkenaan etnografi serta budaya Islam berserta komponen atau unsur-unsur pokok. Akhirnya terakam kesimpulan sebagai rumusan kepada maklumat-maklumat yang dinyatakan.

### **2.1 Kodeks Undang-Undang Sebagai Genre Sastera**

Budaya penulisan manuskrip yang muncul serta berkembang pesat kira-kira pada abad ke 14 M hingga abad ke 19 M mewariskan sejumlah besar khazanah persuratan Melayu yang sarat dengan pelbagai maklumat berkisar tentang ketamadunan bangsa Melayu. Manuskrip-manuskrip tersebut yang menjadi dokumen serta sumber maklumat peribumi secara bertulis menyimpan pelbagai khazanah keilmuan yang unik di samping mencerminkan kebudayaan, pemikiran serta peradaban hidup bangsa Melayu. Sehingga kini, khazanah primer ini menjadi sumber rujukan penting dalam pelbagai bidang ilmu berkaitan alam Melayu meliputi disiplin sejarah, bahasa, sastera, agama, budaya, politik, pengurusan, pendidikan, falsafah dan beberapa disiplin ilmu lainnya.

Kepentingan warisan ilmu ini turut diakui oleh Allahyarham Sutan Takdir Alisjahbana sebagaimana kalamnya yang menyatakan kesusasteraan Melayu Tradisional mencerminkan sifat kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat Melayu lama dengan sebaik-baiknya dari pelbagai sudut.<sup>19</sup>

Justeru menyedari akan kepentingannya, maka sebahagiannya telah dijadikan bahan penyelidikan ilmiah, ditranliterasikan, ditranskripsikan ataupun diterbitkan sebagai bacaan umum sedangkan sebahagian yang lainnya masih lagi belum diterokai dan dianalisis dengan sewajarnya oleh para penyelidik.

Dalam usaha bagi memudahkan kajian mengenai hasil kesusasteraan Melayu tradisional ini, maka para sarjana telah menghasilkan suatu kaedah pembahagian yang sistematik dikenali sebagai kaedah pembahagian genre. Secara umumnya kaedah ini dibahagikan berdasarkan kepada struktur luaran serta struktur dalaman sesuatu hasil kesusasteraan. Menurut Siti Hawa Haji Salleh kaedah ini dapat dibahagikan kepada tiga bentuk pertamanya berdasarkan bentuk penyampaiannya sama ada karya lisan atau karya tulisan, keduanya berdasarkan bentuk hasil yang disampaikan iaitu karya prosa atau karya puisi dan akhirnya pembahagian yang didasarkan kepada bahan atau isi penulisan sesuatu hasil kesusasteraan sama ada karya naratif atau karya bukan naratif.<sup>20</sup>

---

<sup>19</sup> Alishahbana, S.T (1971), *Puisi Melayu Lama* , Petaling Jaya, Zaman Baru LTD,h. 14.

<sup>20</sup> Siti Hawa Haji Salleh (1997), *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,h.56.

Manakala secara khususnya pula, kaedah pembahagian ini dipecahkan pula pada pembahagian yang lebih kecil berdasarkan persamaan struktur atau bentuk, tema dan isi serta fungsi dan penyebarannya. Maka melalui kaedah ini terbentuklah sastera lisan berbentuk naratif seperti seperti cerita binatang, mitos serta lagenda manakala sastera lisan bercorak bukan naratif pula adalah seperti pantun, teromba, mantera, zikir dan sebagainya. Bagi sastera lisan bercorak naratif pula lahirlah sastera hikayat, sastera epik, sastera panji, sastera sejarah dan kisah para nabi dan tokoh-tokoh Islam manakala bagi sastera lisan bukan naratif pula terbentuklah sastera kitab, sastera undang-undang dan ketatanegaraan dan kepustakaan ilmu tradisional.

## **2.2 Definisi Sastera Undang-Undang**

Dalam memahami sastera undang-undang dengan lebih mendalam, maka seharusnya diteliti terlebih dahulu apakah definisi serta pengertian yang sewajarnya bagi istilah-istilah yang membentuk sastera undang-undang ini berdasarkan sumber-sumber yang berautoriti. Ia bertujuan bagi mendapatkan pengertian bagi genre ini dengan lebih benar dan jelas. Lantaran itu, penulis telah memecahkan serta menjelaskan dua istilah penting dalam membentuk sastera undang-undang iaitu istilah sastera atau kesusasteraan serta istilah undang-undang.

### **i) Sastera dan Kesusasteraan**

Istilah sastera berasal daripada kata Sanskrit '*sastra*' yang berakar umbi daripada gabungan kata kerja terbitan '*sas*' bermakna mengarahkan, mengajar dan instruksi.



Manakala 'tra' pula bermaksud sarana atau alat. Dengan itu sastera boleh diertikan sebagai alat atau sarana untuk mengajar, buku petunjuk atau pengajaran.

Istilah kesusasteraan pula berkembang dari istilah *sastra* dan kemudiannya *susastra*. Imbuhan *ke* dan *an* pula ditambah bagi memperlengkapkan bentuk kata terbitan yang memberikan makna yang lebih padu serta menyeluruh iaitu segala yang tertulis, yang bernilai seni dan estetik serta dengan maksud memberi panduan dan petunjuk.

Kesusasteraan Melayu dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kesusasteraan Melayu Moden dan kesusasteraan Melayu Tradisional. Dalam kajian ini penulis hanya menyentuh mengenai kesusasteraan Melayu Tradisional sahaja tanpa membincangkan mengenai kesusasteraan Melayu Moden. Menurut Mohd Taib Osman kesusasteraan Melayu Tradisional dapat difahami sebagai penghasilan masyarakat Melayu sebelum masyarakat itu meresapi unsur-unsur moden yang dibawa oleh tamadun barat.<sup>21</sup>

## ii) Undang-Undang

Pengertian undang-undang berdasarkan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka adalah sesuatu peraturan atau keseluruhan peraturan yang digubal oleh kerajaan dan mesti dipatuhi oleh masyarakat berkenaan.<sup>22</sup> Manakala undang-undang mengikut definisi barat pula adalah seperti yang dijelaskan oleh H.C Black iaitu:

*“That which is laid down, ordained, or established a rule or method according to which phenomenas or actions co exist or follow each other,*

---

<sup>21</sup> Mohd Taib Osman (1974), *Kesusasteraan Melayu Lama*, Singapura: Federal Publication Sdn. Bhd, h. 3.

<sup>22</sup> Dr. Teuku Iskandar (2005), *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h.1768.

*that which must be obeyed and followed by citizens, subject to sanctions or legal consequences.*”<sup>23</sup>

Undang-undang menurut pengertian Siti Hawa Salleh pula adalah susunan peraturan hukum yang sah dan digubal oleh sesuatu badan. Disamping itu, ia juga merupakan hasil daripada sesuatu keputusan yang disepakati oleh pemerintah (raja) bersama badan-badan yang mewakili rakyat.<sup>24</sup> Berdasarkan kepada ketiga-tiga pengertian diatas dapatlah difahami bahawa undang-undang adalah sesuatu yang ditetapkan, suatu peraturan yang diikuti dan dipercayai sungguh-sungguh dan ia adalah satu sarana yang memberi panduan atau tatacara tentang apa yang boleh dilakukan dan apa yang dilarang dan apakah natijah serta hukuman yang dikenakan sekiranya peraturan yang ditetapkan itu dilanggar. Pengertian undang-undang moden ini mungkin berbeza dari segi aspek penggubalannya dengan undang-undang Melayu lama yang digubal di istana di samping sifatnya lebih berat sebelah yang bertujuan untuk menjaga kepentingan pemerintah.

### **iii) Sastera Undang-Undang**

Sama ada teks-teks ini dapat dianggap sebagai teks undang-undang (*law*) atau hanya sebagai teks sastera (*literature*) masih lagi menjadi isu perdebatan antara para sarjana hingga kini. Berdasarkan penelitian, dilihat pelbagai pandangan telah diberikan oleh para sarjana Inggeris serta sarjana Melayu dalam mendefinisikan genre ini.

---

<sup>23</sup> H.C Black (1990 ), *Black's Law Dictionary : Definitions of the Terms and Phrases of American and English Jurisprudence, Ancient and Modern*, St. Paul : West Publishing Co, p. 1028.

<sup>24</sup> <sup>24</sup> Siti Hawa Haji Salleh (1997) *op.cit.*, h .61.

Sebahagian sarjana Inggeris seperti Raffles dan Maxwell telah memaknakan sastera undang-undang ini sebagai *code* menyamai undang-undang moden Inggeris. Ini jelas dilihat dalam beberapa hasil penulisan mereka yang telah menggunakan perkataan *code* bagi beberapa buah undang-undang Melayu lama seperti *The Maritime Code of the Malays*, *Malacca Code*, *Perak Code* dan *Malay Codes of Laws*.<sup>25</sup>

R.O Winstedt juga menyetujui pandangan ini di samping menyatakan genre ini sesuai juga dinamai dengan istilah *law*. Ini seperti yang tertera dalam tulisannya iaitu *A History of Classical Malay Literature* :

*“The Malacca digest exhibits no clear division between constitutional, criminal and civil law. It jumbles regulations for court etiquette, criminal law, the jurisdiction of the ruler and his ministers, the law for fugitive slaves, the law of libel, the law of contract affecting the hire of slaves and animals, the penalties for lese majeste and the breach of betrothal agreements, the usufruct of fruit-trees and rice fields, trespasses and wounding by domestic animals, the offence of selling into slavery a person who has entered service to escape death from starvation or shipwreck, the fencing and dyking of fields, the law of debt, the penalties for stealing the slaves of owners of various ranks.”*<sup>26</sup>

Namun pandangan ketiga-tiga tokoh barat di atas bercanggah dengan pandangan Rigby yang menyatakan istilah *codes* dalam undang-undang Inggeris tidak sesuai digunakan bagi memaknai undang-undang Melayu lama. Kenyataannya adalah seperti berikut:

---

<sup>25</sup> Jelani Harun (2008), “Kajian Naskhah Undang-Undang Adat Melayu di London” *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, Jil. 26, Julai 2008, h. 130.

<sup>26</sup> Winstedt, R.O (1940), *A History of Classical Malay Literature* in M.B.R.A.S 17 (3), p. 118.

*“A code being generally understood to be a complete and systematic body of law, or a complete and systematic statement of some portion of the law, it will be at once apparent that the “ Ninety-nine Laws of Perak” cannot be called a code. They are very far from being systematic and complete”<sup>27</sup>*

Pandangan yang hampir sama diutarakan oleh Wilkinson dimana beliau menyatakan pengertian genre undang-undang ini seharusnya tidak terpengaruh dengan maksud “*codes*” dalam undang-undang moden Inggeris yang telah melalui proses *legislative authority*. Sebaliknya, genre undang-undang ini dilihat lebih bercorak *digest* (intisari) sahaja.<sup>28</sup> Ini kerana sebagai sebuah *digest*, genre ini tidak perlu dikaji sebagai undang-undang yang melihat sama ada setengah bahagian atau separa bahagian undang-undang itu dipraktikkan atau tidak.<sup>29</sup> Demikianlah seperti yang tertera dalam hasil tulisannya *Papers on Malay Subjects Part 1* tentang *Law*:

*“The first duty of the student is therefore to clearly understand the composite nature of Malay law. He must not look for uniformity where no uniformity can possibly exist. Above all, he must not allow himself to be blinded by any European preference for written or recorded laws. He should not take the co-called “codes” (undang-undang) too seriously. When he reads about the Malacca Code or the Malay Maritime Code or about the Laws of Bencoolen and Palembang he has to remember that these so-called “codes” were never actually enacted by any legislative authority there are only digest of Malay law.”<sup>30</sup>*

Namun begitu pandangan ketiga-tiga tokoh ini disanggah oleh Zainur Zakaria yang berpandangan bahawa istilah *code*, *law* atau *legal digest* tidak sesuai digunakan bagi menerangkan maksud genre undang-undang Melayu lama. Ini kerana genre undang-undang Melayu lama adalah merupakan senarai peraturan yang disusun berasaskan adat-istiadat,

---

<sup>27</sup> Rigby, J (1908), The Ninety-Nine Laws of Perak, in R.J Wilkinson (ed), *Papers on Malay Subject* (Part ii), pp. 1-86, Kuala Lumpur: F.M.S Government Press, p . 8.

<sup>28</sup> Jelani Harun (2008), *op.cit*, h.130.

<sup>29</sup> Abu Hassan Sham (1998), Undang-Undang Tanah Sebagaimana Terdapat dalam Hukum Kanun Melaka, *Seminar Undang-Undang*, anjuran Persatuan Sejarah Malaysia dengan Kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, h. 2.

<sup>30</sup> Wilkinson, R.J (1922), *Papers on Malay Subjects: Law*, Part 1, Kuala Lumpur: F.M.S Government Press, p. 3.

nilai, norma, moral atau adab yang menjadi amalan hidup zaman kesultanan Melayu khususnya sebagai panduan dan kawalan kepada raja dan pembesar dalam melaksanakan proses pentadbiran negara.<sup>31</sup> Menurut beliau penggunaan istilah *customary law* adalah lebih bersesuaian dan bertepatan dengan sejarah dan maksud genre undang-undang ini seperti yang terungkap dalam tulisan beliau:

*“Adat, as used in the region, can mean customs, courtesy, proper behavior or customary law. Reference to adat in this section is taken to mean customary law or customs which have legal consequences”*<sup>32</sup>

Berdasarkan beberapa pengertian sastera, undang-undang serta sastera undang-undang menurut sumber-sumber yang berautoriti di atas, dapat digeneralisasikan bahawa sastera undang-undang ataupun dahulunya dikenali dengan undang-undang Melayu lama adalah merupakan hasil karya sastera yang membicarakan mengenai undang-undang sesuatu negara kota. Pendirian kita disini, kita tidak menolak karya ini sebagai karya sastera kerana melaluinya kita dapat melihat corak pemikiran, daya kreatif, serta gaya bahasa yang digunakan pada ketika itu. Kita juga tidak menyanggah bahawa ia merupakan teks undang-undang walaupun ia tidak melalui proses *legislative authority* dan mungkin tidak dipraktikkan seratus peratus tetapi ia merupakan sarana rujukan serta asas bagi perundangan sesebuah negara kota.<sup>33</sup>

---

<sup>31</sup> Jelani Harun (2008), *op.cit*, h.131.

<sup>32</sup> Zainur Zakaria (1995), *The Legal System of Malaysia, Asean Legal System*, Singapore: Butterworths Asia, p. 85.

<sup>33</sup> Abu Hassan Sham (1998), *op.cit*, h. 2.

### 2.3 Penggolongan Sastera Undang-Undang

Secara umumnya, sastera undang-undang dapat digolongkan kepada dua kumpulan seperti berikut:

- a) Kumpulan Adat Temenggung
- b) Kumpulan Adat Berpatih

#### a) Kumpulan Adat Temenggung

Berdasarkan sejarah, istilah “temenggung” diambil bersempena nama pengasas undang-undang tersebut iaitu Datuk Temenggung, seorang pemerintah yang berasal daripada Sumatera khususnya Minangkabau. Istilah ini diletakkan bertujuan untuk memberi perbezaan antara Undang-undang Adat Temenggung dengan Undang-undang Adat Berpatih lantaran kedua-duanya berasal daripada daerah yang sama. Selain itu berdasarkan lagenda, Datuk Temenggung dan Datuk Berpatih iaitu pengasas Undang-undang Adat Berpatih mempunyai hubungan sedarah yakni seibu namun berlainan bapa.<sup>34</sup> Kedua-dua beradik ini mempunyai perbezaan dari pelbagai segi terutamanya dari sudut pentadbiran negeri. Lantaran perbezaan ini, maka daerah Minangkabau telah dibahagikan kepada dua bahagian di mana bahagian pesisir diperintah oleh Datuk Temenggung manakala bahagian barat pula diperintah oleh Datuk Berpatih.<sup>35</sup>

Walaupun kedua-dua jenis undang-undang ini berasal dari bumi Sumatera namun penggunaannya kini telah diperluaskan penggunaannya sehingga di kebanyakan negeri-

---

<sup>34</sup> Abu Hassan Sham, Mariyam Salim (1995), *Sastera Undang-Undang*, Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.xxiv.

<sup>35</sup> *Ibid.*

negeri di Semenanjung Tanah Melayu bermula di Melaka sehingga tersebar luas ke negeri-negeri seperti Johor, Melaka,<sup>36</sup> Selangor, Perak,<sup>37</sup> Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Undang-Undang Adat Temenggung ini dikatakan undang-undang negara kota lantaran sebahagian daripada kehidupan masyarakatnya bergantung kepada aktiviti perniagaan sebagai sarana pencarian sumber rezeki.<sup>38</sup>

Dalam membicarakan tentang Kumpulan Adat Temenggung ini, ia dapat dikelaskan kepada enam subkumpulan seperti berikut:

- i) Undang-undang negeri yang berkait rapat dengan undang-undang sesebuah negara. Penjelasan kumpulan undang-undang ini lebih banyak menumpukan kepada hal ehwal perlembagaan, jenayah dan awam. Contohnya *Hukum Kanun Melaka* (HKM) dan undang-undang lain dibawah pengaruhnya seperti *Hukum Kanun Pahang* (HKP), *Undang-Undang Johor* (UUJ), *Undang-Undang Inderagiri* (UII), dan *Undang-Undang Riau* (UUR).
- ii) Undang-undang negeri yang kemudiannya lebih banyak dipengaruhi oleh hukum-hukum Islam seperti *Thamarat al-Muhimmah*, *Itqan al-Muluk bi Ta'dil al-Suluk* dan *Muqaddimah fi Intizam*.
- iii) Undang-Undang Adat Temenggung yang terdapat di Sumatera. Undang-undang dalam kumpulan ini tiada hubungan sama sekali dengan HKM dan undang-undang kumpulan selainnya. Ia berbeza dengan kumpulan undang-undang lain kerana ia ditulis dalam tulisan Rumi yang mengikut sistem ejaan Belanda. Ini jelas dilihat dalam kandungannya terdapat beberapa perkataan Belanda digunakan seperti

---

<sup>36</sup> Kecuali daerah Naning dan Alor Gajah.

<sup>37</sup> Dikatakan pernah mengamalkan Undang-undang Adat Berpatih berdasarkan penemuan dua teks undang-undang adat tersebut yang berasal dari negeri Perak.

<sup>38</sup> Mohd Taib Osman (1974), *Kesusasteraan Melayu Lama*, Singapura: Federal Publication Sdn. Bhd, h. 63.

'petor', dan 'regent'.<sup>39</sup> Antara contoh kumpulan undang-undang ini adalah *Undang-Undang Palembang, Aturan dan Undang-undang dalam Pegangan Moko-Moko, Undang-Undang Jambi, Peraturan Bambang dalam Negeri Bangkahulu* dan *Undang-Undang Pasumah*.

- iv) Undang-Undang Pelabuhan yang berkait rapat dengan aktiviti perniagaan. Corak undang-undang ini termasuklah undang-undang yang dikenali sebagai *Adat Aceh* dan *Undang-Undang Kedah*. Undang-undang kumpulan ini bukan sahaja menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan aktiviti jual beli sahaja, malah terdapat juga penjelasan mengenai undang-undang negeri serta adat istiadat.<sup>40</sup>
- v) Undang-Undang Laut atau Undang-Undang Pelayaran seperti *Undang-Undang Laut Melaka*.
- vi) Adat Istiadat serta Peraturan seperti *Adat-Raja-Raja Melayu*

#### **b) Kumpulan Adat Perpatih**

Kumpulan Adat Perpatih adalah merupakan kumpulan undang-undang yang diperturunkan dari satu generasi ke generasi yang lebih muda melalui jalan lisan. Lantaran itu, ikatan-ikatannya dilihat bercorak puisi ataupun perbilangan. Namun setelah kedatangan bangsa Eropah, undang-undang ini ditulis bertujuan memudahkan sistem pemerintahan negeri. Berdasarkan sejarah, kumpulan adat ini diperkenalkan oleh Datuk Berpatih dari bumi Sumatera dan diamalkan oleh masyarakat Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu seperti Negeri Sembilan, Naning, Alor Gajah dan berkemungkinan negeri Perak. Adat ini dikatakan undang-undang masyarakat kerana sebahagian besar masyarakatnya

---

<sup>39</sup> Abu Hassan Sham (1972), *Undang-Undang Melayu Lama, Tumpuan Khas kepada Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang yang di bawah Pengaruhnya*", Sarjana. Universiti Malaya, h. 65.

<sup>40</sup> Mohd Taib Osman (1974), *op.cit*, h. 65.



menjadikan aktiviti pertanian sebagai nadi kehidupan.<sup>41</sup> Selain itu, sistem adat ini amat mengutamakan kehidupan bermasyarakat di mana menekankan sikap tolong-menolong dan saling bermuafakat dalam menjalani kehidupan. Buktinya dilihat dalam petikan:

*Kok bertali tempat menghela,  
Kok berjantai tempat bergantung,  
Kok bertungku tempat bersetingkis*

Menurut Abu Hassan Sham kumpulan adat ini dapat dikelaskan kepada dua subkumpulan seperti berikut:

- i) Undang-undang yang digunakan di Negeri Sembilan, Naning, Alor Gajah dan Perak. Antara contoh kumpulan undang-undang tersebut adalah *Undang-Undang Minangkabau Perak* atau *Undang-Undang Dua Belas*, *Undang-Undang Adat dari Rembau*, *Undang-Undang Sungai Ujong* dan *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan*. Bagi kandungan *Undang-Undang Minangkabau Perak* atau *Undang-Undang Dua Belas* dan *Undang-Undang Sungai Ujong* terdapat sedikit penambahan dalam beberapa fasalnya manakala kandungan *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan* mempunyai campuran Undang-Undang Adat Temenggung dan Undang-Undang Adat Berpatih.
- ii) Undang-Undang yang terdapat di Sumatera dikhususkan kepada negeri asalnya dibentuk iaitu Tanah Minangkabau. Antara contoh kumpulan undang-undang ini adalah *Undang-Undang Minangkabau*, *Undang-Undang Luhak Tiga Laras*, *Undang-undang Adat*, *Undang-Undang Tanah Datar* dan *Undang-Undang Moko-Moko*.

---

<sup>41</sup> *Ibid*, h. 63.

## **2.4 Ciri-Ciri Umum Sastera Undang-Undang**

Genre undang-undang ini boleh dilihat dari dua sudut iaitu struktur luarannya serta sudut dalamnya atau isi kandungan. Pendekatan yang digunakan ini adalah berdasarkan pendekatan kesusasteraan kerana tiap-tiap hasil kesusasteraan itu diukur berdasarkan dua sudut ini. Pendekatan ini penting bagi membuktikan sejauh manakah genre undang-undang dapat digolongkan sebagai salah satu kumpulan Kesusasteraan Melayu Tradisional. Maka disini penulis telah mengeluarkan beberapa ciri-ciri umum genre undang-undang ini sebagai bukti genre ini merupakan salah satu daripada kumpulan genre kesusasteraan Melayu Tradisional.

### **a) Corak Persembahan**

Dengan merujuk kepada beberapa bentuk genre ini, penulis melihat corak persembahannya adalah lebih menyamai sastera bercorak sejarah. Ini jelas dilihat pada bahagian doksologi serta bahagian penutup kedua-dua genre tersebut. Selain itu genre undang-undang ini tidaklah disusun seperti undang-undang moden kini yang lebih teratur serta sistematik. Kandungannya dilihat bercampur baur dan tiada pemisahan isi antara perihal perlembagaan, jenayah dan awam. Besar kemungkinan kerana penyampaianya dilakukan secara lisan dan penulisannya dilakukan pada masa terkemudian mengikut ingatan para *informer*. Corak persembahannya dilihat lebih praktik bagi undang-undang adat temenggung.

### i) Doksologi dalam bahasa Arab

Boleh dikatakan kebanyakan doksologi kitab undang-undang khususnya Undang-Undang Negeri dimulai dengan lafaz *basmalah* (bismillahirrahmanirrahim) serta kata-kata pujian terhadap Allah, para anbiya' serta para sahabat nabi dan ada kalanya disertai dengan doa.<sup>42</sup> Hal ini dapat menjelaskan sekaligus membuktikan bahawa perundangan Islam serta agama Islam itu sendiri mulai menapak kukuh di alam Melayu.

Hukum Kanun Melaka menyertakan lafaz basmalah serta kata-kata pujian di bahagian doksologinya seperti berikut:

*Bismi'llahi'rahmani'rahim. Al-hamdu li'llahi rabbi' l-amin wa'l-akibatu li'l-muttakin. Wa's-salatu wa's-salatu wa's-salamu ala rasulih sayyidina Muhammad wa alihi wa sahbihi ajma in.*<sup>43</sup>

Lafaz Basmalah, pujian-pujian serta doa-doa yang tertera di bahagian pendahuluan genre undang-undang ini mempunyai perbezaan antara satu sama lain terutamanya dari segi struktur ayatnya sama ada panjang atau pendek. Undang-Undang Inderagiri serta Undang-Undang Johor dilihat menyertakan kata-kata pujian yang lebih panjang berbanding Hukum Kanun Melaka manakala Undang-Undang Riau pula memberi kata-kata pujian yang pendek sahaja sekadar *Bismillahirrahmanirrahim*. Ciri-ciri ini juga jelas didapati dalam sastera bercorak sejarah seperti Sejarah Melayu, Hikayat Merong Mahawangsa, Hikayat Banjar dan lain-lain.

---

<sup>42</sup> Mahayudin Hj. Yahaya (2000), *Karya Klasik Melayu Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 20.

<sup>43</sup> Liaw Yock Fang (1976), *Undang-Undang Melaka (The Laws of Melaka)*, The Hague: Martinus Nijhoff, h. 62.

Pujian-pujian dalam bahasa Arab pada bahagian doksologi ini hanya terdapat dalam undang-undang negeri sahaja sedangkan bagi undang-undang selainnya seperti undang-undang Palabuhan, undang-undang laut tidak dinyatakan. Antara contohnya dapat dilihat pada bahagian pendahuluan UUK yang mewakili Undang-undang Pelabuhan:

“Pada tarikh seribu enam puluh tahun, tahun zai, pada tujuh belas hari bulan Jamadilakhir, hari jumaat, bahawa pada ketika itu maka adalah dititah Syah Alam Yang Maha Mulia terjunjung keatas jemala paduka raja suruh salin ambil taruh undang-undang perbuatan Datuk Besar di Hulu alaihi rahmatullah supaya sudahlah tahu hokum sedikit-sedikit.”<sup>44</sup>

## **ii) Sebutan Mengenai Masa Undang-Undang dikuatkuasakan**

Selalunya pada bahagian pendahuluan genre undang-undang ini dinyatakan tarikh atau masa undang-undang tersebut dikuatkuasakan. HKM menyatakan undang-undang tersebut mula dikuatkuasakan pada zaman Sultan Iskandar Shah (1344-1414) iaitu raja Melaka pertama yang memeluk Islam. Ini berdasarkan petikan:

“Adapun ketahuilah olehmu sekalian akan adat ini turun temurun daripada Sultan Iskandar Dhu’l-Karnain yang memerintahkan segala manusia datang kepada zaman puteranya Sultan Iskandar Syah. Ialah raja yang pertama menyusuk negeri Melaka.”<sup>45</sup>

HKP pula dikuatkuasakan pada zaman Sultan Abdul Ghafur pada tahun 1592-1614M. di dalam UII pula dinyatakan bahawa ia ditulis pada 1112H pada zaman

---

<sup>44</sup> Mariyam Salim (2005), *Undang-Undang Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1.

<sup>45</sup> Liaw Yock Fang (1976), *op.cit*, h. 64.

pemerintahan Almarhum Keramat Dukhlu al-Jundu iaitu Raja Kembak yang memerintah Inderagiri.<sup>46</sup>

Dalam undang-undang berpatih juga ada disebutkan masa pemerintahannya namun dilihat hanya terdapat dalam Undang-Undang Sembilan puluh Sembilan sahaja . dalam undang-undang Sembilan puluh Sembilan menyatakan bahawa ia dikuatkuasakan pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Almarhum Tanah Abang.<sup>47</sup>

### **iii) Perihal undang-undang diakhiri**

Biasanya pada bahagian akhir sesuatu karya undang-undang dinyatakan nama penyalin ataupun nama penyusunnya. Bagi sastera undang-undang peranan penyusun itu adalah lebih penting berbanding sastera bercorak sejarah. Ini kerana penyusun melahirkan sesuatu karya itu didalam bentuk tulisan daripada tradisi lisan. Dalam hal ini sudah semestinya seorang penyusun itu mempunyai keahlian dalam bidang tersebut dan mempunyai daya kreatif yang baik.

Berdasarkan kekreatifan yang dimiliki, maka besar kemungkinan penyusun itu terdiri daripada golongan pembesar istana seperti yang tertera dalam UUK atau terdiri daripada keturunan sayyid daripada bangsa Arab. Golongan sayyid ini dikatakan amat penting kerana pada ketika itu mereka adalah golongan yang paling terpelajar. Selain itu, kebanyakan daripada mereka mempunyai hubungan yang baik dengan kerabat sultan yang menambahkan lagi kepentingan kedudukan mereka.<sup>48</sup>

---

<sup>46</sup> Abu Hassan Sham (1972), *op.cit*, h. 59

<sup>47</sup> *Ibid*

<sup>48</sup> *Ibid*

## b) Mitos Asal Usul

Masyarakat Melayu tradisional seperti masyarakat tradisional lain, mempunyai korpus mitosnya yang tersendiri serta kaya meliputi zaman yang agak panjang iaitu dari zaman pra-Islam hingga zaman pasca-Islam. Dalam karya sastra undang-undang, penggunaan unsur-unsur mitos merupakan satu sarana yang amat penting dalam usaha memberikan karisma dan legitimasi kepada undang-undang tersebut yang kononnya berasal daripada tokoh-tokoh terkenal atau *cultural hero*.<sup>49</sup> Lantaran itu, undang-undang tersebut mempunyai wibawanya yang tersendiri dan wajib dipatuhi. Selain itu, unsur-unsur ini juga amat penting bagi memperkenalkan undang-undang itu sendiri di samping diangkat menjadi wadah perlambangan sumber kuasa. Hal ini sama juga dengan teks sastra sejarah yang mengaitkan pengasas bagi sesuatu dinasti itu dengan tokoh-tokoh agung bertujuan untuk menaikkan imejnya di mata rakyat sekaligus raja-raja dinasti yang lain.

Dalam korpus sastra undang-undang dan sastra sejarah, seringkali dilihat unsur-unsur mitos mengenai asal usul keturunan dan mitos pembukaan negeri kerap di ketengahkan. Selalunya ia dikaitkan dengan tokoh-tokoh agung serta *superhuman* yang pernah tercatat dalam bingkisan sejarah. Menurut Abu Hassan Sham kebanyakan tokoh-tokoh yang digunakan adalah berasal daripada Timur Tengah seperti Iskandar Zulkarnain dan Raja Nusyirwan Adil.<sup>50</sup> Tokoh-tokoh ini dipilih berkemungkinan kerana mereka merupakan tokoh-tokoh agung dalam Islam.

---

<sup>49</sup> Harun Mat Piah, Siti Hawa Salleh, Abdul Rahman Kaeh, Ismail Hamid, Abu Hassan Sham & Jamilah Haji Ahmad (2006), h. 519.

<sup>50</sup> Abu Hassan Sham (1972), *op.cit*, h. 45

Tokoh Iskandar Zulkarnain merupakan seorang tokoh wira yang amat dihormati oleh masyarakat antarabangsa sehingga dikenali dengan nama *Alexander The Great*. Bagi masyarakat Melayu, tokoh ini merupakan pengikut ajaran Nabi Ibrahim di samping amat hebat kerana namanya tercatat dalam kitab suci al-Quran.<sup>51</sup> Jelas diketahui, agama Nabi Ibrahim di pandang tinggi oleh masyarakat Islam. Lantaran itu, tokoh ini juga sekaligus dipandang tinggi oleh masyarakat Islam. Hal ini juga mempunyai persamaan dengan Raja Nusyirwan Adil yang berasal daripada Parsi. Raja ini disanjung namanya kerana dipercayai berketurunan khalifah al-rasyidin keempat iaitu Saidina Ali.

Kenyataan mengenai Iskandar Zulkarnain jelas dilihat tercatat dalam doksologi HKM yang menyatakan:

”Adapun ketahuilah olehmu segala kata adat ini turun temurun daripada sultan Iskandar Zulkarnain memerintahkan segala manusia datang kepada zaman Sultan Iskandar Shah ialah yang pertama masuk ugama Islam dan menitahkan adat dan perintah orang raja yang besar<sup>2</sup> dan meletakkan adat dan perintah negeri turun temurun”.<sup>52</sup>

Mengenai Raja Nusyirwan Adil pula, catatan mengenainya tertera di dalam teks Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan yang menyatakan:

”...demikianlah titah Raja Nusyirwan Adil sama Menteri Khoja Berza Amir Hakim kerana sekalian raja-raja dan orang-orang besar di dalam dunia ini takluk di bawah perintah Raja Nusyirwan Adil dan Menteri Berza Amir Hakim. Maka turun ke bawah angin ini dibawa Sayyid Hassan, tatkala masa itu Sultan Ahmad Tajuddin, Mrhum Tanah Abang, nama Menterinya, Tuan Saiyid Abdul Majid, undang-undang jatuh kepada Tuk Tambak, mana bangsa Saiyid jadi menteri, itulah undang-undang dipakai, satu hukum syarak, dua hukum undang-undang.”<sup>53</sup>

---

<sup>51</sup> Harun Mat Piah, Siti Hawa Salleh, Abdul Rahman Kaeh, Ismail Hamid, Abu Hassan Sham & Jamilah Haji Ahmad (2006), h. 518.

<sup>52</sup> Liaw Yock Fang (1976), *op.cit*, h. 64.

<sup>53</sup> Rigby, J (1908), *op.cit*, p. 58.

Dalam *Sejarah Melayu* juga ada tercatat mengenai kedua-dua tokoh agung ini.

Pernyataannya seperti berikut:

”Adapun kami ini bukannya daripada jin dan peri, dan bukan kami daripada bangsa indera; bahawa adalah bangsa kami ini daripada manusia. Asal kami daripada anak cucu Raja Iskandar Zulkarnain, dan nasab kami Raja Nusyirwan Adil, raja masyrik dan maghrib, pancar kami daripada Raja Sulaiman *’alaihissalam*, dan nama kami Nila Pahlawan, dan yang seorang ini Krisyna Pandita, dan yang seorang Nila Utama; dan nama curik kami ini Si Mandang Kini, dan \* kayu ini Cap Kempa namanya, dan pedang ini Badram Balawa namanya, dan lembing ini Lembuara namanya.”<sup>54</sup>

Namun begitu, bukan semua tokoh-tokoh agung dalam teks sastera undang-undang mengetengahkan tokoh-tokoh dari Timur Tengah. Misalnya dalam *Undang-Undang Dua Belas* terdapat mitos mengenai puteri buluh betung yang mana berkemungkinan berasal daripada Perak.

Pada penilaian kita hari ini, unsur-unsur mitos ini mungkin sukar dipercayai serta diterima dalam korpus sastera undang-undang dan sastera sejarah. Ini kerana penulisan kedua-dua genre ini haruslah berteraskan kepada kebenaran. Namun begitu, bagi masyarakat Melayu lampau khususnya golongan penulis, kebenaran, ketepatan masa atau logiknya sesuatu cerita itu bukanlah sesuatu hal yang penting.<sup>55</sup> Ini kerana bagi mereka khidmat yang diberikan kepada raja atau pemerintah itulah perkara yang patut diberi keutamaan. Seperti kata mendiang A.H. Hill apabila membicarakan *Hikayat Raja-Raja Pasai* dalam karya Mohd Taib Osman:

---

<sup>54</sup> A. Samad Ahmad (1986), *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.37.

<sup>55</sup> Abu Hassan Sham (1972), *op.cit*, h. 67.



”Kebenaran dalam *Hikayat Raja-Raja Pasai* itu adalah kebenaran yang subjektif dan bukan kebenaran yang objektif”<sup>56</sup>

### c) **Penjelasan Mengenai Kedudukan Raja**

Secara umumnya, difahami bahawa raja adalah seorang insan yang mengetuai dan memerintah sesuatu negara atau bangsa. Disebabkan itu, kedudukannya diberi keistimewaan oleh golongan rakyat sama ada masyarakat lampau atau moden. Bagi masyarakat lampau, perkara ini jelas tercatat dalam teks kesusasteraan Melayu Tradisional dikhususkan kepada teks undang-undang Melayu lama.

Dalam teks undang-undang Melayu lama, di dapati hanya Adat Temenggung yang meletakkan ciri-ciri keistimewaan kepada golongan raja. Ini kerana raja bagi undang-undang adat ini dipandang amat tinggi dan pemerintahannya bersifat aristokrasi berbeza dengan pemerintahan undang-undang Adat Berpatih yang bersifat demokrasi.<sup>57</sup> Di samping itu, perlantikan raja mengikut undang-undang Adat Berpatih adalah bermula daripada bawah.

Ketinggian golongan raja seperti yang tercatat dalam teks undang-undang Melayu lama dapat dilihat daripada tiga aspek iaitu sudut pentadbiran, peribadi serta larangan-larangan yang diwujudkan bagi menjaga kemuliaan serta ketinggian golongan eksklusif ini. Dari segi pemerintahan, raja bertanggungjawab penting dalam melantik pembesar-pembesar di bawahnya seperti bendahara, temenggung, penghulu bendahari dan syahbandar. Keempat-empat jawatan ini merupakan jawatan penting bagi setiap susunan

---

<sup>56</sup> Mohd Taib Osman (1974), *Kesusasteraan Melayu Lama*, Kuala Lumpur: Federal Publications Sdn Bhd, h. 41.

<sup>57</sup> Abu Hassan Sham & Mariyam Salim (1995), *Sastera Undang-Undang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. xxvii.

pentadbiran kerajaan Melayu Tradisional.<sup>58</sup> Ini seperti yang tertera pada pendahuluan HKM yang menyatakan:

”Adapun pada segala raja-raja itu, pertama-tama menjadikan bendahara, kedua menjadikan temenggung, ketiga menjadikan penghulu bendahari, keempat menjadikan syahbandar, maka terpeliharalah segala raja-raja itu dengan segala rakyatnya”.(HKM: 62).

Bagi mendapatkan pentadbiran yang lebih berkesan, maka raja juga seharusnya dihormati oleh golongan rakyat bukan sahaja dari segi pentadbirannya malahan dari sudut peribadinya juga. Dengan itu, teks-teks undang-undang seperti HKM dan UUK ada menyebut beberapa sifat yang harus ada pada seseorang raja. Dalam HKM menyatakan seorang raja itu seharusnya pengampun, pemurah, berkuasa dan berkuasa. Contohnya seperti berikut:

”Adapun syarat segala raja-raja itu atas empat perkara: pertama ampun, kedua murah, ketiga perkasa, keempat melakukan hukumnya dengan kaharnya.”<sup>59</sup>

Manakala di dalam UUK pula menyebut seorang raja itu semestinya bersikap pengampun, pemurah serta menjalankan pemerintahan dengan betul dan adil. Misalnya seperti berikut:

---

<sup>58</sup> Harun Mat Piah, Siti Hawa Salleh, Abdul Rahman Kaeh, Ismail Hamid, Abu Hassan Sham & Jamilah Haji Ahmad (2006), *op.cit*, h. 520.

<sup>59</sup> Liaw Yock Fang (1976), *op.cit*, h. 66.

”Fasal menyatakan kanun, ertinya turun temurun perintah adat raja-raja itu empat perkara yang tiada boleh diubahkan. Pertama, mengampuni dosa hambanya; kedua murah tangannya; ketiga menyuruh periksa tentukan kesalahan seseorang; keempat melakukan hukumnya yang sebenar dengan keras.”<sup>60</sup>

Selain itu, bagi menguatkan lagi kedudukan golongan raja, maka mereka diberikan satu sifat istimewa yang berkuasa lagi sakti dipercayai sebagai *daulat*. Disebabkan itu, perkataan *daulat* ini akan diucapkan oleh para pembesar serta golongan rakyat selepas upacara naik takhta seseorang raja.<sup>61</sup> Kuasa sakti ini penting bagi mengukuhkan serta meninggikan pengabsahan kedudukan raja. Ini kerana kuasa ini dipercayai luar biasa di mana boleh membuatkan diri seseorang raja itu disenangi, dihormati, ditakuti serta disayangi oleh para pembesar dan golongan rakyat.<sup>62</sup> Dengan adanya kuasa ini, maka rakyat tidak akan melanggar perintah raja kerana jika ingkar maka akan terkena *tulah*. Contoh penggunaannya daulat ini adalah seperti berikut:

”Demikian kata bentara,” Titah Duli Yang Dipertuan, Datuk Bendahara titah dipanggil dan Maharaja titah dipanggil. Lepas itu segala datuk-datuk titah dipanggil.” Maka sekalian menteri hulubalang itu menjawab kata bentara itu, ”Daulat Tuanku” lalu naiklah masing-masing duduk pada tempatnya.” (UUK:33).

Lantaran mempunyai daulat dan berkedudukan tinggi, maka golongan raja juga dieksklusifkan dengan penciptaan larangan-larangan bagi menjaga kemuliaan mereka di mata golongan rakyat. Merujuk kepada teks undang-undang Melayu lama, terdapat empat aspek yang dieksklusifkan sekaligus dilarang penggunaannya iaitu aspek penggunaan

---

<sup>60</sup> Mariyam Salim (2005), *op.cit*, h. 40.

<sup>61</sup> Harun Mat Piah, Siti Hawa Salleh, Abdul Rahman Kaeh, Ismail Hamid, Abu Hassan Sham & Jamilah Haji Ahmad (2006), *op.cit*, h. 522.

<sup>62</sup> Siti Hawa Haji Salleh (2009), *Kelopak Pemikiran Sastera Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 340.

bahasa, aspek pakaian, tempat kediaman, serta senjata. Jika larangan-larangan ini tidak dipatuhi maka akan dikenakan hukuman yang telah ditetapkan. Contoh larangan penggunaan bahasa diraja adalah seperti berikut:

” Fasal pada menyatakan hukum bahasa raja-raja itu lima perkara. Pertama, titah; dan kedua, kami; dan ketiga, kita; dan keempat, berpatik dan kelima, derma kurnia. Maka kelima perkara ini tiada boleh berkata-kata dengannya mereka yang keluaran. Barang siapa melalui akan dia, hukumnya dibunuh, jika ia hamba raja, dan digocoh mulutnya jika ia orang keluaran...” (UUK:40).

Manakala contoh larangan penggunaan pakaian dan senjata adalah seperti berikut:

“Fasal pada menyatakan pakaian raja-raja. Adalah pakaian raja-raja itu empat perkara; pertama, berkain kuning; dan kedua, bertilam pandak empat persegi namanya peterana; dan ketiga, payung ubur-ubur; dan keempat, tombak bercabang. Maka segala pakaian yang demikian tiada boleh mereka yang lain daripadanya memakainya. Barangsiapa memakainya kelak dirampas.” (UUK:25).

” Ketahuilah olehmu bahwa tiada harus memakai seperti kekuningan dan kepada segala orang besar-besar sekalipun, jikalau tiada dengan anugraha raja-raja, maka iaitu dibunuh hukumnya. Dan demikian lagi tiada dapat memakai kain yang nipis berbayang-bayang seperti khasa pada balai raja-raja atau pada pagar raja-raja itu melainkan dengan kurnia titah raja atau diluar boleh dipakai. Jikalau lain daripada itu niscaya dicarikkan atau ditolakkan hukumnya. Dan demikian lagi memakai hulu keris emas seperti merubi dan bawang sebongkol. Itupun tiada dapat dipakai leh orang keluaran, jikalau tiada dengan nugraha raja akan dia. (Jikalau ada dengan nugraha raja-raja akan dia), maka dapat dipakai. Jikalau ada orang yang memakai dia, hukumnya dirampas.”<sup>63</sup>

---

<sup>63</sup> Liaw Yock Fang (1976), *op.cit*, h. 65-66.

Berdasarkan teks contoh di atas, didapati walaupun penggunaan pakaian dan senjata diraja adalah dilarang, namun terdapat sedikit kelonggaran penggunaan dengan mendapatkan perkenan serta anugerah daripada raja.

Dalam soal kediaman atau rumah juga terdapat larangannya. Golongan masyarakat adalah dilarang menggunakan balairung, sayap layang-layang, atap keluang, pintu gerbang, geta atau pelamin lima tingkat perbalaian rembat dan geta, rumah yang berpintu di tengah dan sebagainya. Namun begitu masih terdapat kelonggaran penggunaannya seperti yang tercatat dalam UUK membenarkan penggunaan sayap lelayang di masjid kerana ia merupakan tempat ibadat.

#### **d) Unsur-Unsur Ketidaksamarataan**

Sudah menjadi kebiasaan dalam Sastera Undang-Undang terdapatnya unsur-unsur ketidaksamarataan dan berat sebelah. Ini berkemungkinan kerana penggubalannya hanya berdasarkan perintah raja semata-mata tanpa menggunakan proses *legislative authority* seperti undang-undang moden sekarang. Di sebabkan raja yang berkuasa penuh terhadap penggubalan undang-undang Melayu lama, maka selalunya dilihat para pembesar serta keluarga terdekat golongan raja mendapat keistimewaan dan keringanan dari pelbagai sudut terutamanya dalam hal ehwal penjatuhan hukuman. Di sini diperturunkan contoh-contoh sifat ketidaksamarataan ini:

”Dan perkataan undang-undang, apabila rakyat, bapanya tiada bergelar, melarikan anak orang atau hutang hutangan orang, hukunya disula dan dicanang tiga hari. Apabila anak hulubalang, bapanya bergelar, melarikan anak orang atau ia tunangan orang, hukunya takzir tujuh hari supaya jadi teladan kepada am dan khas”.(UUK:16).

”Adapun jikalau abdi menampar merdehika, hukumnya dipotong tangannya itu. Adapun jikalau merdehika menampar abdi tiada dengan salahnya, kena lima emas hukumnya.”<sup>64</sup>

#### e) **Gaya Bahasa**

Naskah Melayu lama telah mempamerkan gaya bahasa yang menarik serta unik dalam menceritakan peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan aspek ketatanegaraan, undang-undang, kebudayaan serta peradaban bangsa Melayu. Gaya bahasa menurut Kamus Linguistik dapat didefinisikan kepada beberapa perspektif pertamanya ”penggunaan bahasa seseorang dalam pertuturan atau penulisan” .Keduanya ”penggunaan ragam tertentu dalam bahasa tulisan secara sengaja bagi menimbulkan kesan tertentu” dan akhirnya bermaksud ”ciri penggunaan bahasa kelompok penulis”.<sup>65</sup>

Manakala gaya bahasa menurut Nik Safiah pula ialah” cara mengungkapkan, yakni cara bertutur, menulis dan seterusnya. Gaya bahasa lazimnya merangkumi aspek-aspek kesesuaian penggunaan perkataan, frasa, ayat, dan ungkapan-ungkapan dalam situasi tertentu”.<sup>66</sup> Secara generalisasinya, gaya bahasa merupakan sarana yang amat penting bagi mencerminkan kekreatifan penulis dalam penggunaan bahasa. Penggunaan bahasa yang kreatif adalah meliputi aspek pemilihan perbendaharaan kata, penyusunan kata, ayat, frasa dan sebagainya.<sup>67</sup>

---

<sup>64</sup> Liaw Yock Fang (1976), *op.cit*, h.74.

<sup>65</sup> Harimurti Kridalaksana (1993), *Kamus Linguistik*, Jakarta: Penerbit PT Gramedia, h.43.

<sup>66</sup> Nik Safiah Karim (1988), *Sosiolinguistik Bahasa Melayu dan Pengajaran*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti,h. 65.

<sup>67</sup> Abu Hassan Sham & Mariyam Salim (1995), *op.cit*, h.317.

Gaya bahasa ini penting dilihat serta dinilai bagi mendapatkan gambaran sebenar evolusi perkembangan bahasa Melayu itu sendiri sekaligus dapat mengkaji peristiwa-peristiwa yang berlaku pada zaman lampau. Ini seperti kata Zaitul Azma Zainon Hamzah yang menyatakan bahawa:

” ....penelitian terhadap gaya bahasa dalam naskhah Melayu lama turut menampakkan unsur-unsur yang gramatis dan tatabahasa Melayu yang semakin sempurna di samping penggunaan kosa kata lama, pengaruh perkataan asing dan penggunaan kiasan. Kesemua aspek ini menyerlahkan bahasa yang indah, gramatis dan dapat mencerminkan nilai intelek dan estetika dalam bahasa Melayu”.<sup>68</sup>

Pernyataan ini disokong oleh Mohd Taib Osman dalam karyanya *Kesusasteraan Melayu Lama* yang mengetengahkan akan kepentingan gaya bahasa sastra undang-undang. Pernyataan beliau adalah seperti berikut:

”Dalam erti kata sekarang, penulisan undang-undang tentu sekali tidak dapat dikatakan sebagai hasil kesusasteraan. Begitu juga naskhah undang-undang Melayu lama itu tidak dapat dikatakan hasil kesusasteraan setepat-tepatnya, melainkan jikalau kita menggunakan istilah kesusasteraan itu dengan cara yang luas sekali-iaitu sebagai sebuah hasil penulisan. Naskhah undang-undang Melayu lama itu, misalnya, dapat menunjukkan kita kepada gaya penulisan atau gaya bahasa pada satu zaman dalam sejarah kesusasteraan Melayu.”<sup>69</sup>

---

<sup>68</sup>Zaitul Azma Zainon Hamzah (2009), *Gaya Bahasa Dalam Naskhah Melayu*, Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2009 anjuran Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya dengan kerjasama Jabatan Kesusasteraan, Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 404.

<sup>69</sup> Mohd Taib Osman (1974), *op.cit.*, h. 62.

Menurut Abu Hassan Sham, gaya bahasa genre ini berbeza dengan gaya bahasa genre kesusasteraan Melayu Tradisional yang lain selain genre sastra kitab.<sup>70</sup> Ini mungkin kerana kedua-duanya mempunyai sedikit iklim kerasmian.

Pada umumnya, sastra undang-undang boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu undang-undang Adat Temenggung dan undang-undang Adat Berpatih. Undang-undang Adat Temenggung menggunakan gaya bahasa yang berbentuk denotatif iaitu satu perkataan bagi satu konsep.<sup>71</sup> Disamping itu juga dilihat struktur ayat yang digunakan dalam genre undang-undang jenis ini berbentuk panjang serta berbelit-belit. Lantaran itu, proses pemahaman teks mengalami sedikit kesukaran. Misalnya adalah seperti berikut:

”Fasal peri menyatakan orang banyak hutang daripada harta dirinya oleh segala yang empunya harta pun melihat ia daripada melakukan kehendaknya di dalam maka harta maka ditahan oleh hakim bahawa melakukan kehendaknya di dalam hartanya maka hukum bahawasanya muflis itu melakukan kehendaknya. Apabila seorang daripada empunya harta mendapat aib benda di dalam ertinya muflis ia bagi ia mengambil hartanya jika hendak ia berniakakannya ada membeli harta, yakni benda itu apabila tiada harta dapatnya, setengah hartanya yang ditinggalkan diambilnya dua rakannya segala yang berdengannya empunya hartanya, yang kemudian dari itu ditahan hakim, tiada segala itu.”<sup>72</sup>

Gaya bahasa ini dilihat mempunyai dengan gaya bahasa sastra kitab. Misalnya dipetik dalam kitab *al-Muntahi* karya Hamzah Fansuri:

“Yakni: Telah haramlah atas segala yang berahi bahawakan memandang lain daripadanya. Apabila ada keadaan Allah dengan cahaya-Nya gilang-gemilang. Barang segala yang kukata dan bahawa Engkau jua Esa, tiada

---

<sup>70</sup> Abu Hassan Sham (1972), *Undang-Undang Melayu Lama, Tumpuan Khas Kepada Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang yang di Bawah Pengaruhnya*, Disertasi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 59.

<sup>71</sup> Abu Hassan Sham & Mariyam Salim (1995), *op.cit*, h. 318.

<sup>72</sup> Mariyam Salim (2005), *Undang-Undang Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 79.



lain. Suatu pun dari padaMu maka sekarang barang lain daripadaMu itu seperti haba adanya. Seperti sekarang barang lain daripadaMu itu seperti haba adanya.”<sup>73</sup>

Bagi undang-undang Adat berpatih pula, ia menggunakan gaya bahasa yang bersifat konotatif kerana hampir keseluruhannya berbentuk perbilangan, metafora dan ada kalanya berbentuk pantun.<sup>74</sup> Struktur ayat yang digunakan adalah pendek dan ringkas namun amat sukar difahami berbanding undang-undang Adat Temenggong. Kesukarannya diakui oleh R.J Wilkinson dengan menyatakan bahawa:

*“Of all branches of Malay research the study of jurisprudence is the one that presents the greatest difficulties. Malay laws were never committed to writing; they were constantly overridden by autocratic chiefs and unjust judges; they varied in each State; they did not harmonies with the doctrines of Islam that they professed to follow; they were often expressed in metaphors or proverbs that seem to baffle interpretation.”*<sup>75</sup>

Antara contoh gaya bahasa undang-undang Adat Berpatih ini adalah seperti berikut:

“Kambing biasa mengembek,  
Ayam itek itu raja pada tempat-nya,  
Enggang lalu ranting patah,  
Kusut menyelesaikan,  
Hutang membayar, piutang menerima,  
Oleh tempat semenda,  
Akar sa-halai akan pengikat,  
Kayu sa-batang lembing penikam,  
Dahan sa-kerat akan penyalang,  
Puchok bernama pedang pемanchong,  
Itu-lah kata adat dengan pesaka.”  
(Petikan: Undang-Undang Minangkabau)<sup>76</sup>

---

<sup>73</sup> Mahayudin Hj. Yahaya (2000), *op.cit* , h. 81..

<sup>74</sup> Abu Hassan Sham & Mariyam Salim (1995), *op.cit*, h. 318.

<sup>75</sup> Wilkinson, R.J , (1922), *op.cit*, h.1.

<sup>76</sup> *Ibid.*

Berdasarkan penelitian, gaya bahasa sastra undang-undang yang dikhususkan kepada undang-undang Adat Temenggung dapat digolongkan kepada beberapa aspek seperti berikut:

- i) Gaya bahasa klasik
- ii) Gaya bahasa istana
- iii) Gaya bahasa undang-undang
- iv) Unsur-Unsur Pengajaran (Didaktik)

**i) Gaya bahasa klasik**

Penggunaan gaya bahasa klasik tidak asing lagi digunakan dalam kebanyakan teks kesusasteraan Melayu lama khususnya teks undang-undang Melayu lama. Ini berkemungkinan kerana proses penyusunan teks-teks ini dilakukan pada masa bahasa-bahasa ini masih hangat digunakan dalam golongan masyarakat lampau terutamanya yang hidup pada abad ke 15 hingga ke 17 M. Berdasarkan penelitian terhadap teks undang-undang Melayu lama seperti UUK, HKM dan HKP didapati terdapat banyak penggunaan kata pangkal ayat penggunaan bahasa Arab serta penggunaan arkaik (kata-kata usang) mewakili gaya bahasa klasik yang digunakan.

**a) Penggunaan kata pangkal ayat**

Penggunaan kata pangkal ayat ataupun lebih dikenali dengan penanda wacana merupakan salah satu ciri penting dalam penulisan teks Melayu tradisional. Menurut Nik

Safiah Karim kata pangkal ini berfungsi semacam tanda baca bagi kesinambungan ayat dalam korpus teks Melayu tradisional.<sup>77</sup> Berdasarkan penelitian kepada beberapa teks undang-undang Melayu lama seperti UUK, HKM dan HKP, maka ditemui terdapat banyak penggunaan penanda wacana seperti *shahadan*, *hatta*, *maka*, *bermula* atau *sebermula*, dan *adapun*.

Merujuk kepada beberapa teks undang-undang Melayu lama, didapati penggunaan kata pangkal *hatta* dan *shahadan* amat sedikit digunakan. Berdasarkan kajian oleh Nasrun Alias menyatakan bahawa terdapat tiga penggunaan kata pangkal *hatta* dalam HKM<sup>78</sup> dan kata pangkal *shahadan* hanya ditemui dalam beberapa teks undang-undang Melayu lama seperti UUK, Adat Aceh, HKP dan UUL. Contoh penggunaannya adalah seperti berikut:

- i) *Syahadan* maka menyatakan kanun ertinya turun-temurun peintah adat raja-raja itu empat perkara tiada boleh diubahkan (UUK:25).
- ii) *Syahadan* pada adat menyambut tera kuasa tunggul dua puluh, payang putih dua, ubur-ubur bertampan, gong, gendang, serunai, nafiri (UUK:35).
- iii) *Hatta* beberapa lamanya maka sampai ia ke negeri orang, maka hendak dijualnya oleh orang yang mendapati itu.<sup>79</sup>
- iv) *Hatta* maka dipanggil oleh hakim anaknya itu.<sup>80</sup>

Penggunaan kata pangkal ayat yang seringkali digunakan dalam teks undang-undang Melayu lama adalah kata pangkal *maka*. Penggunaan kata pangkal ini dilihat agak

---

<sup>77</sup> Nik Safiah Karim (2003), *Gaya Bahasa dalam Sastera Undang-Undang*, Dlm Mohamad Mokhtar Hassan, Mohd. Taufik Arridzo Mohd Balwi & Bazrul Bahaman (Ed), Seminar Kesusasteraan dan Undang-Undang, Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, h. 327.

<sup>78</sup> Nasrun Alias. 1993. Aspek Kata dalam Laras Hukum Kanun Melaka. *Jurnal Dewan Bahasa* 37(3): 262-267

<sup>79</sup> Liaw Yock Fang (1976), *op.cit*, h.118.

<sup>80</sup> *Ibid.* h.124.

bebas penggunaannya kerana ia boleh digunakan di awal ayat atau di tengah-tengah ayat sebagai penyambung antara satu ayat dengan ayat sebelumnya. Contohnya seperti berikut:

- i) *Maka* jika datang dagangan itu sekalian kepada nakhoda, *maka* hendaklah memberitahu syahbandar (UUK:5).
- ii) *Maka* apabila sudah lengkap, *maka* bertitahkan raja pada panglima bandar suruh panggil nakhoda dan kurnia dan khabib khamal (UUK:6).
- iii) *Maka* jikalau sudah sampai pada menteri, *maka* diperbuat juga, maka ia didenda sepuluh tahil sepaha, inilah hukumnya.<sup>81</sup>
- iv) *Maka* jikalau sudah luka payah, *maka* lalu dibunuhnya tiada salah lagi.<sup>82</sup>

Selain penggunaan kata pangkal *maka*, penggunaan kata *adapun* juga turut digunakan namun penggunaannya adalah lebih teratur. Kata pangkal *adapun* ini digunakan pada awal ayat atau sesuatu perenggan sahaja. Berdasarkan penelitian terhadap teks undang-undang Melayu lama, didapati kata pangkal *adapun* ini amat banyak digunakan. Contohnya seperti yang tertera dibawah:

- i) *Adapun* pada hukum orang mengupah memalu rakyat, jikalau tiada tahu hakim, denda pada yang mengupah setahil sepaha kerana taksir tiada memberitahu hakim (UUK:64)
- ii) *Adapun* talak raj'i itu, iaitu seperti seorang mentalak ia akan isterinya dengan talak satu atau dua maka edahnya tiga kali sucidi atas perempuan yang haid (UUK:76).
- iii) *Adapun* jikalau membunuh madunya, maka ia lari ke dalam kampung orang.<sup>83</sup>

---

<sup>81</sup> Liaw Yock Fang (1976), *op.cit*, h.70.

<sup>82</sup> *Ibid*, h. 72.

<sup>83</sup> Liaw Yock Fang (1976), *op.cit*, h.70.

iv) *Adapun* jikalau seorang mencuri hamba orang perempuan, maka lalu dilawatinya, maka tiada reda ia, maka didenda setahil sepaha.<sup>84</sup>

Satu lagi kata pangkal ayat yang sering digunakan dalam teks undang-undang Melayu lama adalah kata pangkal *bermula* atau *sebermula*. Penggunaan kata pangkal ini adalah sama fungsinya dengan kata pangkal *adapun* iaitu digunakan pada awal perenggan atau awal sesuatu ayat. Contohnya:

- i) *Bermula* undang-undang ini Paduka Seri Bongsu pakai turut perintahkan serta dinyatakan pada nakhoda itu mendapat panglima bandar (UUK:3)
- ii) *Bermula* yang ada gunanya seperti gajah akan kendaraan dan barang sebagainya sah berniaga (HKM:136).
- iii) *Sebermula* jika orang tiada pernah pergi ke rumah orang itu, tetapi ia pergi itu hingga serambi juga (UUK:21).
- v) *Sebermula* akan hukumorang berwakil itu tiga perkara (HKM:122).

## **b) Penggunaan Bahasa Arab**

Penggunaan bahasa Arab dalam teks-teks Melayu Tradisional dilihat sebagai satu ciri yang tidak asing lagi digunapakai terutamanya dalam teks-teks sastera kitab dan teks-teks sastera undang-undang. Ini berkemungkinan kerana kedua-dua genre mempunyai iklim kerasmian dari sudut gaya bahasanya dan isi kandungannya.

---

<sup>84</sup> *Ibid.*, h.92.

Dalam membicarakan mengenai penggunaan bahasa Arab ini, penulis telah membincangkannya dari dua aspek iaitu dari aspek ungkapannya dan rangkai kata yang digunakan.

Berdasarkan penelitian terhadap beberapa teks undang-undang Melayu lama, dilihat ungkapan bahasa Arab kerap kali digunakan pada setiap bahagian dalam karya tersebut, khususnya bahagian doksologi, bahagian kandungan dan bahagian penutup. Pada bahagian doksologi terdapat penggunaan kata-kata *basmalah* (bismillahirrahmanirrahim) serta kata-kata pujian terhadap Allah, para anbiya' serta para sahabat nabi dan ada kalanya disertai dengan doa.<sup>85</sup> Manakala pada bahagian penutup juga terdapat penggunaan kata-kata pujian kepada Nabi Muhammad, keluarga serta para sahabat baginda. Contoh penggunaan bahasa Arab pada bahagian doksologi teks adalah seperti berikut:

”Bismi’llahi’rahmani’rahim. Al-hamdu li’llahi rabbi’ l-amin wa’l-akibatu li’l-muttakin. Wa’s-salatu wa’s- salatu wa’s-salamu ala rasulih sayyidina Muhammad wa alihi wa sahbihi ajma in.”<sup>86</sup>

Contoh penggunaan bahasa Arab pada bahagian penutup teks adalah seperti berikut:

”Wa sallallahu ala Saiyidina Muhammad wa alihi wa sahbihimajmain bi rahmatika ya ar ham ar rahimin.”<sup>87</sup>

”Tamat al-kalam bilkhair wassalam, hijratun nabi sallallahu alaihi wassalam”<sup>88</sup>

---

<sup>85</sup> Mahayudin Hj. Yahaya (2000), *op.cit.* h. 20.

<sup>86</sup> HKM (Hukum Kanun Melaka)/59

<sup>87</sup> HKM/ 176

<sup>88</sup> UUKVROW /104

Manakala pada bahagian kandungan dilihat ungkapan bahasa Arab digunakan dalam bentuk ayat al-Quran dan hadis. Penggunaan kedua-dua sumber agung di dalam Islam ini adalah bertujuan untuk mengabsahkan sekaligus menguatkan pernyataan atau perintah yang dikeluarkan. Contoh penggunaan ayat al-Quran dalam teks undang-undang Melayu lama adalah seperti berikut:

الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر

Maksudnya: Suruhlah berbuat kebaikan dan cegahlah kemungkaran  
( Surah Ali Imran :104)<sup>89</sup>

Ayat ini digunakan dalam HKM dan UUK dalam membahaskan hukuman bunuh balas seperti yang diperintahkan oleh Allah. Merujuk kepada kedua-dua teks undang-undang ini didapati tidak tertulis makna atau terjemahan bagi ayat yang disebutkan. Ini mungkin disebabkan penyusun naskhah tersebut memuliakan bahasa Arab kerana ia adalah bahasa al-Quran.<sup>90</sup> Selain ayat ini terdapat juga satu lagi ayat al-Quran yang digunakan bagi memberi legitimisasi serta perintah taat setia kepada raja. Ayatnya berbunyi:

اطيع الله و اطيع الرسول و كل أمر منكم

Maksudnya: Taatlah kepada Allah dan taatlah kepada rasul serta taatlah kepada pemimpin dikalangan kamu. (Surah Ali Imran :162 )<sup>91</sup>

---

<sup>89</sup> UUKVROW/ 51

<sup>90</sup> Abu Hassan Sham & Mariyam Salim (1995), *op.cit*, h. 324.

<sup>91</sup> HKM/ 162

Manakala contoh penggunaan hadis pula adalah seperti berikut

كلکم رائ و کلکم مسئول عن رءیتہ

Maksudnya: Tiap-tiap daripada mereka adalah pemimpin dan tiap-tiap daripada mereka itu akan disoal tentang pimpinannya.<sup>92</sup>

Selain penggunaan ungkapan bahasa Arab, terdapat beberapa penggunaan rangkai kata bahasa Arab yang ditemui dalam teks undang-undang Melayu lama seperti berikut :

Jadual 2.1

Bil	Perkataan	Makna
1	Muhsan (UUK:86)	Sudah berkahwin
2	Tamat al-kalam (UUK:104)	Akhir kata
3	Wallahua'lam (UUK:88)	Allah yang maha mengetahui segala-galanya
4	Iradatnya (UUK:87)	Kehendaknya
5	Zilullahu fil a'lam (UUK:87)	Dilindungi oleh Allah di alam
6	Yaum al-kiamah (HKM:164)	Hari kiamat
7	Kabultu tazwijaha (HKM:128)	Aku terima nikahnya
8	Sallallahu alaihi wassalam (HKM:162)	Semoga Allah memberkati dan memberi kesejahteraan keatasnya
9	Baitulmal (HKM:158)	Perbendaharaan harta
10	Gharib (HKM:108)	Pelik, asing

Sumber : Manuskrip Undang-Undang Kedah Versi R.O Winstedt dan Hukum Kanun Melaka

<sup>92</sup> HKM/162



### c. Penggunaan kata-kata arkaik (kata-kata usang)

Selain penggunaan penanda wacana dan bahasa Arab terdapat juga penggunaan kata-kata-kata usang dalam teks undang-undang Melayu lama ini. Penggunaan kata usang ini tidak digunakan lagi secara meluas pada masa kini walaupun masih wujud dalam bahasa Melayu. Bahkan, terdapat sesetengah kata arkaik ini yang tidak difahami langsung oleh generasi hari ini kerana terdapat perkataan-perkataan baru yang dirasakan sesuai untuk menggantikan kata-kata ini. Istilah arkaik menurut pendefinisian oleh Umar Junus adalah sebagai kata lama yang sukar dikenal lagi.<sup>93</sup> Manakala menurut Asmah Haji Omar pula, keusangan kata boleh dilihat dari tiga aspek, iaitu fonologi, keanggotaan golongan atau fungsi dan makna.<sup>94</sup> contoh penggunaannya adalah seperti berikut:

Jadual 2.2

Bil	Perkataan Arkaik	Perkataan Sekarang
1	Bikir (UUK)	Anak dara, gadis
2	Gurnador (UUK)	Garbenor
3	Kharajat (UUK)	cukai
4	Kweng (UUK)	Penghulu, ketua kampung
5	Pesara (UUK)	Pasar

Sumber : Manuskrip Undang Undang Kedah Versi R.O. Winstedt

### ii) Gaya Bahasa Istana

Sebagaimana diketahui, sastera undang-undang adalah merupakan salah satu genre sastera istana di mana penulisannya dilakukan atas perintah daripada raja-raja. Apabila ia berkaitan dengan raja, maka gaya bahasa yang digunakan oleh penyusun adalah lebih halus

<sup>93</sup> Umar Junus (1989), *Stilistik satu pengantar*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 214.

<sup>94</sup> Asmah Omar (1991), *Bahasa Melayu abad Keenam Belas*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 132.

berbanding gaya bahasa lain. Ini bertujuan untuk menyanjung kedudukan raja dan membesarkan raja di kalangan rakyatnya. Maka disebabkan itu, penyusun lebih banyak menggunakan gaya bahasa yang menunjukkan kerendahan diri rakyat sebagai hamba. Contohnya seperti berikut:

- i) Barangsiapa yang melalui seperti yang tersebut di dalam undang-undang ini durhakalah ia ke bawah Duli yang Dipertuan karena undang-undang ini turun temurun daripada sultan....(HKM:176).
- ii) Bermula raja itu hendaklah ada takut atas barang-barang katanya supaya segala orang harap akan harap kasih raja itu dan takut daripada murka raja itu...(UUK:50).

Selain itu terdapat juga penggunaan istilah seperti patik, kurnia, titah, murka dan sebagainya.<sup>95</sup>

### **iii) Gaya Bahasa Undang-Undang**

Berdasarkan teks undang-undang Melayu lama, terdapat penggunaan gaya bahasa undang-undang walaupun tidak secara keseluruhannya. Hal ini bersesuaian dengan ciri-cirinya yang rasmi disamping isinya yang membicarakan akan undang-undang negeri. Selalunya dilihat, gaya bahasa undang-undang berbentuk fakta yang menceritakan sebab dan akibat daripada sesuatu perkara.<sup>96</sup> Contohnya seperti berikut:

---

<sup>95</sup> Nik Safiah Karim (2003), *op.cit*, h.327

<sup>96</sup> Abu Hassan Sham & Mariyam Salim (1995), *op.cit*, h. 137.

- i) Adapun hukum orang memaki orang : jikalau abdi memaki merdehika, digocoh hukumnya atau ditanggalkan giginya, itulah hukumnya (HKM:76).
- ii) Adapun jikalau orang berjual kata orang besar-besar atau syahbandar didenda setahil sepaha atau disuruh maki dihadapan orang banyak (HKM:86).
- iii) Dan jika ada orang membawa jual sahaya, pada seorang seemas hasilnya (UUK:1)
- iv) Dan jika kapal itu membeli membawa utusan seemas pada seseorang hasilnya pada yang menebus, dan pada yang berjual dua kupang (UUK:5).

Selain itu terdapat penggunaan istilah khusus undang-undang seperti fasal, hakim, kanun, undang-undang, dakwa, saksi, dan sebagainya. Kata-kata khusus perundangan ini juga dilihat digunakan dalam undang-undang moden kini walaupun berkemungkinan terdapat perubahan.

#### **iv) Gaya Bahasa Didaktik ( Unsur-Unsur Pengajaran)**

Menurut Abu Hassan Sham penggunaan gaya bahasa dialog juga digunakan dalam teks undang-undang Melayu lama. Satunya-satunya teks undang-undang Melayu lama yang menggunakan gaya bahasa ini adalah *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan*. Di dapati kesemua 99 fasal yang dibicarakan dalam teks undang-undang ini adalah berbentuk dialog antara Raja Nusyirwan Adil dan menterinya Khoja Berza Amir Hakim.<sup>97</sup> Contohnya seperti berikut:

---

<sup>97</sup> Abu Hassan Sham & Mariyam Salim (1995), *op.cit*, h. 331.

- i) Undang-undang orang perang: maka titah Raja Nasruan<sup>98</sup> Adil, “Apa isharatnya?” Maka sembah Menteri, “ pertama-tama banyakkan belanja. Kedua banyakkan orang, ketiga banyakkan senjata, keempat akal, kelima berilmu, keenam banyak bantuan, ketujuh banyak berani, kedelapan banyak tipu, kesembilan banyak lebeh kira-kira, kesapuluh chari orang yang sa-orang.....( UU99: 82).
- ii) Undang-undang orang jadi orang besar di dalam negeri: maka titah Raja Nasruan,” Apa adatnya?” Maka sembah Menteri, Adatnya pertama-tama orang besar itu memelihara atas Rajanya, kedua memelihara atas rakyatnya: maka amanlah negeri itu (UU99:87).

#### **d) Sistem Ejaan Jawi**

Jelas diketahui, sastra berbentuk tulisan atau manuskrip Melayu Jawi merupakan sarana terpenting bagi melihat tahap perkembangan tulisan Jawi di alam Melayu. Maka, dengan itu evolusi perkembangan tulisan Jawi itu dapat dikenalpasti berdasarkan zaman-zaman yang berbeza.

Merujuk kepada beberapa teks undang-undang Melayu lama, dikenalpasti kebanyakannya tidak menggunakan pemvokalan ا,و,ي. Ini berkemungkinan kerana penyusun telah menggunakan sistem pemvokalan yang lebih baku di mana sistem baris telah digunakan.<sup>99</sup> Hal ini dilihat dapat menimbulkan sedikit kesukaran dalam proses pembacaan serta pemahaman teks undang-undang tersebut.

---

<sup>98</sup> Rigby menamakan “Nusyirwan” dengan nama Nasruan.

<sup>99</sup> Hashim Musa (2006), *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 36.

**a) Vokal ا**

Vokal alif tidak digunakan sama ada di bahagian tengah atau hujung perkataan seperti contoh berikut:

Jadual 2.3

Bil	Perkataan	Ejaan
1	Mulia	ملي (UUK)
2	Tahun	تهون (UUK)
3	Derma	درم (UUK)
4	Nakhoda	نخود (HKM)
5	Bendahara	بندھار (HKM)

Sumber : Manuskrip Undang-Undang Kedah Versi R.O Winstedt dan Hukum Kanun Melaka.

**b) Vokal و**

Begitu juga dengan vokal و yang tidak digunakan. Contohnya seperti berikut:

Jadual 2.4

Bil	Perkataan	Ejaan
1	Kuda	كود (UUK)
2	Ribu	ريب (UUK)
3	Undang-undang	اندغ (UUK)
4	Mabuk	مابق (HKM)
5	Timbul	تمبل (HKM)

Sumber: Manuskrip Undang-Undang Kedah Versi R.O Winstedt dan Hukum Kanun Melaka

**c) Vokal ي**

Vokal ي juga turut ditinggalkan dalam perkataan seperti berikut:

Jadual 2.5

Bil	Perkataan	Ejaan
1	Leher	ليهـ (UUK)
2	Hadir	حاضر (UUK)
3	Hilir	هيلر (UUK)
4	Tetapi	تتاف (HKM)
5	Nipis	نيفس (HKM)

Sumber: Manuskrip Undang-Undang Kedah Versi R.O Winstedt dan Hukum Kanun Melaka.

## **2.4 Kepentingan Sastera Undang-Undang**

Sebagaimana genre kesusasteraan Melayu lama yang lain, genre undang-undang juga mempunyai kepentingannya yang tersendiri dalam menyumbang kepada pembentukan tamadun Melayu. Kepentingannya diukur dari dua zaman iaitu pada zaman lampau serta zaman moden.

**a) Zaman Lampau**

Pada masa lampau sastera undang-undang merupakan genre yang amat penting kerana fungsinya sebagai salah satu sarana kesusasteraan Melayu yang seringkali digunakan oleh golongan bangsawan atau golongan pemerintah bagi mengabsahkan kuasa pentadbiran mereka sekaligus memastikan kedudukan dan kuasa mereka tidak tercabar oleh

golongan rakyat.<sup>100</sup> Di sebabkan itu, terdapat unsur-unsur eksklusif yang mengagungkan serta memuliakan golongan raja atau pemerintah di dalam teks undang-undang Melayu lama. Misal unsur-unsur eksklusif itu adalah seperti pakaian diraja, bahasa diraja serta senjata diraja.

Selain itu, sastera undang-undang ini juga penting sebagai sebuah panduan atau rujukan golongan pemerintah dalam menjalankan aktiviti perdagangan serta pentadbiran. Berkemungkinan dengan kewujudan sastera undang-undang ini, maka sistem pentadbiran negara akan menjadi lebih mudah serta sistematik. Disamping itu juga, sastera undang-undang amat penting dalam menjaga keselamatan golongan pemerintah serta golongan rakyat. Misalnya seperti berikut:

“ Fasal yang ketiga belas pada menyatakan hokum undang-undang perintah sambang. Apabila sudah pukul canang janganlah berjalan malam melainkan berdamar juga. Maka jika berjumpa dengan orang yang bersambang itu jika ia lari maka ditikam orang sambang itu mati sahaja.” (UUK:22).

## **b) Zaman Moden**

Kepentingan teks undang-undang Melayu lama pada zaman moden ini pula adalah sebagai bukti dan sarana bagi mendapatkan gambaran bahawa masyarakat zaman silam merupakan masyarakat yang bertamadun, mempunyai kebudayaan yang unik, berfikiran kreatif, serta berkeinginan dan beriltizam bagi mencapai suatu taraf hidup yang teratur dan tersusun. Selain itu, genre sastera undang-undang ini juga dapat mengukuhkan lagi apa

---

<sup>100</sup> Abdullah Sidek (1975), *Pengantar Undang-Undang Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn.Bhd, h.26.

yang digambarkan dalam genre lain seperti sastera sejarah dan sastera hikayat yang banyak menggambarkan keadaan kehidupan masyarakat Melayu zaman lampau secara tidak langsung dalam penulisannya.

Dari sudut lain, sastera undang-undang juga amat menggambarkan falsafah dan pemikiran yang di pegang oleh masyarakat Melayu zaman dahulu. Bukan sahaja masyarakat itu mempunyai susun lapis yang pasti dan tegas serta struktur pentadbiran yang tersusun, tetapi masyarakat itu juga mencipta suatu jentera perundangan yang memastikan masyarakat berada dalam keadaan aman dan terkawal. Pentadbiran negeri seboleh-bolehnya dijalankan dengan adil dan saksama dan undang-undang dijadikan panduan bagi para pembesar yang menjalankan pentadbirannya.

Selain itu juga, sastera undang-undang ini amat penting bagi melihat evolusi perkembangan bahasa Melayu serta perkembangan tulisan Jawi melalui gaya bahasa dan sistem ejaan yang digunakan. Kepentingannya dari sudut ini disokong oleh Mohd Taib Osman yang menyatakan:

”Dalam erti kata sekarang, penulisan undang-undang tentu sekali tidak dapat dikatakan sebagai hasil kesusasteraan. Begitu juga naskhah undang-undang Melayu lama itu tidak dapat dikatakan hasil kesusasteraan setepat-tepatnya, melainkan jikalau kita menggunakan istilah kesusasteraan itu dengan cara yang luas sekali-iaitu sebagai sebuah hasil penulisan. Naskhah undang-undang Melayu lama itu, misalnya, dapat menunjukkan kita kepada gaya penulisan atau gaya bahasa pada satu zaman dalam sejarah kesusasteraan Melayu.”<sup>101</sup>

Maka, secara generalisasinya dapat dinyatakan bahawa sastera undang-undang ini memainkan peranan yang amat penting dalam pembentukan tamadun Melayu di samping

---

<sup>101</sup> Mohd Taib Osman (1974), *op.cit*, h. 62.



memberikan gambaran secara jelas tentang kehidupan, kebudayaan, sistem pentadbiran, gaya bahasa masyarakat lampau kepada masyarakat moden. Ini bertujuan bagi memperkenalkan akar bangsa Melayu itu sendiri kepada masyarakat moden yang semakin lupa akan tata cara hidup serta asal usul bangsanya.

## **2.5. ETNOGRAFI**

Pengkajian etnografi bukanlah satu kaedah pengkajian yang baru, namun ia telah lama terbit sebagai satu sumbangan yang terpenting dalam melahirkan disiplin ilmu yang berkaitan dengan antropologi dan sub bidangnya.<sup>102</sup> Etnografi merupakan embrio antropologi yang merupakan gambaran,<sup>103</sup> deskripsi serta analisis mengenai kebudayaan sekelompok masyarakat atau suku bangsa. Kebiasaannya kaedah ini terdiri daripada huraian terperinci mengenai aspek cara berfikir serta perilaku yang sudah sebatik dalam diri masyarakat yang dikaji, yang kemudiannya dirakamkan dalam bentuk tulisan, foto, gambar atau filem. Manakala aspek kebudayaan yang menjadi fokus kajian etnografi adalah dari sudut sistem bahasa, mata pencarian, sistem teknologi, organisasi sosial, kesenian, sistem pengetahuan, sistem kepercayaan dan sebagainya. Tugas penting pengkajian ini adalah mendapatkan data-data mengenai kebudayaan serta perlakuan masyarakat tertentu melalui kaedah observasi, membuat laporan, menilai serta menganalisis setiap hasil yang diperolehi.

---

<sup>102</sup> Mulyana, Deddy (2001), *Metodologi Penelitian Kualitatif: Paradigma Baru Ilmu Komunikasi dan Ilmu Sosial Lainnya*, Bandung : Pt Remaja Rosdakarya, h.28.

<sup>103</sup> Burhan Bungin (2008), *Penelitian Kualitatif*, Kencana: Jakarta, h.220.

## 2. 5.1- Pengertian Etnografi

Penyelidikan etnografi adalah merupakan satu kaedah yang paling asas dalam penyelidikan sains sosial. Secara literalnya, istilah etnografi ini terbentuk berdasarkan gabungan dua perkataan Greek iaitu *Ethnos* yang bermaksud manusia, bangsa atau budaya dan *Graphy* yang bermaksud penjelasan mengenai sesuatu ataupun tulisan.<sup>104</sup> Maka, istilah ini dapat diertikan sebagai sejenis tulisan yang menggunakan data-data perolehan pengkajian lapangan untuk mendeskripsikan kebudayaan manusia. Ia merupakan sejenis kajian lapangan (fieldwork)<sup>105</sup> atau kajian saintifik semulajadi (natural scientific research) yang menggunakan kaedah observasi sebagai cara bagi mendapatkan data-data atau potret mengenai kebudayaan masyarakat dengan lebih terperinci dan tepat.

Menurut Spradley etnografi secara harfiahnya bermaksud tulisan atau laporan tentang suku bangsa yang ditulis oleh seorang antropolog atas hasil pengkajian lapangan (field work) selama beberapa bulan atau beberapa tahun.<sup>106</sup> Sedangkan Fetterman pula mendefinisikan etnografi sebagai seni dan sains yang menghuraikan mengenai sesuatu kumpulan atau budaya. Penghuraian ini berkemungkinan mengenai suku kaum tertentu yang berjumlah kecil di kawasan yang eksotik ataupun dalam bilik kelas di kalangan golongan pertengahan Suburbia.

Hal ini disokong oleh Sabitha Marican yang menyatakan etnografi sebagai penjelasan bertulis mengenai sesuatu budaya tentang adat, kepercayaan, kelakuan,

---

<sup>104</sup> Agar, M (1996). *The Professional Stranger: An Informal Introduction To Ethnography* : Academic Press, p. 15.

<sup>105</sup> Bagi melihat contoh kajian –kajian lapangan sila rujuk karya Ibn Khaldun (al muqaddimah), Ibn Batuttah, James B Watson & Solon T. Kimbal (1972), Morries Freilich (1970).

<sup>106</sup> James P. Spradley (1979), *The Ethnographic Interview*, California: Wadsworth Publishing Company, p. vii.

berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang diperolehi daripada kajian lapangan.<sup>107</sup> Ia adalah kajian berbentuk deskriptif ke atas budaya, sub budaya, institusi atau kumpulan sesebuah masyarakat.<sup>108</sup>

Etnografi secara literalnya menurut Marvin Harris, Orna Johnson dan Merriam Webster<sup>109</sup> pula adalah gambaran mengenai manusia. Kaedah penyelidikan ini adalah merupakan keterangan bertulis mengenai kebudayaan yang merangkumi adat istiadat, kepercayaan, kelakuan berdasarkan data yang dikumpulkan melalui kajian lapangan. Pendefinisian ini jelas dilihat dalam hasil penulisan mereka iaitu *Cultural Anthropology* yang menyatakan:

“ Ethnography literally means a portrait of people. An Ethnography is a written description of a particular culture-the customs, beliefs, and behavior based on information collected through fieldwork.”<sup>110</sup>

Manakala Sanders pula menyatakan bahawa penyelidikan etnografi melibatkan gambaran dan proses pembelajaran mengenai budaya manusia.<sup>111</sup> Para etnografer menggunakan kaedah etnografi ini bagi memahami budaya dan hubungan sosial menerusi pentafsiran dan praktikal. Menurut beliau lagi keberkesanan kajian ini bukan bergantung kepada pandangan penyelidik tetapi bergantung rapat kepada dapatan data yang diperolehi.<sup>112</sup>

---

<sup>107</sup> Sabitha Marican (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, Petaling Jaya: Pearson Prentice Hall, h.156.

<sup>108</sup> *Ibid.*

<sup>109</sup> <http://www.merriam-webster.com/dictionary/ethnography>

<sup>110</sup> Harris, M & Johnson, O (2000), *Cultural Anthropology*, Needam Heights, MA: Allyn and Bacon, p 17

<sup>111</sup> Sanders, B.-N. (2004). *Ethnography and the empowerment of everyday people*. Academic Press, p. 43.

<sup>112</sup> *Ibid.*

Maka, secara umumnya dapat disimpulkan bahawa etnografi adalah merupakan satu kaedah penyelidikan sains sosial yang mengkaji mengenai kebudayaan manusia secara terperinci melalui kajian lapangan dan menggunakan kaedah observasi serta kaedah *interview* bagi mendapatkan data secara benar. Namun begitu, kaedah ini juga boleh diaplikasikan dalam mengkaji dokumen asli (hasil tulisan etnografi) yang menjelaskan sesuatu kebudayaan. Ini kerana dokumen asli juga adalah merupakan suatu tulisan etnografi.

## **2.5.2 Perkembangan Ilmu Etnografi**

Secara harfiahnya, etnografi bermaksud tulisan atau laporan mengenai suatu suku, bangsa yang ditulis oleh seorang ahli antropologi atas hasil penelitian lapangan selama beberapa bulan atau tahun. Etnografi baik sebagai laporan kajian ataupun dianggap sebagai embrio ilmu antropologi. Mempunyai empat peringkat perkembangannya hingga sampai kepada etnografi baru yang dipelopori oleh tokoh besar etnografi baru iaitu James Spradley pada abad ke 19. Peringkat-peringkat perkembangan tersebut adalah:<sup>113</sup>

### **i) Etnografi Awal (akhir abad 19M)**

Etnografi pada mulanya diwujudkan bertujuan untuk mengkaji perkembangan evolusi budaya manusia sejak awal kewujudan spesis ini sehinggalah zaman kini. Antara tokoh awalnya adalah seperti E.B. Taylor, James Frazer dan L.H Morgan. Manakala metode yang digunakan pula lebih tertumpu kepada kajian perpustakaan yang mana hanya

---

<sup>113</sup> James Spradley (2006), *Metode Etnografi*, Yogyakarta: Tiara Wacana, h. xiv.

merujuk pada data-data, dokumen-dokumen atau tulisan-tulisan tanpa terjun ke penelitian lapangan.

Namun begitu, pada akhir abad ke 19M muncul pandangan baru sebagai pencerahan bagi metode penelitian ini yang mana para ahli antropologi terkemudian menganggap kerangka evolusi masyarakat dan budaya yang disusun oleh para ahli antropologi awal adalah tidak relevan dan absah kerana tidak disokong oleh pembuktian yang nyata.<sup>114</sup> Bertitik tolak dari sini, maka muncul pemikiran baru bahawa seorang ahli antropologi seharusnya melihat sendiri budaya kelompok masyarakat yang menjadi subjek kajiannya bagi mendapatkan teori yang lebih mantap dan tuntas. Inilah asal bermulanya keperluan kajian lapangan dalam metode etnografi. Antara tokoh yang terkenal pada waktu itu adalah W.H.R Rivers dari Inggeris dan Frans Boas dari Amerika Syarikat.<sup>115</sup> Pada mulanya kajian lapangan yang dijalankan adalah menggunakan metode wawancara yang panjang disamping informannya orang lama-lama sesuatu kelompok masyarakat. Pokoknya ia lebih menjurus kepada konsep ” *informen oriented* ”.<sup>116</sup>

## ii) Etnografi Moden (1915M-1925M)

Metode etnografi moden ini muncul pada 1915M-1925M yang dipelopori oleh dua orang tokoh agungnya iaitu A.R Redcliffe Brown dan Bronislaw Malinowski. Etnografi moden ini berbeza dengan etnografi zaman awal berdasarkan ciri penting iaitu tidak terlalu memberi fokus kepada hal ehwal yang berkaitan sejarah kebudayaan sesuatu kelompok masyarakat sahaja malahan lebih memberatkan kajian kepada kehidupan yang dijalani

---

<sup>114</sup> John Beattie (1964), *Other Cultures: Aims, Methods and Achievements in Social Anthropology*, Routledge & Kegan Paul Ltd, p.7.

<sup>115</sup> Koentjaraningrat (1980), *Sejarah Teori Antropologi*, jil I, Jakarta: UI Press, h. 117-119.

<sup>116</sup> Perti J. Pelto, Gretel H. Pelto (1974), *Ethnography: The Fieldwork Enterprise in Handbook of Social and Cultural Anthropology*, p.17.

masyarakat seharian ataupun ” *the way of life*” mereka. Merujuk kepada pendapat kedua-dua tokoh antropologi agung ini, tujuan utama kajian ini adalah untuk ” *to grasp the native’s point out of view, his relation to life, to realise his vision and his world*”<sup>117</sup> atau untuk mempertingkatkan ” *a complex network of social relation* atau ” *social structure*”.<sup>118</sup> Disebabkan itu, mereka berpandangan bahawa melakukan wawancara semata-mata tidak cukup bagi mendapatkan data yang tepat malahan seharusnya disertai dengan turut serta bersama informen sambil melakukan observasi pada subjek kajian.

### iii) Etnografi Baru Generasi Pertama

Etnografi baru ini mula berkembang sejak tahun 1950 M tercetus disebabkan definisi budaya yang dinyatakan oleh Ward GoodEnough iaitu:<sup>119</sup>

” Budaya suatu masyarakat terdiri atas segala sesuatu yang harus diketahui atau dipercayai seseorang agar dia dapat berperilaku selaras dengan cara yang diterima oleh masyarakat. Budaya bukanlah suatu fenomena material, dia tidak terbentuk atas benda-benda, manusia, perilaku ataupun emosi. Dia adalah sebuah pengorganisasian dari hal-hal tersebut,”

Definisi budaya menurut Goodenough ini kemudiannya dikembangkan oleh generasi kognitif pertama iaitu Harold C Conklin, Charles O Frake, dan Stephen A Tyler.<sup>120</sup> Ia berakar dari satu aliran baru dalam ilmu antropologi yang dikenali sebagai ” *cognitive anthropology*” atau ” *ethnoscience*” yang memusatkan kajian mengenai persoalan bagaimana masyarakat mengorganisasikan budaya mereka dan mengaplikasikannya dalam kehidupan

---

<sup>117</sup> B, Malinowski (1984), *Argonauts of The Western Pacifics*, Waveland Press Inc, p.25.

<sup>118</sup> Routledge & Kegan Paul (1956), *Structure and Function in Primitive Society*, Routledge & Kegan Ltd, p.190.

<sup>119</sup> Goodenough, Ward.H (1956), *Componential Analysis and The Study of Meaning*, Language 32, p 195

<sup>120</sup> Stephen A Taylor (1969), *Cognitive Anthropology*, Holt, Rinehart and Winston Inc, p. 54.

seharian.<sup>121</sup> Selain itu, analisis yang dijalankan tidaklah hanya didasari interpretasi pengkaji semata-mata malahan merupakan pandangan yang digarap sendiri daripada anggota masyarakat menggunakan etode ” *folk taxonomy*”. Oleh hal demikian, para pengkaji sepatutnya menguasai bahasa komunikasi masyarakat tersebut terlebih dahulu sebelum kajian dilakukan.

#### **iv) Etnografi Baru Generasi Kedua (Spradley)**

Etnografi Baru Generasi Kedua adalah merupakan rentetan pembaharuan daripada etnografi baru generasi pertama yang dipelopori oleh James Spradley, iaitu seorang tokoh agung antropologi kognitif generasi kedua. Secara lebih spesifiknya Spradley telah mendefinisikan budaya sebagai sistem pengetahuan yang diperolehi manusia melalui proses pembelajaran yang digunakan untuk menginterpretasikan dunia sekeliling mereka dan sekaligus untuk menyusun strategi perilaku dalam menghadapi dunia sekeliling mereka.<sup>122</sup>

Dalam pandangan ini Spradley tidak lagi menganggap etnografi sebagai metode untuk mengkaji budaya atau tatacara hidup orang lain namun juga masyarakat kita sendiri, masyarakat pelbagai bangsa dan agama serta etnik seluruh dunia. Maka bagi mencapai tujuan tersebut, beliau telah mencipta satu panduan khas bagi mengumpul data dengan lebih sistematik, terarah dan efektif yang dikenali sebagai ”*The Development Research Sequence*” atau ”Kajian Peningkatan Secara Bertahap” yang didasari lima prinsip iaitu:

---

<sup>121</sup> *Ibid.*

<sup>122</sup> Amri Marzali (2007), *Metode Etnografi Spradley*, Yogyakarta: Penerbit Tiara Wacana, h xiv.

- a) Pengkaji dianjurkan menggunakan teknik tunggal (satu teknik) dalam mengumpulkan data.
- b) Pengkaji digalakkan mengidentifikasikan langkah-langkah pokok (asas) dalam teknik tersebut.
- c) Pengkaji seharusnya menuruti setiap langkah mengikut tertib.
- d) Pengkaji digalakkan melakukan latihan dan praktikal.
- e) Ilmu yang diperolehi dapat memberikan penyelesaian bagi masalah yang berlaku, bukannya ilmu sekadar untuk ilmu bukan untuk kegunaan lain.

### **2.5.2- Tujuan Etnografi**

Sabitha Marican menyatakan tujuan kajian etnografi ini dijalankan adalah seperti berikut:

- a) Memahami isu yang dikaji itu dari kaca mata kumpulan atau budaya tersebut
- b) Kajian etnografi berusaha untuk menambah pengetahuan mengenai sesuatu budaya atau mengenal pasti corak interaksi sosial
- c) Membangunkan satu penafsiran yang menyeluruh terhadap sesuatu masyarakat atau institusi sosial.<sup>123</sup>

## **2.6 ETNOGRAFI ISLAM**

Pada hakikatnya dalam mendefinisikan dan memahami etnografi Islam terdapat sedikit rencamnya. Ini kerana tidak terdapat definisi khusus mengenainya disamping ia merupakan perkataan yang masih baru serta asing. Namun begitu, berdasarkan pemahaman

---

<sup>123</sup> Sabitha Marican (2005), *op.cit*, h.156.



penulis ia dapat didefinisikan dalam dua sudut pandang iaitu pertamanya dengan melihat tokohnya yang Muslim seperti Ibn Battutah, Al-Biruni serta Ibn Khaldun manakala yang keduanya pula dengan melihat unsur-unsur Islam yang terdapat dalam kebudayaan tersebut.

Berdasarkan sudut pandang pertama, secara longgarnya etnografi Islam dimaksudkan sebagai suatu kajian oleh kumpulan-kumpulan cendekiawan Islam yang bersungguh-sungguh terhadap prinsip-prinsip kesejagatan Islam, kemanusiaan, ilmu pengetahuan, serta toleransi. Selain itu, ia berhubung rapat dengan kajian mikro tentang kesukuan kumpulan masyarakat secara khusus bagi mencapai rangka ideologi dan sejarah Islam yang lebih luas. Dengan itu, Islam disini bukanlah difahami sebagai teologi malahan sosiologi. Dengan demikian ia tidak mengenyahkan golongan bukan Muslim.<sup>124</sup>

Manakala sudut pandang kedua pula etnografi Islam boleh didefinisi sebagai unsur-unsur budaya yang berlandas serta selaras ajaran Islam yang nyata dan benar tanpa mengira penulisnya sama ada Muslim atau tidak. Apa yang dipentingkan adalah data yang diberikan benar dan bertepatan hukum Islam.

## **2.7 Budaya Islam**

Budaya secara umumnya bermaksud pelbagai cara iaitu suatu cara hidup yang berkembang dan dipunyai secara bersama oleh sesebuah kelompok masyarakat serta merupakan warisan dari satu generasi ke generasi seterusnya serta hubungannya amat akrab

---

<sup>124</sup> Akbar S Ahmed (1996), *Ke Arah Antropologi Islam: Definisi, Dogma dan Tujuan*, Petaling Jaya: The International Institute Of Islamic Thought, p. 93.

dengan masyarakat. Ini kerana masyarakat yang menggerakkan aktiviti kebudayaan tersebut.

Kebudayaan menurut Sir Edward Taylor adalah sebagai keseluruhan yang kompleks mencakupi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, hukum, adat istiadat, kemampuan dan kebiasaan lain yang dimiliki oleh manusia sebagai anggota masyarakat.<sup>125</sup> Ia disokong oleh Andreas Eppink yang menyatakan kebudayaan mengandungi keseluruhan maksud nilai sosial serta norma, ilmu pengetahuan serta keseluruhan struktur sosial, keagamaan dan sebagainya.<sup>126</sup> Dalam pengertian yang lebih luas kebudayaan bererti seluruh rangkaian aktiviti manusia yang boleh dipelajari, bukan melalui naluri, dan yang dipindahkan daripada generasi ke generasi seterusnya melalui proses pembelajaran.

Manakala pengertian budaya Islam menurut Ismail Hamid pula adalah luas yang merangkumi keseluruhan cara hidup, seperti pemikiran, nilai, falsafah dan peralatan yang digunakan dalam kehidupan manusia itu seharian yang selari atau tidak bercanggah ajarah Islam. Segala keperluan hidup manusia dalam menyesuaikan dengan alam sekitar adalah merupakan budaya.<sup>127</sup> Dalam konteks alam Melayu, budaya Islam yang diaplikasikan kebanyakannya selari dengan budaya masyarakat Melayu. Ini kerana Islam telah mengubah dan mengasimilasikan budaya Melayu bertepatan dengan syariat Islam. Antara komponen-komponen atau unsur-unsur pokok budaya adalah sistem pemerintahan, sistem ekonomi, alatan teknologi, sistem politik dan sebagainya.

---

<sup>125</sup> Dikutip daripada Amri Marzali (2007), *op.cit.*, h. 12.

<sup>126</sup> *Ibid.*

<sup>127</sup> Ismail Hamid (1985), *Masyarakat dan Budaya Melayu*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 32.

## **2.8. Kesimpulan**

Sememangnya adalah suatu perkara yang menarik dalam mengkaji Kesusasteraan Melayu Tradisional khususnya Sastera Undang-Undang kerana ianya bukan sahaja dapat dikupas dari sudut isinya semata-mata, malahan dapat juga dikupas dari segi bentuknya yang meliputi corak persembahan, gaya bahasa yang digunakan dan sebagainya. Perkara inilah yang menjadi amat menarik bagi para pengkaji sastera. Selain itu Sastera Undang-Undang dapat mencerminkan corak kehidupan, pemikiran serta kebudayaan masyarakat lampau. Dengan itu, bagi mendapatkan corak kehidupan sosial dan kebudayaan yang terkandung dalam teks Sastera Undang-Undang, maka kaedah penyelidikan etnografi digunakan bagi mendapatkan data dengan lebih jelas dan sistematik. Kaedah penyelidikan etnografi adalah dikira bertepatan bagi mengorek data-data berkaitan unsur-unsur Islam yang terkandung dalam dokumen asal ataupun catatan etnografi mengenai masyarakat Kedah tradisional.

**BAB TIGA:**  
**SEJARAH TEKS DAN CIRI-CIRI KHAS MANUSKRIP UNDANG-UNDANG**  
**KEDAH VERSI KU DIN KU MEH**

**3.0 Pendahuluan**

Bab ini secara umumnya akan menjelaskan latar belakang manuskrip Undang-Undang Kedah yang mempunyai beberapa versi serta pusat simpanannya disamping mengupas latar belakang subjek utama kajian iaitu manuskrip Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh (VKDKM) secara khusus. Selain itu, menyingkap secara ringkas mengenai peribadi Ku Din Ku Meh yang bertanggungjawab dalam penulisan teks selanjutnya menerangkan secara ringkas ciri-ciri penulisan teks undang-undang tersebut.

**3.1 Inventori Manuskrip Undang-Undang Kedah**

Umum mengetahui penulisan adalah salah satu wahana penyebaran ilmu serta penyampaian pelbagai maklumat yang berkesan. Disebabkan itu, kaedah ini juga digunapakai oleh golongan elit Melayu tradisional bagi menyampaikan ilmu, cerita serta menyebarkan sebarang maklumat kepada golongan kebanyakan. Maka dengan itu, terhasillah manuskrip Melayu yang menyimpan pelbagai khazanah ilmu, maklumat serta akal budi bangsa Melayu. Menyedari akan nilai serta kepentingannya, maka orang Inggeris serta Belanda mula memberikan perhatian dengan memulakan langkah-langkah pengumpulan manuskrip Melayu untuk dibawa ke negara mereka. Ini bertujuan bagi memahami bangsa Melayu serta ilmunya melalui pengajian Melayu yang diadakan di sana. Semua ini dilakukan demi menjaga serta mengukuhkan kepentingan politik, agama serta

ekonomi mereka. Kesannya, kini manuskrip Melayu dapat diketemui di 151 buah institusi penyimpanan manuskrip di 28 buah negara manuskrip menyimpan khazanah warisan bangsa ini.<sup>128</sup>

Hal ini sama dengan manuskrip Undang-Undang Kedah yang setakat ini ditemui di di 5 buah institusi iaitu Royal Asiatic Society London, School Of Oriental And African Studies, University Of .London, Muzium Pusat Jakarta, Bibliotheque Nationale Paris dan juga Segara Ninda, Pulau Pinang. Berdasarkan penelitian pengkaji, 5 naskhah daripada manuskrip ini menggunakan judul yang sama iaitu Undang- Undang Kedah dan hanya senaskhah dengan judul berbeza iaitu Undang-Undang Perbuatan Datuk Besar Dahulu. Namun begitu dilihat isi perbicaraan keenam-enam naskhah ini hampir sama hanya perbezaan wujud dalam beberapa penambahan yang dilakukan. Ini menunjukkan bahawa naskhah undang-undang ini sebenarnya hanyalah satu naskhah sahaja. Memandangkan tempoh yang panjang, tanpa sistem penyimpanan dan pembukuan yang sempurna, maka ia bertaburan di merata tempat. Dengan itu undang-undang ini ditulis semula oleh mereka yang menemuinya dan terhasillah beberapa naskhah.<sup>129</sup> Penjelasan selanjutnya mengenai naskhah-naskhah tersebut seperti tertera dibawah ini.

---

<sup>128</sup> Chambert-Loir, H. dan Oman Fathurahman (1999), *Panduan Koleksi Naskah-Naskah Indonesia Sedunia: World Guide to Indonesian Manuscript Collections*, Jakarta: Ecole Rfancaise d-Extreme-Orient & Yayasan Obor Indonesia, h.59.

<sup>129</sup> Allauwiyah Jusoh (2006), *Analisis Teks Undang-Undang Kedah Berasaskan Perspektif Hukum Islam*, Tesis Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya, h . 18.

### 3. 1.1 Great Britain: Royal Asiatic Society, London

#### 3.1.1 (a) Raffles 77 Undang-Undang Kedah

Naskhah Undang-Undang Kedah ini berukuran 19.5 cm x 14 cm, mengandungi 44 halaman, setiap halaman mempunyai 15 baris. Kertas yang digunakan adalah jenis kertas Eropah, tera air Polleri, pp. koleksi Raffles. Pada akhir naskhah disebut tahun 1199M.<sup>130</sup> ( Rujuk Lampiran 5 )

Kandungannya memuatkan tujuh bahagian dalam bentuk bunga rampai. Manakala tiga bahagian daripadanya divedok serta mempunyai persamaan dengan Undang-Undang Kedah Versi R.O Winstedt. Kandungan selanjutnya seperti berikut:

- i) Halaman 1-3: Syair Pipit dan Enggang.
- ii) Halaman 3-16: Undang-Undang Pelabuhan seperti yang diterbitkan oleh Winstedt (1928:15-26).
- iii) Halaman 16-23: Tembera Datuk Paduka Tuan (Winstedt 1928:15-26).
- iv) Halaman 23-24: Bunga Emas yang dilebihkan oleh Muhammad Jiwa Zainal Abidin Kedah (1723-1778).
- v) Halaman 24-24: Hukum Kanun Datuk Kota Setar, Fasal 1 seperti yang diterbitkan Winstedt (1928:15-26).
- vi) Halaman 24-30: Undang-Undang yang diserahkan YDT kepada Raja Setia Bijaya pada tahun 1138. Isinya tentang peraturan di pelabuhan. Bahagian

---

<sup>130</sup> Liaw Yock Fang (2003), *Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka* , Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, h. 24.

mukaddimahnyanya mempunyai banyak persamaan dengan Undang-Undang Pelabuhan yang tersebut di atas, bahkan boleh dianggap sebagai pengulangan daripadanya.

- vii) Halaman 30-32: Undang-undang yang dikeluarkan oleh Sultan Muhammad Jiwa Zainal Abidin (1723-1778).
- viii) Halaman 32-41: Undang-undang yang dikeluarkan oleh Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah (1803M-1843M) dari masa ke semasa, iaitu pada tahun 1149M, 1133M, dan 1199M.

### **3.1.2 Great Britain: School Of Oriental And African Studies, University Of London.**

#### **3.1.2 (a)- SOAS MS 40329 Undang-Undang Kedah.**

Naskhah ini berukuran 32.5 cm x 19 cm, mengandungi 65 halaman, setiap halaman mempunyai 29 baris, setiap baris mengandungi lebih kurang 17 patah perkataan, bertulisan Jawi yang ditulis dengan cermat, kemas dan tersusun rapi namun saiz tulisannya agak kecil dan ditulis agak rapat antara satu sama lain sehingga kadang-kadang agak sukar untuk dibaca dengan menggunakan dakwat biru tua atau hitam, ditulis di atas kertas kajang yang bergaris biru, bertarikh 1199H (1784M). Selain itu, naskhah ini juga diketemui tidak berkulit dan tiada sebarang catatan mengenai pemilik asalnya.<sup>131</sup>

---

<sup>131</sup> Jelani Harun (2007), *Undang-Undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, h. 97.

Tarikh teks ini mula ditulis tidak dapat dipastikan, namun tarikh ia siap ditulis tertera pada bahagian kolofon naskhah yang menyatakan pada hari Selasa, bulan Rabiulawal, tahun 220 Hijrah di zaman pemerintahan Seri Sultan Jamal al-Alam Badrul Munir yang memerintah Aceh Darussalam pada tahun 1703-1726.<sup>132</sup> Naskhah ini terdiri daripada dua bahagian:

i) Bahagian pertama, halaman 1-53 adalah Undang-Undang Kedah yang dibahagi kepada lima bahagian, iaitu:

a) Undang-undang Pelabuhan (UUP) yang merupakan undang-undang tertua diantara kesemua undang-undang kerajaan Kedah. Undang-undang ini dianggarkan ditulis pada tahun *Zai*, 17 haribulan Jamadilakhir hari Jumaat tahun 1060H (dianggarkan pada 26 Jun 1650M) di zaman pemerintahan Sultan Kedah yang ke 13, Sultan Rijaluddin Muhammad Syah (1626-1652M) yang bersemayam di Kota Naga, Raja Jalil Putera menjadi syahbandar dan panglima bandarnya pula ialah Datuk Laksamana Cik Syahadin.<sup>133</sup> Tarikh UUP ini berbeza pada pengamatan Prof. Madya Dr. Ahmad Fawzi Hj. Mohd Basri. Ini didasarkan kepada salinan mikrofilem UUK yang ditemui beliau di Muzium Jakarta (ML 25). UUK ML 25 bertarikh 1161 tahun *Zai* pada 17 Jamadil Awal, hari Jumaat. Ini bermakna manuskrip tersebut bertarikh 1645/1646 M. Dengan itu beliau menjelaskan undang-undang ini sama dengan undang-undang yang disebut R.O Winstedt sebagai undang-undang 1060 A.H.<sup>134</sup> Baginya Winstedt silap atau penyalin tidak teliti dalam proses penyalinan kerana dalam ML 25 dinyatakan pada tarikh “*seribu enam puluh setahun tahun zai.....*”<sup>135</sup>.

---

<sup>132</sup> Maryam Salim (2005), *Transliterasi Undang-Undang Kedah, Kuala Lumpur*: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.x.

<sup>133</sup> *Ibid.*, h. xi.

<sup>134</sup> Ahmad Fawzi Hj. Mohd Basri (1989), Undang-Undang Kedah dan al Tarikh Salasilah Negeri Kedah: Harfiah Poligon Tentang Falsafah dan Pemikiran Sosio Budaya, Kertas Kerja dalam *Seminar Identiti Kebudayaan Kedah Darulaman*, anjuran bersama Majlis



Mengikut Winstedt, UUP ini mirip kepada undang-undang kerajaan Monghul yang terkandung dalam Tarikh-i-Tahiri dengan pernyataan “ *After the fall of Malacca, Kedah became particularly rich in legal digests. The oldest Moguls recorded in the Tarikh-i-Tahiri* ”.<sup>136</sup> Selain itu UUP ini juga dapat diandaikan merupakan pengadaptasian daripada UUP Aceh. Andaian ini kerana ketika undang-undang ini ditulis iaitu pada 1060H (1650M) Kedah merupakan salah sebuah wilayah takhluk Aceh.<sup>137</sup> UPP ini ditulis bertujuan untuk menetapkan peraturan di pelabuhan dan menentukan tugas para pegawai atau petugas pelabuhan.<sup>138</sup> Ia mengandungi 34 fasal yang membincangkan mengenai undang-undang yang berkaitan hal ehwal pelabuhan yang didalamnya termasuk tatacara mengendalikan pelabuhan, perdagangan dan pesara<sup>139</sup>.

b) Tambera<sup>140</sup> Dato Seri Paduka Tuan pula telah digubal oleh Dato’ Seri Paduka Tuan bersama beberapa orang menteri lain atas perintah Sultan Kedah yang ke 15, Sultan Dhiauddin Mukarram Syah 1 (1661M-1688M) yang bersemayam di Kota Indera Kayangan, Perlis.<sup>141</sup> Berdasarkan kenyataan pada bahagian akhir undang-undang, ia dipercayai dikarang pada hari Isnin, bulan Rabiulawal, tahun dal 1078H (1667M).<sup>142</sup> Undang-Undang yang banyak membincangkan hukum syariah ini terdiri daripada 16 fasal yang membicarakan tentang kesalahan dan hukuman terhadap pesalah atau yang pelanggar

---

Kebudayaan Negeri Kedah Darulaman dan Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman pada 3-4 April 1989, h. 7.

<sup>135</sup> *Ibid.*

<sup>136</sup> R.O Winstedt (1969), *A History of Classical Malay Literature*, London: Oxford University Press, p. 169.

<sup>137</sup> Ahmad Jelani Halimi (2002), Perundangan Kerajaan Kedah Lama, Kertas Kerja dalam *Majlis Polemik Malaysia*., anjuran Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur pada 21 Mac 2002, h. 7.

<sup>138</sup> Wan Syamsuddin Mohd Yusof (t.t), Hukum Kanun Kedah: Satu Penelitian Mengenai Hukum Kanun Dato’ Kota Setar, Kertas Kerja *Seminar Sempena Alor Setar 250 Tahun* anjuran Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis, h. 2.

<sup>139</sup> Bermaksud pekan atau bandar.

<sup>140</sup> Tambera berasal daripada bahasa Sankrit yang bermaksud tembaga atau undang-undang yang ditulis atas tembaga. Rujuk Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2007) , Edisi Keempat, h. 1586.

<sup>141</sup> Wan Syamsuddin Mohd Yusof (1992), Hukum Kanun Kedah: Kajian dari Sudut Politik, Ekonomi dan Sosiobudaya, Kertas Kerja dalam *Kursus Sejarah Negeri Kedah Untuk Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri Kedah* pada 26,28,29 Jan 1992, Anjuran Muzium Negeri Kedah Darulaman, h. 5.

<sup>142</sup> Maryam Salim (2005), *op.cit*, h. xvi.

hukum syarak seperti mencuri, berzina, minum arak, berjudi dan selainnya.<sup>143</sup> Selain itu, undang-undang mengenai pertanian dan peternakan juga banyak diutarakan iaitu sebanyak lima fasal. Antaranya seperti perintah membina pagar disawah dan hukuman terhadap kerbau dan tuan kerbau jika kerbaunya menceroboh masuk ke sawah orang lain yang sudah berpagar ataupun jika menanduk orang.<sup>144</sup>

c) Hukum Kanun Dato Kota Setar ini tidak tercatat langsung tarikh dikarang dan nama sultan Kedah yang memerintah ketika itu. Bagaimanapun berdasarkan sumber sejarah Kedah yang lain seperti Tarikh Salasilah Negeri Kedah dapat dikenalpasti Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Syah II (1710- 1778M), iaitu sultan Kedah yang ke 19 adalah sultan yang bertanggungjawab dalam penggubalan undang-undang ini.<sup>145</sup> Selain itu, Dato' Kota Setar juga adalah merupakan pembesar yang bertanggungjawab menyiapkan undang-undang ini. Undang-Undang ini terdiri daripada 7 fasal yang membincangkan mengenai tugas dan kebesaran seseorang pegawai negeri seperti Temenggung, Syahbandar, Laksamana dan selainnya. Ia juga menjelaskan mengenai hal ehwal larangan bagi orang kebanyakan.<sup>146</sup>

d) Bunga emas dan sebagainya yang terdiri daripada 24 fasal. Bahagian ini memberi keterangan tentang tatacara pembuatan bunga emas dan bunga perak sebagai penghantaran upeti ke Siam. Peraturan ini dijelaskan dengan teliti dan tersusun. Dalam bahagian ini juga diperkatakan tentang alat-alat kebesaran yang digunakan dalam adat istiadat pertabalan, tugas para pembesar negeri, adat peminangan, peraturan duduk di balai besar, adat

---

<sup>143</sup> Ahmad Jelani Halimi (2002), *op.cit.*, h. 9.

<sup>144</sup> Wan Syamsuddin Mohd Yusof (1992), *op.cit.*, h.5.

<sup>145</sup> Muhammad Hassan Muhammad Arshad (1968) , *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 72.

<sup>146</sup> Wan Syamsuddin Wan Yusof (1992), *op.cit.*, h.7.

menyambut Hari Raya Haji dan selainnya.<sup>147</sup> Pada bahagian ini juga dibicarakan secara berulang-ulang perkara-perkara tentang sifat seorang raja yang baik, bahasa, dan perkara-perkara larangan yang khusus untuk raja dan juga lima perkara yang mendapat pengecualian daripada larangan tersebut. Kesimpulannya, bahagian ini banyak membicarakan tentang hal ehwal istana dan tidak banyak menyentuh mengenai orang kebanyakan. Keempat-empat bahagian ini telah dikaji dan diterbitkan oleh Winstedt dalam JMBRAS VI:1928 dengan judul *The Kedah Laws*.<sup>148</sup>

f) Undang-undang Hijrah Seribu Seratus Sembilan Puluh Sembilan (1784M).

Bahagian ini tidak menyebutkan dengan jelas mengenai sultan yang mengarahkan penulisannya tetapi berdasarkan tarikh yang tertulis didalam teks menunjukkan ia dihasilkan pada zaman pemerintahan Sultan Abdullah Mukarram Shah (1778M-1797M).<sup>149</sup>

Kandungan bahagian kelima ini mempunyai persamaan dengan hokum kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.<sup>150</sup> Ia mengandungi 23 fasal yang membicarakan tentang adat istiadat dan pantang larang diraja, hukumj jenayah seperti mengamuk, membunuh, mencuri, mengganggu anak isteri serta tuning orang lain, berhutang, menfitnah serta menuduh orang dan sebagainya. Selain itu, diperkatakan juga mengenai hokum nikah kahwin, hokum gantang dan cupak, hokum berwasi, hokum orang berkampung, hokum

---

<sup>147</sup> Maryam Salim (2005), *op.cit.*, h. xvii.

<sup>148</sup> R.O Winstedt (1928), *Kedah Laws*, in *Journal of The Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* (JMBRAS) , Vol VI, Part 11, Jun 1928, p. 1-44. Pendahuluan dan ringkasan mengenai undang-undang ini terdapat di halaman 1 sehingga halaman 13 dan teks tranliterasi rumi terdapat dihalaman 15 sehingga 44.

<sup>149</sup> Azman Isa (2009), *Sejarah Perkembangan Undang-Undang dan Pentadbiran Tanah di Kedah Sebelum Penjajahan British*, Kertas Kerja dalam *Wacana Warisan Kedah Darul Aman* pada 11-12 Mac 2009 anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah dan Universiti Sains Malaysia, h. 3.

<sup>150</sup> Maryam Salim (2005), *op.cit.*, h xvii.

mendapat orang binasa dan lapar, hokum berniaga, syarat menjadi saksi dan lain-lain.<sup>151</sup> Manakala bahagian akhir pula menyebut tentang undang-undang yang dipetik daripada Undang-Undang Laut Melaka.

Siti Hawa Salleh ada menyatakan bahawa pada peringkat awal, tujuh daripada fasal yang dibentangkan dalam undang-undang ini dikatakan tergantung atau tidak dilaksanakan selama 30 tahun kerana tidak diperkenan pelaksanaannya. Namun begitu, setelah penelitian semula oleh para menteri dan pegawai baharulah undang-undang itu diterima dan digunapakai dalam menguruskan pentadbiran negeri.<sup>152</sup> Bab ini tidak dimasukkan dalam jurnal berjudul "*Kedah Laws*" hasil nukilan R.O Winstedt.

ii) Bahagian kedua: halaman 54-65 mengandungi suatu teks Undang-Undang Laut versi Aceh. Semua perkara yang disebutkan dalam intisari Undang-undang Laut dihuraikan dengan sangat ringkas dengan bahasa yang sangat berbeza. Di dalamnya terdapat banyak kelompangan dan korupsi. Sesudah fasal berniaga (halaman 60) terdapat perbincangan tiga nakhoda yang berbincang tentang penuyusunan undang-undang dan mempersembahkan kepada Sultan Mahmud Syah. Baginda menerima undang-undang ini dan menganugerahi gelaran kepada ketiga-tiga nakhoda tersebut. Manakala halaman 61 pula mengandungi undang-undang musim kasip yang diikuti dengan kolofon yang berbunyi.<sup>153</sup>

---

<sup>151</sup> *Ibid.*

<sup>152</sup> Siti Hawa Salleh (1996), Unsur-Unsur Islam Dalam Undang-Undang Kedah, dalam Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah dan Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, *Islam di Kedah Darul Aman*, Alor Setar: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman, h. 18.

<sup>153</sup> Liaw Yock Fang (2003), *op.cit.*, h. 24.

Transliterasi lengkap mengenainya telah diselenggarakan oleh Saudari Maryam Salim dengan judul Undang-Undang Kedah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **3. 1.3 Indonesia: Muzium Pusat, Jakarta.**

#### **3.1.3 (a)- Bat. Gen. 25 Undang-Undang Kedah (MPI).<sup>154</sup>**

Berukuran 20 cm x 15 cm, mempunyai 97 halaman, setiap halaman mempunyai 13 baris bertulisan Jawi serta menggunakan kertas polos dengan pena hitam dan merah.<sup>155</sup> Naskhah ini dalam keadaan kurang baik, berwarna sedikit kusam dan rosak akibat keasidan serta berlubang-lubang akibat gigitan anai-anai. Selain itu, sebahagian helaian naskhah terungcai dari korasnya dan sedikit terkoyak. Naskhah ini dijilid dengan karton bersampul marmar coklat.<sup>156</sup> Menurut Edwar Djamaris, ia ditulis oleh Ismail untuk Tuan Muster di Perlis pada tahun *Waw* bersamaan 15 Zulkaedah 1220H.<sup>157</sup>

Naskhah ini mempunyai 89 halaman dan dibahagikan kepada lima bab. Isi kandungannya membicarakan tentang hal ehwal perdagangan (jual beli), hubungan udara (penerbangan), hal ehwal pengurusan pelabuhan, hal ehwal pencuri dan bermain judi, ukuran dan timbangan, penghulu masjid, hokum mukalaf dan fitrah.<sup>158</sup> Setelah diteliti, dilihat pada bahagian awal isi naskhahnya bersamaan dengan Rafless 77 yang terdapat di

---

<sup>154</sup> Manuskrip ini terdapat juga di Pusat Manuskrip Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan nombor rujukan MKM 2743.

<sup>155</sup> Jelani Harun (2008), *op.cit*, h.173.

<sup>156</sup> Edi S, Ekadjati, Asep Yusuf, H. Mamat et.al (2000), *Direktori Edisi Naskhah Nusantara: Antologi Sastra Daerah Indonesia*, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, h. 58.

<sup>157</sup> Edwar Djamaris, et.al (1981), *Naskah Undang-Undang dalam Sastra Indonesia Lama*, Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, h .6.

<sup>158</sup> Team Pelaksana Projek Inventarisasi dan Dokumentasi Kebudayaan Nasional Bidang Permuseuman (1972), *Katalogus Koleksi Naskah Melayu Museum Pusat DEP.P dan K*, Jakarta: Projek Inventarisasi dan Dokumentasi Kebudayaan Nasional Direktorat Jendral Kebudayaan, h . 217.

*Royal Asiatic Societies, Great Britain* dan teks undang-undang yang diselenggarakan oleh R.O Winsted namun agak jauh berbeza di bahagian akhirnya.<sup>159</sup>

### **3.1.3 (b)- Von de Wall 57, Undang-Undang Perbuatan Datuk Besar Dahulu.<sup>160</sup>**

Berukuran 20 cm x 16.5 cm, mempunyai 224 halaman, setiap halaman mempunyai 9 baris, bertulisan Jawi dengan dakwat hitam dengan menggunakan kertas di atas kertas Cina. Menurut Edwar Djamaris, ia disalin oleh Sri Perdana Menteri pada hari Jumaat, 17 Jamadilawal 1161H (15 Mei 1784M) serta selesai disalin pada 28 Safar 1195H.<sup>161</sup> Beliau juga menyatakan manuskrip ini merupakan naskhah asal bagi penyalinan manuskrip Bat.Gen 25 berasaskan ayat “ Undang-Undang Perbuatan Datuk Besar Dahulu” yang terdapat pada mukaddimah Undang-Undang Kedah Bat Gen 25.<sup>162</sup>

Isi kandungannya lebih panjang daripada Undang-Undang Kedah terbitan Winstedt. Kupasan ringkas kandungannya seperti berikut:

- a) Halaman 1-73 mengandungi Undang-Undang Perbuatan Datuk Besar. Isinya bersesuaian dengan Undang-Undang Pelabuhan Bab 1 yang diterbitkan oleh R.O Winstedt.
- b) Halaman 74-108 mengandungi Tembera Datuk Paduka Tuan yang juga telah diterbitkan oleh Winstedt.

---

<sup>159</sup> Adi Yasran Abdul Aziz, Halimah Hassan (2009 ), Sahsiah dan Jati Diri Negara Bangsa Dalam Manuskrip Undang-Undang Pelabuhan Kedah dalam Kertas Kerja *Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu* ke-5 pada 17-18 Nov 2009 , h. 2.

<sup>160</sup> Terdapat juga salinan mikrofilem di Pusat Manuskrip Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan nombor panggilan MKM 1344 yang diambil dari manuskrip asal MS.Or.Fol408 (A), kepunyaan Staatsbibliothek Preussischer Kulturbesitz, Berlin.

<sup>161</sup> Edwar Djamaris , et.al (1981),*op.cit*, h.7 .

<sup>162</sup> *Ibid.*

- c) Halaman 108-110 mengandungi perkara bunga emas yang dilebihkan oleh Sultan Muhammad Jiwa Zainal Abidin, juga telah diterbitkan oleh Winstedt, iaitu dalam Bab IV, Fasal 1.
- d) Halaman 116-208 mengandungi Undang-Undang Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah yang dikeluarkan pada tahun 1138H, 1147 H dan 1133H.
- e) Halaman 208-224 mengandungi Hukum Kanun Datuk Besar Kota Setar yang telah diterbitkan oleh Winstedt (1928:33-36) mengandungi Hukum Kanun Datuk Besar Kota Setar yang telah diterbitkan oleh Winstedt (1928:33-36), tetapi naskhah ini berdasarkan teks yang lain daripada teks yang digunakan oleh Winstedt. Bahagian akhir naskhah ini berakhir dengan kolofon yang menyatakan bahawa adat ini adalah hasil muafakat Datuk Bendahara dengan segala pegawai pada tahun 1199. Kolofon tidak terdapat dalam teks Winstedt.

Naskhah ini boleh dianggap sebagai contoh Undang-Undang Kedah. Bat. Gen. 25, KL 20 dan SOAS 40329 kerana ia diandaikan berasal daripada sumber yang sama. Kajian rintis telah dilakukan oleh Edwar Djamaris dalam kajian berjudul Naskhah Undang-Undang dalam Sastra Indonesia Lama.

### 3. 1.4. Bibliotheque Nationale, Paris

#### 3.1.4 (a)- Mal-Pol-39 Undang-Undang Kedah<sup>163</sup>

Maklumat mengenai luaran manuskrip ini tidak ditemui namun ia ditulis atas perintah Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II Kedah, (Sultan Kedah yang ke 19) pada 17 Jamadil Akhir 1161A.H bersamaan 15 Jun 1748M pada tahun Zai.<sup>164</sup> Disalin dari naskhah Raffles Malay 77 @ Koleksi Royal Asiatic, London. Judul yang tertulis ialah *Code De Kedah*. Ringkasan manuskrip ini dibahagi kepada 5 bahagian iaitu:<sup>165</sup>

a) Undang-Undang Pelabuhan

b) Undang-Undang Pertanian di dalam 16 fasal

c) Undang-Undang Pelabuhan yang ditulis pada bulan Zulhijjah 1134 A.H (1721 A.D) didalam 13 fasal.

d) Adat panglima mengawal negeri sebelah selatan, utara hingga ke Kuala Melebang di dalam 5 fasal

e) Membicarakan mengenai hukuman yang diperturunkan oleh Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah.

---

<sup>163</sup> Terdapat juga di Pusat Manuskrip Perpustakaan Negara Malaysia dalam bentuk mikrofilem dengan nombor panggilan MKM 5599.

<sup>164</sup> Siti Mariani Omar (1991), *Katalog Manuskrip Melayu di Perancis*, Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, h. 20.

<sup>165</sup> *Ibid.*



### **3. 1.5. Segara Ninda, Georgetown, Pulau Pinang**

#### **3.1.5 (a)- Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh atau Undang-undang Adat Negeri Kedah.**

Naskhah ini terdapat dalam simpanan keluarga Ku Din Ku Meh di Pulau Pinang. Ia mengandungi 151 halaman, setiap halaman mempunyai 23 baris, setiap baris mengandungi lebih kurang 17 patah perkataan, bertulisan Jawi yang ditulis dengan cermat, kemas dan tersusun rapi dengan menggunakan dakwat hitam dan merah, namun terdapat perbezaan dari segi penggunaan khat dan saiz tulisannya di mana terdapat tulisan yang kecil dan terdapat tulisan yang lebih besar. Ini dapat diandaikan berkemungkinan penulis atau penyalin naskhah ini adalah orang yang berbeza. Selain itu, naskhah ini juga didapati dalam keadaan baik serta berjilid dengan kadbod.<sup>166</sup>

Salinan naskhah ini juga dapat diperolehi dalam koleksi terbitan Arkib Negara Malaysia, Jalan Duta Kuala Lumpur dengan nombor rujukan 2007/0002643. Tiada sebarang maklumat ditemui mengenai tarikh penemuan manuskrip ini, namun yang pastinya manuskrip ini merupakan hadiah daripada Yang Mulia Tengku Ibrahim al-Haj yang beralamat di 45, Jalan Patani, Penang pada November 1970.<sup>167</sup> Menurut Tengku Sepora Tengku Mahadi, iaitu keluarga terdekat Ku Din Ku Meh naskhah ini telah disalin pada tahun 1894H.<sup>168</sup>

---

<sup>166</sup> Jelani Harun (2008), *op.cit.*,h. 173.

<sup>167</sup> Tercatat di bahagian kulit hadapan Manuskrip Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh oleh pemberi naskhah.

<sup>168</sup> Tengku Sepora Tengku Mahadi (2003), *Ku Din Ku Meh The Devoted King: A Biography, Shared Histories Conference* organized by Penang Heritage Trust, 30 July-3 August 2003, p.3.

Naskhah ini memuatkan 40 bab/fasal yang mengandungi 151 halaman. Selain itu naskhah ini juga turut memuatkan undang-undang laut (halaman 152-165) dan beberapa bahagian berkaitan tentang nobat, cerita tentang iblis dan surat peraturan lesen timah di kedah sehingga berakhir pada halaman 195. Jelani Harun telah menjudulkan naskhah ini dengan judul Undang-Undang Adat Negeri Kedah berdasarkan ayat yang tertera pada mukaddimah naskhah seperti berikut:<sup>169</sup>

“ maka pada zaman masa duli Hadrat Maulana Paduka Seri Sultan Rijaluddin Muhammad Syah Yang Maha Mulia semayam diatas kerajaan negeri kedah dikota Wang Naga (Naka) lengkap dengan menteri pegawai hulubalang, maka pada ketika itu keluar titah kepada Datuk Bendahara suruh muafakat dengan segala menteri pegawai himpulkan segala ulama dan hukama perbuat undang-undang peraturan segala adat negeri dengan segala alat kerajaan negeri dan peraturan menteri pegawai serta dengan pakaian jabatan masing-masing tarafnya dan pertentuan adat atas segala isi negeri pada pihak pekerjaannya daripada benar dan salah dan atas segala dagang senteri yang masuk ke negeri kita ikut yang bersabit pada hukum Allah Taala.....”

### **3.1 Latar Belakang Penulisan UUK (VKDKM)**

#### **3.1.1 Latar Belakang Pengarang/Penyalin**

Maklumat mengenai pengarang/penyalin Undang-Undang versi Ku Din Ku Meh ini tidak dapat diketahui secara jelas namun terdapat nama pihak yang terlibat secara langsung dalam penulisannya dibahagian doksologi teks iaitu dengan sebutan “*Datuk Bendahara*

---

<sup>169</sup>UUKVKDKM 6/2-7 .(Ini bermaksud kenyataan ini merupakan petikan daripada Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh halaman 6 baris 2 hingga 7. Jika ditulis seperti 1/6/2-2 bermaksud Bab 1 halaman 6 baris 2 hingga 7).

*suruh muafakat dengan segala menteri pegawai himpulkan segala ulama dan hukama perbuat undang-undang peraturan segala adat negeri ....*<sup>170</sup>

Dinamakan teks ini versi Ku Din Ku Meh kerana ada kemungkinan salinannya dibuat oleh beliau sendiri ataupun disalin untuk beliau <sup>171</sup>bagi melicinkan tugasannya sebagai Penguasa Penjara yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal perundangan dan keselamatan negeri.<sup>172</sup> Malah tidak dapat juga dipastikan sama ada satu salinan dibuat atau wujud beberapa salinan lain.

Ku Din Ku Meh atau Ku Baharuddin bin Ku Meh dilahirkan pada 1849 di Alor Setar. Bapanya bernama Ku Meh dan ibunya Che Ci berketurunan Bin Temenggung di Syburi, keluarga yang masih terkenal di Setul hingga kini.<sup>173</sup> Kerjaya Ku Din bermula sebagai kerani di Alor Setar pada umur 14 tahun dan kemudiannya beliau dinaikkan pangkat sebagai Penguasa Penjara di Alor Setar. Disebabkan kebijaksanaan, kecekapan pemerintahan serta hubungan baik yang terjalin antara beliau dengan pihak pemerintah, maka beliau telah dianugerahkan sekurang-kurangnya Pekan Semiling di Kuala Muda dan kawasan sekitarnya.<sup>174</sup>

---

<sup>170</sup> UUKVKDKM 6/2-3

<sup>171</sup> Terdapat sebutan di bahagian akhir teks UUKVKDKM yang menyatakan teks undang-undang ini kepunyaan beliau,sebutannya seperti berikut “*dan menganugerahi rahmat dan nikmat dunia akhirat akan dia, Amin Ya Rabb al-Alamin, Ku Din bin Ku Meh punya. Maka setelah selesailah daripada menyalin kitab ini pada hari Arba' dua puluh dua haribulan Rabiul Awal tahun 1311 seribu tiga ratus sebelas. Ku Din bin Ku Meh ketua penjara di dalam negeri Kedah dan ketuha di Merbok yang empunya kitab ini. Tamat surat di Bukit Batu Hampar, Merbok.* Rujukan : UUKVKDKM, h. 195.

<sup>172</sup> Undang-Undang ini telah dipraktikkan di sana. Buktinya terdapat terjemahan undang-undang bertulisan tangan dalam bahasa Siam (Thai) oleh Inche Mustaffa bin Tam yang mirip dengan naskhah ini. Rujukan : Allauwiyah Jusoh (2009), *op.cit.*, h. 31, Dato' Wan Ibrahim Wan Soloh ,t.t, Undang-Undang Negeri Kedah Hukuman Diatas Kesalahan-Kesalahannya ,serta terjemahan bertulisan tangan daripada buku dalam bahasa Siam oleh Inche' Mustaffa bin Tam. Artikel dapat diperolehi di Perpustakaan Awam Negeri Kedah dengan no rujukan KWI 349.112 UND.

<sup>173</sup> Tengku Sepora Tengku Mahadi (2003), *op.cit.*, p. 3.

<sup>174</sup> Mahani Musa (2010), Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh, 1893, Kertas Kerja dalam *Seminar Manuskrip Melayu Nusantara* anjuran Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, 26-28 Jun 2003, h. 284.

Berdasarkan potensi baik yang ditonjolkan serta kemampuannya yang fasih berbahasa siam,<sup>175</sup> maka beliau telah dipilih menjadi pegawai berkelas tinggi di Kedah dan kemudiannya dihantar ke Setul oleh Sultan Abdul Hamid Halim Syah pada tahun 1897 untuk bertugas sebagai Penolong Pentadbir bagi membantu Gabenor Setul ketika itu, Tunku Abdul Rahman yang menghadapi masalah dalam pentadbiran. Selepas kematian Tunku Abdul Rahman pada tahun 1900M (1315H), beliau telah dilantik oleh Raja Siam, King Rama V sebagai gabenor Setul yang baru<sup>176</sup> dan dikurniakan gelaran “*Luang Intrawicai*”.<sup>177</sup> Menurut Mohammad Isa Othman, ekoran dari pelantikan tersebut, beliau telah menukarkan nama beliau menjadi Tunku Baharuddin bin Ku Meh. Tindakan menukar gelaran Ku menjadi Tunku ini bertujuan untuk menaikkan taraf bangsawannya ke taraf diraja.<sup>178</sup> Manakala Wan Yahya Mohd Taib pula menyatakan, kesan daripada penukaran gelaran itu, beliau mulai berhubungan terus dengan Bangkok tanpa melalui Sultan Kedah dan akibatnya hubungannya dengan Kedah menjadi renggang.<sup>179</sup> Beliau meninggal dunia di Setul pada tahun 1932 M.

Sepanjang 14 tahun perkhidmatan Ku Din di Setul (1900M-1914M), beliau telah banyak melakukan pembaharuan di Setul, Kedah serta Pulau Pinang antaranya memantapkan serta mensistematikakan pentadbiran awam dengan membahagikannya dalam bentuk jabatan, mewujudkan jawatan Penghulu Mukim (Kamnan) atau ketua kampung bagi melicinkan urusan pentadbiran di kawasan kampung, memperkenalkan konsep memakai pakaian seragam dalam urusan rasmi kerajaan iaitu jaket yang mempunyai 5 butang yang dibuat dari besi. Selain itu, beliau juga telah mengarahkan pembinaan

<sup>175</sup> James F. Augustine (1996), *Kedah Zaman Silam*, Alor Setar : Muzium Negeri Kedah, p. 26.

<sup>176</sup> Tengku Sepora Tengku Mahadi (2003), *op.cit.*, p. 9.

<sup>177</sup> Wan Syamsudin Mohd Yusof (1991), Raja Negeri Setul yang Terakhir, dalam Warta Darul Aman, Bil 4, April 1991, Kerajaan Kedah Darul Aman, h. 16.

<sup>178</sup> Mohammad Isa Othman (1990 ), *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 65-66

<sup>179</sup> Wan Yahya Wan Muhammad Taib (1329), *Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah*, Singapura: British Malaya Press, h. 59.

pejabat pentadbiran kerajaan yang lebih sempurna di Setul (kini dikenali sebagai Satun) yang mana kini dijadikan sebagai bangunan Warisan Nasional di Satun<sup>180</sup>

### 3.1.2 Tarikh Kemunculan dan Isi Kandungan Undang-Undang

Setelah diteliti, didapati Undang-Undang Kedah versi Ku Din Ku Meh ini tidak bertarikh. Namun begitu dipercayai ianya telah mula disusun ataupun dikuat kuasakan penggunaannya sejak pemerintahan Sultan Rijaluddin Muhammad Shah (1619-1652M/1035-1062H) lagi sepertimana yang tercatat pada bahagian doksologi undang-undang tersebut:<sup>181</sup>

“.....maka pada zaman masa duli hadzrat Maulana Paduka Seri Sultan Rijaluddin Muhammad Syah Yang Maha Mulia semayam di atas kerajaan Negeri Kedah di Kota Wang Naga lengkap dengan menteri pegawai hulubalang maka pada ketika itu keluar titah kepada Datuk Bendahara suruh muafakat dengan segala menteri pegawai himpulkan segala ulama dan hakim perbuat undang-undang peraturan segala adat negeri dengan segala alat kerajaan negeri dan peraturan menteri pegawai serta dengan pakaian jabatan masing-masing tarafnya dan pertentukan adat atas segala isi negeri pada pihak pekerjaannya daripada benar dan salah dan atas segala dagang senteri yang masuk negeri kita ikut yang bersabit pada hokum Allah....”

Khoo Kay Jin menyatakan bahawa undang-undang ini merupakan versi yang sama yang pernah disebut oleh E.A.G Stuart yang pernah berkhidmat sebagai Penguasa Pelajaran Negeri Kedah pada tahun 1910M-1920M. Pandangan ini didasarkan kepada terjemahan beberapa pilihan daripada salinan Stuart yang telah dibuat oleh Stuart sendiri dan tercetak dalam majalah terbitan *Province Wellesley Mission Press* bertajuk *The Kedah*

---

<sup>180</sup> Tengku Sepora Tengku Mahadi (2003), *op.cit.*, p.6.

<sup>181</sup> Allauwiyah Jusoh (2006), *op.cit.*, h. 31.

*Miscellany*.<sup>182</sup> Menurut beliau lagi, bahagian yang diterbitkan itu adalah sama dengan versi Ku Din Ku Meh.<sup>183</sup>

Pandangan ini diperkukuhkan lagi dengan kenyataan R.O Winstedt di bahagian doksologi “Kedah Laws” yang menyatakan selain daripada kanun yang diselenggara beliau iaitu Undang-Undang Pelabuhan (1060H/1650M), Undang-Undang Dato’ Setar Paduka Tuan (1078H/1667M), Hukum Kanun Dato’ Kota Setar (tidak bertarikh), satu bab berkaitan bunga emas dan Undang-Undang bertarikh 1199H/1784M, terdapat satu lagi versi undang-undang Kedah yang diperturunkan kepada Stuart. Menurut Winstedt lagi, versi tersebut berbeza dengan versi yang diselenggara oleh beliau. Ini kerana versi tersebut tidak memasukkan UUP dan lebih bersifat sastera.<sup>184</sup> Kenyataan beliau seperti berikut:<sup>185</sup>

*“...is to be found in another (unpublished) manuscript version of Kedah Laws written down for the late Mr E.A.G Stuart and by him given to me. Except in this sections on the caremonies for receiving abbassadors letters Mr. Stuarts’s version differs widely from the laws here printed. It omits the early port laws and is more literary in form”*

Kesimpulannya, dapat dilihat tarikh ini bersamaan atau dalam lingkungan tempoh kemunculan Undang-Undang Pelabuhan (1650M) tetapi jauh lebih awal daripada kod yang terkandung dalam Undang-Undang Kedah versi Winstedt. Undang-undang ini disalin semula berdasarkan teks Undang-undang terdahulu<sup>186</sup> pada Syawal 1311H/April 1893M

---

<sup>182</sup> Majalah ini mula diterbitkan pada tahun 1918 dan berterusan sebanyak lima isu sebelum dihentikan penerbitannya pada tahun 1919.

<sup>183</sup> Khoo Kay Jin (1999), Undang-Undang Kedah Dengan Tumpuan Khusus Kepada Pengawalan Hak Milik Tanah, Kertas Kerja dalam *Masyarakat Malaysia Abad ke-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 58.

<sup>184</sup> R.O Winstedt (1928), p.2.

<sup>185</sup> *Ibid.*

<sup>186</sup> Wan Shamsuddin bin Mohd Yusof (2001), Teks Undang-Undang Kedah Salinan Ku Din Ku Meh, dalam *Warta Darul Aman*, Bil 4, h. 27.

dengan tumpuan kepada empat aspek iaitu pentadbiran tanah, hubungan tuan emas dan orang berhutang, munakahat, perceraian, pembahagian harta serta sumbang mahram.<sup>187</sup>

Versi ini memuatkan beberapa bahagian di dalamnya. Bahagian utama yang menjadi kajian penulis mengandungi 40 fasal meliputi tanggungjawab setiap raja dan menteri, pantang larang diraja, adab serta tanggungjawab anggota masyarakat, hukuman terhadap kesalahan jenayah dan awam, undang-undang keluarga, ekonomi dan muamalat. Fasal-fasal yang dibincangkan seperti berikut:<sup>188</sup>

1. Syarat orang menjadi raja
2. Syarat orang yang menjadi menteri
3. Fasal alat pegangan menteri
4. Fasal hokum adat yang ditentukan
5. Fasal hokum perselisihan berbunuh-bunuhan
6. Fasal hokum perbantahan laki-laki perempuan
7. Fasal hokum angkara durhaka selama-lama adanya
8. Fasal hokum pencuri, penyamuan, perlilat harta orang
9. Fasal melanggar kampong rumah orang-orang
10. Fasal berdusta menjual dusta demikian adanya
11. Fasal membayar orang berhutang taruh selama-lamanya
12. Fasal melarikan hamba orang atau tunangan orang
13. Fasal meminjam orang atau hamba orang atau berhutang orang
14. Fasal sewa binatang empat kaki atau dua kaki
15. Fasal perintah mengupah orang ambilan didalamnya

---

<sup>187</sup> Mahani Musa (2010), *op.cit.*, h. 285.

<sup>188</sup> *Ibid.*

16. Fasal berkahwin nikah-nikahan
17. Fasal Dhaka dengan larangan raja
18. Fasal tanah isi negeri
19. Fasal bendang isi negeri
20. Fasal perselisihan orang berbendang
21. Fasal orang berhuma padang hutan
22. Fasal orang berdusun-dusun kampong adanya
23. Fasal orang berkedai barang dagangan
24. Fasal sewa atau pajak berpajak demikian adanya
25. Fasal berjual kampong bendang dusun-dusun
26. Fasal perniagaan jual beli pada barang dagangan
27. Fasal hasil atas rakyat dan kerajaan
28. Fasal hasil bunga emas atas segala menteri
29. Fasal menyambut surat-surat hendaklah dimuafakat baik-baik
30. Fasal rasmi tiap-tiap mukim isi negeri
31. Fasal merdeheka hamba-hamba sahaya orangnya
32. Fasal orang berkedai jual beli dalam pekan pasar
33. Fasal orang sewa perahu besar kecil adanya
34. Fasal sewa senjata orang-orang adanya
35. Fasal mengambil upah membela gajah
36. Fasal sambut surat bersama bunga emas ke siam
37. Fasal orang menyambut modal pergi berniaga
38. Fasal orang menaruh gelung gajah atau kerbau lembu
39. Fasal orang mencari karang-karangan
40. Fasal surat kiriman puji-pujian surat



Bahagian seterusnya diikuti dengan Undang-Undang Laut Melaka, Undang-Undang Nobat dan salinan lesen bijih timah bertarikh 1 Rabiulawal 1303 (8 Disember 1885) yang dititahkan oleh Sultan Abdul Hamid Halim Syah, dan diakhiri dengan beberapa bahagian yang berupa khutbah. Berikutnya pula dilampirkan salinan lesen timah yang dititahkan oleh Sultan Abdul Hamid pada 1 Rabiulawal 1303 bersamaan 8 Disember 1885M dan diakhiri dengan senarai sultan Kedah seramai tujuh belas orang bermula daripada Sultan Mohamed Syah (1202-1237) sehingga Sultan Abdul Hamid (1882-1943).<sup>189</sup>

Walaupun versi ini terdapat sedikit persamaan dengan beberapa bahagian yang dibincangkan dalam Hukum Kanun Melaka (Undang-Undang Melaka) dan Undang-Undang Kedah versi Winstedt, namun di sebalik persamaan ini juga wujud perbezaan yang besar. Apatah lagi, tidak terdapat perbincangan di dalam kedua-dua undang-undang tersebut membincangkan tentang pemungutan hasil ripai,<sup>190</sup> peraturan hubungan antara tuan dengan orang berhutang,<sup>191</sup> hasil nobat, perakuan tentang tugas wanita,<sup>192</sup> dan keistimewaan kedudukan golongan pedagang.

---

<sup>189</sup> Mahani Musa (2003) Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh, 1311 Hijrah (1893 Masihi): Satu Dokumen Sejarah Negeri Kedah dalam *Warisan Mahawangsa Kedah*, h. 73.

<sup>190</sup> Hasil ripai merupakan cukai kepala sebanyak 16 gantang padi setahun. Ditambah satu gantang beras atau harganya sebanyak satu kenderi untuk makanan pegawai cukai. Perkara ini disebut dalam UUKVKDKM 32/107/21-23 “*maka segala hasil negeri daripada ripai dan lainnya pun tiada kena atasnya melainkan hasil bunga emas dan hasil kandang juga yang tiada lepas daripadanya kenalah ia sekalian bayar ikut patut padannya.*”

<sup>191</sup> Antaranya dibincangkan dalam UUKVKDKM fasal ke 11 yang menyatakan perintah orang membayar hutang. Antara contohnya “*jika sudah musim bendang atau hampir-hampir sangat akan mencabut kerja bendang kadar setengah bulan lagi akan hendak menentak kayu pagar bendang, tiadalah boleh orang berhutang itu hendak membayar hutang keluar daripada kerja tuan emas itu melainkan selesai kerja bendang, baharu boleh, kalau jika ia hendak gagah keluar juga kenalah ia membayarkan dengan harga padi sebahagi yang akan dapat dalam tanah bahagiannya itu.*”Rujukan: UUKVKDKM 11/38/9-13.

<sup>192</sup> *Maka pada zaman Tuan Syekh Abu Bakar menjadi kadi dalam negeri Kedah, dihukumkan tuan itu pada pesaka laki-laki dikeluarkan suatu tompok dalam bahagi tiga, dikata harta syarikat kemudian baharu dibenarkan tuan itu berbahagi didalam harta yang lebih daripada keluar harta syarikat karena ditilik tuan itu rakyat isi Kedah ini lebih kerja perempuan daripada laki-laki pada genap perkaranya.*Rujuk:UUKVKDKM 16/44/7-10

### 3.1.3 Tujuan Penulisan Teks

Pada umumnya penulisan undang-undang ini bertujuan untuk memberi pedoman kepada sekalian rakyat di negeri Kedah tentang perkara yang dibenarkan serta dilarang perlakuannya. Ini juga bertujuan untuk mengawal tingkah laku mereka supaya tidak mendatangkan mudarat serta memberi kesenangan dan keselesaan kepada sekalian rakyat. Ini dapat difahami melalui petikan berikut:<sup>193</sup>

“...segala adat perintah peraturan segala adat raja-raja dan taraf segala menteri, pegawai pada jalan membaiki negeri dan mengambil hasil mahsul, kharajat. Barang yang ditegahkan oleh Kitab Allah direntikan. Barang yang jadi maaf sebab hendak mengawali dan menolakkan bahaya negeri dan memberi kesenangan atas isi negeri dihimpun....”

### 3.1.4 Sumber Rujukan

Pada dasarnya, penggunaan al-Quran, as-Sunnah serta pengaruh adat setempat menjadi sumber penting dalam penggubalan undang-undang ini. Penggunaan ayat al-Quran dan as-Sunnah dalam UUKVKDKM telah memberikan roh kepada perundangan Islam di Kedah suatu ketika dulu. Dalam erti kata lain, ia memberi isyarat yang jelas kepada negara bangsa supaya menjadikan al-Quran dan as-Sunnah sebagai panduan hidup demi memperkasa sahsiah dan jati diri bangsa. Bukti penggunaan sumber-sumber Islam jelas tertera dalam kenyataan-kenyataan berikut:<sup>194</sup>

---

<sup>193</sup> UUKVKDKM 7/12-15

<sup>194</sup> UUKVKDKM 20 /70/6-10

“Maka pada ketika itu keluar titah kepada Dato’ Bendahara suruh muafakat dengan segala menteri, pegawai himpulkan segala ulama dan hukama perbuat undang-undang peraturan segala adat negeri.....ikut bersabit pada hokum Allah Taala.”

Walaupun sumber-sumber Islam dititikberatkan penggunaannya, namun penggunaan adat tempatan juga tidak dikesampingkan malahan tetap menjadi keutamaan. Ini dilihat seperti berikut:<sup>195</sup>

“diperiksa rupa jenis jawabnya pada kedua pihak, aduan jawab itu diperiksa beri habis serta diambil kenyataan antara kedua pihak, ditatap dibawa kepada kadi atau ulama-ulama bertanya hokum atas perkara masalah dakwanya itu, barang yang dihukumkan oleh ulama dita’lik pula kepada adat, jika sudah berbetulan dibawa maklum pada bendahara, diselesaikan dengan benar raja, diperbuat surat ketetapan itu diserahkan pada orang yang beroleh tanah.”

Hal ini mengesahkan bahawa wujudnya keterbukaan serta tasamuh dalam penggubalan hukum-hukum Islam. Adat yang menjadi kebanggaan serta identiti bangsa Melayu ini tidak diketepikan malahan diislamisasikan untuk terus dijaga serta dikekalkan.

### **3.2 Ciri-Ciri Penulisan Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh**

Merujuk kepada tulisan-tulisan yang terdapat dalam manuskrip ini, beberapa pemerhatian telah dicatatkan.

---

<sup>195</sup> UUKVKDKM 31/113/1-2

### 3.2.1 Khat

Menurut Dato Ismail Salleh, penyalinan manuskrip ini berkemungkinan lebih daripada seorang. Andaian ini didasarkan kepada beberapa bentuk khat yang terdapat dalam manuskrip ini. Sekiranya diamati, seolah-olah terdapat beberapa orang penulis yang ditugaskan bagi menyalin semula manuskrip ini dalam bentuk sedia ada. Kemungkinan setiap penulis diberikan bahagian tertentu untuk ditulis tetap ada kerana jika diamati akan dijumpai tulisan penulis pertama pada bahagian seterusnya setelah diselangi oleh tulisan yang berbeza. Kemungkinan juga ianya ditulis secara beramai-ramai oleh penulis tertentu tanpa menentukan bahagian masing-masing.<sup>196</sup>

Bentuk tulisannya juga dilihat berbeza-beza, ada mirip penggunaan khat *nasakh* atau *thuluth* dan ada yang tidak dapat dikategorikan kerana setengah khat dalam bahagian ini lebih pendek, berbentuk bulat, panjang dan sebagainya.<sup>197</sup>

### 3.2.2 Perbendaharaan Kata

#### a) Penyerapan kosa kata Arab

Sistem tulisan Arab dipercayai berasal daripada tulisan orang-orang Fonia purba. Sistem tulisan ini kemudiannya tersebar luas dengan tersebarnya agama Islam. Asia Tenggara dipercayai telah menerima pengaruh Islam sejak abad ke 7 M lagi.<sup>198</sup> Kesan

---

<sup>196</sup> Allauwiyah Jusoh (2006), *op.cit.*, Rujuk Lampiran 5.

<sup>197</sup> *Ibid.*

<sup>198</sup> Adi Yasran Abdul Aziz, Wan Muhammad Wan Sulong, Mohd Sukki Othman (2006), Analisis Sistem Tulisan Arab/Jawi Terawal Yang Dijumpai di Asia Tenggara, Kertas Kerja *Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu Ke-2* pada 24-25 Jan 2006, h.1. 125.

daripada pengaruh ini, bahasa Melayu banyak mengalami perubahan dan perkembangannya.<sup>199</sup>Antaranya termasuklah sistem tulisan, sistem ejaan dan penyerapan kata-kata pinjaman daripada Arab dan Parsi.

Manuskrip UUKVKDKM juga dapat dijadikan salah satu bukti betapa besarnya pengaruh Arab dalam penulisan teks undang-undang Melayu. Ini dapat diketemui melalui penyerapan kata kosa Arab ke dalam kata kosa Melayu. Antara perkataan tersebut seperti:

---

<sup>199</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas (1969), *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 27.

Jadual 3.1

BIL	PERKATAAN	MAKNA	RUJUKAN
1	Khali	Kekosongan, hampa, berseorangan	2/8-9, 26/18-19
2	khalifatullah ala ard	Khalifah di atas bumi	5/1-2
3	zillullah fil alam	Bayangan Allah di alam	5/1-2, 130/5-6
4	Jalal	kebebasan, kemuliaan, keluhuran	5/4-6,5/6-7
5	Jamal (jamil)	Elok	5/6-8,
6	Kitabullah	Kitab Allah (al-Quran)	7/12-13, 7/8-9
7	Kubul (qabul)	Terima	1/9/12-13,1/11/15-16
9	Jamal	Unta	25/10
10	Qahhar	Suci	25/14
11	Ikhtiyar	Usaha	28/17,30/13
12	Zhan	Bersangka	34/16
13	Sanah	Tahun	45/17
14	Wazir	Pemimpin	48/11
15	Afiun	Madat, Ganja	52/3
16	Amarah	Marah (tidak dapat menahan nafsu)	55/22
17	Fadhilat	Kelebihan	58/2
18	Afdhal	Lebih baik	60/20
19	Illat	Kecacatan	63/9,63/11,78/22
20	Saf	Barisan	68/15
21	Muzakarah	Perbincangan	77/10
22	Amar nahi	Suruhan dan Tegahan	77/14
23	Wasil	Jalan/Cara	79/12
24	Dhaif	Lemah	90/23,91/7
25	Wasitah	pertengahan	98/4,103/9
26	Wazir	Pemimpin	98/23
27	Khilaf	Perbezaan	102/19
28	Sagar/sakar	Gula	105/9

29	Mashgul	Masalah	108/3
----	---------	---------	-------

Sumber: Manuskrip Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh.

Terdapat juga kata kosa Arab yang digabungkan penggunaannya dengan kata imbuhan bahasa Melayu. Antaranya seperti berikut:

Jadual 3.2

BIL	PERKATAAN	RUJUKAN
1	Disarfankanlah	23/7
2	Dithabitkan	23/20
3	Bertakwil dan ditakwilkan	24/1
4	Diperhisabkan	29/8
5	Menaqal	33/4
6	Berikhtiqad	57/14
7	Beradawat	58/16
8	Kiaskan	63/21
9	Illatnya	78/22
10	Diqabulkan	79/9
11	Wasilnya	79/18
12	Ithbatkan	89/17
13	Menqasatkan	98/6,103/12
14	Beradawat	102/22,106/3

Sumber: Manuskrip Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

Merujuk kepada kata kosa di atas, dapat disimpulkan bahawa penyerapan kata kosa Arab ke dalam kata kosa bahasa Melayu adalah berkait rapat serta sehati dengan sahsiah dan jati diri masyarakat Melayu yang beragama Islam. Ini kerana kebiasaannya orang Melayu akan bersolat, berzikir, berdoa, dan membaca al-Quran dalam bahasa Arab sama ada mereka faham ataupun tidak. Selain itu juga, semua bunyi Arab dapat dieja dengan tulisan Jawi yang juga berasal daripada tulisan Arab. Oleh itu mereka tidak menghadapi masalah besar dalam menyesuaikan diri dengan sebutan dan ejaan Arab.

b) Pengaruh Bahasa Lisan atau Dialek Tempatan

Pengaruh bahasa lisan atau loghat tempatan yang terdapat dalam UUKVKDKM ini dilihat sebagai satu unsur jati diri Melayu kerana bahasa lisan adalah bahasa sebenar bagi penutur sesuatu bahasa.<sup>200</sup> Berdasarkan kajian yang dilakukan, dilihat terdapat penggunaan dialek Kedah yang banyak. Antara contohnya adalah seperti berikut:

Jadual 3.3

BIL	PERKATAAN	MAKNA	RUJUKAN
1	Pulak	Pula	4/5-6,40/131/20-21
2	Kecik	Kecil	5/14-15,1/8/11-12
3	Membawak/dibawak	Membawa	29/9
4	Mempugar	Membersihkan kawasan hutan	60/5
5	Tembun	Gemuk	23/5 ,23/7
6	Mintak	Minta	23/9
8	Pintak	Pinta	25/1, 25/7
9	Dipenaik	Kawasan sawah yang tidak tentu luasnya, selalunya menghadap matahari terbit.	26/1
10	Membalun	Memukul	29/5, 29/13
11	Gagah	Memaksa diri melakukan sesuatu	38/12
12	Selut	Lumpur	41/15,41/19,42/8
13	Lintar	Kilat	41/17,42/7
14	Dipagut	Patuk	41/17,42/7
15	Tambat	Ikut	43/2
16	Taruh	Simpan	58/9,69/18, 81/16
17	Dipawahkan	Dibahagikan	66/15
18	Tandop	Tebing tinggi	67/6
19	Katub	Tutup	67/7
20	Dirabut	Diragut	67/21,67/22

<sup>200</sup> Adi Yasran Abdul Aziz, Halimah Hassan (2009), *op.cit.*, h.2.



21	Meranduk	Masuk dan makan tanaman secara tidak tentu arah	68/1
22	Berambat	Berkejar-kejaran	68/8,33/3
23	Direntikan	Dihentikan	74/5,7/14
24	Pawah	Bahagi	84/10
25	Enyor	Kelapa	84/23
26	Pebela	Membela	3/14,54/2,54/8
27	Panggung muka	Mengangkat muka	13/7
28	Tertahar	Terbiar	13/18
29	Penasa	Binasa	42/2
30	Mengenat	Mengkhianati	42/23
31	Teriak	Menangis	14/5
32	Hingar	Bising	16/16
33	Tolo	Bodoh	43/13
34	Regis	Memukul menggunakan ranting kayu	69/8
35	Pupuh	Sesuatu objek yang dipacak pada sesuatu kawasan menandakan ia kawasan larangan	70/5
36	Tiada larat	Tiada upaya	77/22
37	Rang	Jadi tidak subur sesuatu tanah	84/10
38	Diirik	Dipijak berulang kali	65/1
39	Rimbat	Kayu lebar yang diikat secara melebar untuk diikat bersilang dengan turus bagi dijadikan pagar.	66/12
40	Turus	Kayu panjang yang didirikan memanjang untuk dijadikan pagar	66/11
41	Sayup	lewat	105/22
42	Bomo	Bomoh	120/5
43	Capik	tempang	121/6

Sumber: Manuskrip Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

c) Perkataan Arkaik

Selain penggunaan bahasa Arab terdapat juga penggunaan kata-kata-kata usang dalam teks undang-undang Melayu lama ini. Penggunaan kata usang ini tidak digunakan lagi secara meluas pada masa kini walaupun masih wujud dalam bahasa Melayu. Bahkan, terdapat sesetengah kata arkaik ini yang tidak difahami langsung oleh generasi hari ini kerana terdapat perkataan-perkataan baru yang dirasakan sesuai untuk menggantikan kata-kata ini. Istilah arkaik menurut pendefinisian oleh Umar Junus adalah sebagai kata lama yang sukar dikenal lagi.<sup>201</sup> Manakala menurut Asmah Haji Omar pula, keusangan kata boleh dilihat dari tiga aspek, iaitu fonologi, keanggotaan golongan atau fungsi dan makna. contoh penggunaannya adalah seperti berikut:<sup>202</sup>

Jadual 3.4

BIL	PERKATAAN	MAKNA	RUJUKAN
1	Ketuha	Ketua	6,34/13, 34/16, 60/16
2	Karunia	Kurnia	27/16
3	Terpalu	Terpukul/ketuk	1/11/5-6
4	Titir	Bunyi canang, gendang yang bertalu-talu atau memalu canang bertalu-talu	1/12/8-9
5	tuha-tuha	Tua	13/11
6	Karena	Kerana	23/3
7	Haru hara	Huru hara	23/18,31/23
8	Atawa	Atau	30/7
9	Senteri	berbagai-bagai orang asing yg mendatang	34/11
10	Bikir	Dara	37/3,39/4,83/8

<sup>201</sup> Umar Junus (1989), *Stilistik Satu pengantar*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 214.

<sup>202</sup> Asmah Omar (1991), *Bahasa Melayu abad Keenam Belas*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 132.

11	Wati	Rogol	47/22,83/10
12	Mentuha	Mentua	49/9
13	Hubaya-hubaya	ambil perhatian, awas- awas, jaga-jaga	51/17
14	Bendela	Bendera	52/8
15	Dikit	Sedikit	59/8
16	Kelelahan	Keletihan	60/6
17	Tuha	Tua	60/21,61/1
18	Kweng	Penghulu/ketua	61/2
19	Anugeraha	Anugerah	63/14
20	Apakala	apabila, bilamana, ketika.	75/15,91/11
21	Peheduli	Peduli	80/4
22	Sahaya	Hamba	81/12,93/10
23	Kelabaan	Keuntungan	89/10,90/12
24	Pesara	Pasar	96/16
25	Seteru	Lawan	102/2,104/2,104/5

Sumber: Manuskrip Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

#### 3.3.4 Ejaan

Naskhah ini menggunakan Jawi lama. Penggunaannya kadang-kadang dilihat tidak selaras dan agak mengelirukan. Ini dapat disimpulkan seperti dibawah:

- a) Tiada sebarang tanda bacaan yang sepatutnya seperti noktah, koma, kurungan, tanda soal, tanda seru, dan juga tiada sistem pembahagian bab dan perenggan.
- b) Kadang kala meninggalkan huruf vokal ( و, ي, ا ) dan menambahnya.
- i) Meninggalkan huruf vokal ا dan menambahnya. Contohnya seperti berikut:

Jadual 3.5

Meninggalkan huruf vokal ا	Menambah huruf vokal ا
دامكين (demikian) 21/21	دمكين 28/9
رجم (rejam) 21/5	راجم 21/1
منجلس (majlis) 21/8	منجالس 21/6
تدوه (teduh) 18/17	تادوه 18/13

Sumber: Manuskrip Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

- ii) Meninggalkan huruf vokal و dan menambahnya. Contohnya seperti berikut:

Jadual 3.6

Meninggalkan huruf vokal و	Menambah huruf vokal و
تاكاة (takut) 10/13	دولافن (dualapan) 31/5
بتل (betul) 13/5	تاجو (tajak) 16/7
دجابت (dicabut) 36/9	بولنتارا (belantara) 20/14
تمكغ (temenggung) 14/1	فرضو (Fardhu) 99/4 101/20

Sumber: Manuskrip Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

- iii) Meninggalkan huruf vokal ي dan menambahnya. Contohnya seperti berikut:

Jadual 3.7

Meninggalkan huruf vokal ي	Menambah huruf vokal ي
امبل (ambil) 12/6 115/20	سيكرا (segera) 24/20 101/18
برفالغ (berpaling) 12/8	سموسيم (semusim) 62/15
كولت (kulit) 36/1	دياتس (diatas) 114/3
داكغ (daging) 93/19	صاليغ (21/17 103/14)

Sumber: Manuskrip Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

- c) Penggunaan ciri-ciri ‘*hypercorrect*’ untuk beberapa istilah Melayu khususnya penggunaan bunyi “*h*” masih digunakan.;

Jadual 3.8

BIL	PERKATAAN
1	Menchari (8/12,21/14)
2	Hupah (44/1)
3	Tuha (60/21)
4	Dipeheduli (80/4, 113/22)

Sumber: Manuskrip Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

- d) Tersalah ejaan berlaku di beberapa tempat, contohnya:

Jadual 3.9

مكت (mengganti) 16/6	برامي رماري (beramai-ramai) 27/9
رعتت (rakyatnya) 57/5 57/7	تست (atasnya) 55/4
مظم (muazzam) 55/2	جاکروکین (jadi kerugian) 71/3
ديابنتکن (dithabitkan) 26/4	بيت المان (baitul man) 20/22
کمفت (kampong) 59/14	طرورة (darurat) 53/19

Sumber: Manuskrip Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

- e) Ejaan yang tidak konsisten

Jadual 3.10

Kurnia	کارانیا (3/6)	کارنیا (3/23)	کرنیا (52/1, 129/1)	کارنیا (56/3)	کارنیا (70/15)	کرانی (105/4)
Faedah	فعيدة (9/17)	فئدة (62/11)	فائده (76/10)	فئدة (77/4)	فائدة (85/15)	فعيدہ (106/1)

Pegawai	فغكاوي (7/13)	فغكاوي (8/10)	فكاوي(9/5)			
Bendahara	بندھرا (10/16)	بندھارا (7/19)	بندھارا(9/19)			
Patut	فاتت (21/3)	فاتوت	فاتوة(23/1)			
Riya'	ري (107/21)	ريا (107/23)	رايا(108/2)	راي (108/3)		
Perempuan	فرمفوان (113/4)	فرامفوان (113/7, 113/18)				

Sumber: Manuskrip Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

### 3.4 Kesimpulan

Genre ini merupakan penghasilan kreatif golongan elit Melayu dari kalangan istana. Ia mempunyai ciri-ciri yang tersendiri sebagaimana yang terdapat pada sastera Melayu lama yang lain. Walaupun isi kandungannya banyak membincangkan mengenai undang-undang, namun di dalamnya terkandung juga mengenai kebudayaan masyarakat setempat pada zaman silam. Teks Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh (UUKVKDKM), ini juga menunjukkan gaya penulisan atau gaya bahasa di suatu zaman disamping memperlihatkan tahap pemikiran masyarakat Melayu tempatan yang melahirkan undang-undang tersebut yang dijadikan garis panduan. Dengan campur tangan pihak pentadbir istana, para hukamak serta para ulama', maka akhirnya undang-undang ini dapat ditulis serta dikuatkuasakan pada abad ke 17 & 18 (walaupun tidak terdapat bukti kebenaran ia dikuatkuasakan).

## **BAB KEEMPAT: ANALISIS UNSUR-UNSUR ETNOGRAFI ISLAM DALAM TEKS UUKVKDKM**

### **4.0 Pendahuluan**

Dalam bahagian ini pengkaji akan memfokuskan kajian terhadap gambaran unsur-unsur etnografi dalam manuskrip UUKVKDKM yang dipengaruhi Islam secara langsung atau sebaliknya yakni tidak bercanggah dengan syariat Islam. Pertama-tama sekali pengkaji mendatangkan analisis tentang sistem pemerintahan Kedah yang difokuskan kepada adat istiadat tradisional kesultanan Melayu Kedah. Penjelasan secara tuntas mengenai adat kesultanan ini diperjelaskan mengenai adat pemilihan raja dan menteri, adat berbahasa dan adat berpakaian dalam istana, adat yang berkaitan dengan regalia dan simbol di raja serta para menteri, adat istiadat nobat diraja Kedah serta akhirnya adat menyambut surat dari luar negeri. Selain itu dimuatkan juga analisis mengenai adat resam perkahwinan tradisional masyarakat Kedah merangkumi adat merisik, meminang, menentukan mahar, serta berkenduri kendara. Disamping itu, menerangkan juga gambaran sara hidup masyarakat Kedah seperti kegiatan pertanian meliputi penanaman padi tradisional dan perdusunan, perdagangan, perniagaan, penyewaan, pajakan dan gadaian, mengambil upah, kutipan hasil denda dan baitulmal, zakat, penangkapan ikan dan akhirnya peternakan. Seterusnya, terdapat juga gambaran mengenai perumahan serta kota di negeri Kedah. Senarai jelas perbincangan adalah seperti berikut:

- 1) Sistem Pemerintahan
- 2) Adat Resam Perkahwinan
- 3) Tatacara Pencarian Sara Hidup
- 4) Sistem Kota dan Perumahan

#### 4.1 Sistem Pemerintahan

Umum mengetahui, raja atau pemerintah merupakan golongan penting dalam menggerakkan pentadbiran negara sekaligus dianugerahi kedudukan yang sangat tinggi oleh masyarakat. Ini dibuktikan dengan satu ungkapan Arab yang sering dikaitkan dengan kebesaran raja-raja iaitu sebutan “*zillullah fil alam*” atau raja sebagai bayang-bayang Tuhan di dunia.<sup>203</sup> Maka, melalui ungkapan inilah raja diangkat sebagai penaung atau pelindung semua manusia.

Walaubagaimanapun begitu, keistimewaan dan kemuliaan raja-raja selaku bayang-bayang Tuhan di dunia hanya dapat dicapai sekiranya raja-raja memerintah dengan adil berasaskan ajaran Islam. Hanya raja-raja yang adil akan berada dalam lingkungan makna sebagai bayang-bayang Tuhan di dunia sebaliknya raja yang bertindak sebaliknya akan mendapat balasan buruk yang setimpal daripada Allah SWT. Dari sudut etikanya, seorang raja harus benar-benar memahami tugas dan tanggungjawab mereka dengan jelas dan dapat melaksanakannya dengan penuh integriti, ikhlas dan tunduk di bawah kebesaran kekuasaan Allah SWT.<sup>204</sup> Dalam menunaikan tanggungjawab secara adil, raja juga harus melantik menteri atau “*kapit*”nya di kalangan orang baik-baik supaya pemerintahan yang adil selaras ajaran agama dapat dilestarikan.

---

<sup>203</sup> Rujuk contoh sebutannya “*maka jadilah sultan sudah mendapat nama khalifatullah alal ard dan zillullah fil alam -1- ertinya ganti Allah Taala atas bumi dan bayang-bayang Allah Taala di dalam alam dunia ini menjadi wajiblah diatas -2- sultan menurut segala perangai yang empunya ganti dan bayang itu...*” (UUKVKDKM:bahagian pendahuluan /5/1-3)

<sup>204</sup> Jelani Harun (t.t), Sastera Melayu: Nilai dan Etika, Rujuk juga Tatiana Denisova (2011), Refleksi Historiografi Alam Melayu, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 128-154, Tatiana Denisova (2009), Konsep Kemakmuran Negara dalam Historiografi Melayu Islam (kurun ke 13 hingga ke 19), Kertas kerja *Simposium Warisan dan Tamadun Islam*, anjuran Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, APIUM, h. 9.



Oleh itu, terakam tiga fasal khusus mengenai raja atau pemerintah di dalam teks UUKVKDKM sebagai panduan dan nasihat kepada raja-raja untuk mencapai ciri keadilan dalam pemerintahan dan dalam masa yang sama dapat menghindarkan diri daripada perilaku zalim. Fasal-fasal tersebut seperti syarat orang yang menjadi raja, syarat orang yang menjadi menteri dan fasal alat pegangan menteri. Berdasarkan penelitian, dilihat intipati penting yang dibincangkan dalam ketiga-tiga fasal ini sudah pastinya mengenai adat pemilihan raja dan menteri yang diberi penekanan pada unsur akhlak serta etiket raja dan menteri.<sup>205</sup> Selain itu dimuatkan juga penjelasan mengenai adat istiadat kesultanan Kedah yang lain bagi menganugerahi serta meninggikan kedudukan raja-raja.

#### **4.1.1 Adat Istiadat Tradisional Kesultanan Melayu Kedah**

Maklumat berhubung adat istiadat kesultanan Melayu dalam UUKVKDKM dapat diperolehi dengan jelas dalam teks undang-undangnya.<sup>206</sup> Antara perkara yang menyentuh mengenai adat istiadat kesultanan Melayu Kedah adalah seperti berikut:

##### **i) Adat Pemilihan Raja dan Menteri**

Berdasarkan kajian terhadap UUKVKDKM, sifat adil dan ihsan merupakan akhlak Islam yang seharusnya sehati dalam melaksanakan pemerintahan berasaskan ajaran Islam.

---

<sup>205</sup> Walaupun unsur akhlak bukanlah digolongkan sebagai unsur etnografi, namun unsur ini amat penting dalam mencerminkan keadaan hidup masyarakat Kedah Tradisi khususnya tentang konsep keadilan, keadaan politik dan pemerintahan negara. Disebabkan itu unsur-unsur akhlak adalah merupakan salah satu cakupan perbincangan ilmu etnografi.

<sup>206</sup> Namun demikian perbincangan mengenai adat istiadat kesultanan Melayu Kedah lebih banyak dibincangkan dalam Undang-Undang Kedah yang diselenggara Winstedt atau hasil karya selenggaraan Maryam Salim. Selain itu bagi melihat secara tuntas mengenai adat resam dan adat istiadat Melayu boleh juga dirujuk hasil karya Syed Alwi Syeikh al-Hadi (1986), *Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, dan rujuk juga hasil karya Tardjan Hadidjaja (1964), *Adat Raja-Raja Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.

Kedua-dua sifat baik ini menjadi intipati pokok yang digariskan oleh pengarang teks sebelum membicarakan sifat-sifat baik selainnya. Misalnya :

Jadual 4.1

SEBUTAN	UNSUR-UNSUR AKHLAK ISLAM
“Bab yang pertama-tama syarat atas orang yang menjadi raja itu maulah ada kepadanya dua sifat pertama adil <sup>207</sup> dan keduanya ihsan <sup>208</sup> .”(UUKVKDKM:1/7/23)	Adil, ihsan

Sumber : Manuskrip Undang – Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

Terdapat juga sebutan mengenai akhlak-akhlak Islam yang lain bagi mencapai ciri keadilan yang dianjurkan Islam iaitu mengambil berat dalam permasalahan rakyat, jangan banyak bercakap perkara sia-sia, jangan terlampau sukakan hiburan dan permainan, jangan mengambil mudah segala nasihat atau perkataan orang sama ada golongan atasan atau bawahan, jangan bersifat riya’ dan takbur selanjutnya jangan meninggalkan syarak. Contohnya seperti berikut:

Jadual 4.2

SEBUTAN	UNSUR-UNSUR AKHLAK ISLAM
“maulah raja itu menjalani turut aturan adatnya jangan meninggalkan segala syarat peraturan dan jangan keluar kepengadapannya dengan tiada memakai selengkap pakaiannya dan jangan menaruh segan dan malas akan	-jangan segan dan malas dalam pemerintahan - jangan banyak bercakap perkara sia-sia

<sup>207</sup> Adil secara literalnya bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya. Manakala menurut Abdul Muin Salim adil bermakna *al-inshaf wa sawiyyat* bererti berada di pertengahan dan mempersamakan. Rujuk : Abdul Muin Salim (1994), *Fiqhi Sijarah: Konsep Kekuasaan Politik dalam al-Quran*, Jakarta: Lembaga Studi Islam dan Kemasyarakatan, h.213. Adil mengikut al-Maraghi pula adalah menyampaikan kepada pemiliknya secara efektif. Rujuk: Ahmad Mustaffa al-Maraghi (t.t), *Tafsir al-Maraghi*, Jil V, Dar al-Fikr, h.69. kesimpulannya dapat difahami adil bermaksud memberikan hak seseorang secara saksama. Pengertian adil menurut teks ini pula adalah “sifat yang qahhar dan kekerasan ertinya tiap-tiap pekerjaan yang salah itu maulah sultan -9- mulakan/ meletakkan qahhar dan kekerasan mendatangkan hokum ke atas yang berbuat salah itu turut kesalahannya jangan menaruh tilik -10- pandang atasnya.....” (UUKVKDKM: 4/8-15).

<sup>208</sup> Pengertian sifat ihsan menurut terminologi agama Islam adalah menyembah Allah seolah-olah ia melihat Allah ataupun Allah senantiasa melihat kamu dalam setiap perbuatan.pula manakala pengertian menurut UUKVKDKM adalah “tiap-tiap pekerjaan yang baik dan benar itu maulah sultan melakukan keelokan dan sarfan dan kemurahan dan pengasihanan mendatangkan limpah aman pelihara dan melimpahkan ampun dan derma karunia daripada harta benda dan martabat yang kemuliaan dan kesenangan ke atasnya jangan ditilik pandang kepadanya jika ia daripada orang kecil dan hina sekalipun” (UUKVKDKM:4/8-15).

dihadap menteri pegawai ini dan jangan berkata-kata sangat pada jalan yang sia-sia dan jangan sangat kesukaan kepada permainan dan jangan meringankan segala perkataan orang, tiap-tiap yang dikatanya itu dihalusi fikir habis-habis menchari perkataan dalam yang dikatanya itu, jika ada yang berkata itu daripada orang yang kecil dan hina sekalipun dan jangan bersifat riya' dan takbur dan jangan meninggalkan syarak atas barang bagainya.” (UUKVKDKM:1/8/8-13)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- jangan terlampau sukakan hiburan dan permainan</li> <li>- jangan mengambil mudah segala nasihat atau perkataan orang samada golongan atasan atau bawahan</li> <li>- jangan bersifat riya' dan takbur</li> <li>- jangan meninggalkan syarak</li> </ul>
--	--

Sumber : Manuskrip Undang – Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

Dalam undang-undang ini juga terakam galakan serta nasihat bagi seorang raja dalam memilih menteri supaya terlebih dahulu menyelidiki sikap menteri yang bakal dipilih. Syarat menteri yang dipilih seharusnya baik budi pekertinya, boleh bekerjasama dan bermuafakat dengan segala menteri dalam mentadbir negeri, adil serta tidak melakukan penganiayaan terhadap rakyat. Sebutannya:

Jadual 4.3

SEBUTAN	UNSUR-UNSUR AKHLAK ISLAM
“janji raja dengan segala menterinya tiada hendak melanggar adat yang telah diadatkan itu sudah terhukum segala perkara di dalam perkataan itu, maka adalah pegangan dan jabatan raja itu erti kerajaan maulah ia memilih orang yang baik-baik akan dijadikan menterinya dan maulah muafakat ia dengan menteri atas tiap-tiap pekerjaan dan maulah ia sangat selidik dan siasat mengetahui segala pekerti af'il pekerjaan segala menteri pegawai harapannya, jika ada tampak fadhilat kejahatan dan aniaya mereka itu atas segala rakyat isi negeri atau tiada mengerjakan kerja yang bertanggung atasnya atau meringankan dia”.(UUK:1/8/1-6)	<ul style="list-style-type: none"> <li>-pilih orang baik-baik</li> <li>-siasat serta selidik dahulu budi pekerti menteri yang akan dipilih</li> </ul>
hendaklah panglima dan segala yang berjutan/berjutaan mendirikan adil dengan sesungguhnya, wajib atas segala raja-raja dan menteri jangan tilik menilik barang siapa yang benar diperbenarkan dan yang salah disalahkan, barang siapa berbuat aniaya lagikan diperiksa Allah Taala di dalam akhirat	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Adil dan berbuat kebajikan kepada segala rakyat</li> <li>-jangan menganiayai rakyat</li> </ul>

<p>tiada dengar firman Allah Taala: ان الله يأمر بالعدل والاحسان: bahawa sesungguhnya firman Allah Taala menyuruhkan kita berbuat adil dan kebajikan atas segala rakyat فالله خير حافظا وارحم الراحمين.(UUKVKDKM:30/100/9-13)</p>	
---	--

Sumber : Manuskrip Undang – Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

Maklumat khusus tentang syarat pemilihan bendahara yang diibaratkan dalam teks ini seperti isteri raja dan menjadi ketua bagi segala menteri turut dinyatakan. Maklumatnya:

Jadual 4.4

SEBUTAN	UNSUR-UNSUR AKHLAK ISLAM
maka dikehendakilah pada yang martabat itu daripada orang yang bangsawan dan beriman dan setiawan dan dermawan hingga ada kepadanya keempat martabat ini bolehlah ia menanggung jabatan itu.(UUKVKDKM:1/9/1-4)	Bangsawan, beriman, setiawan, dermawan

Sumber : Manuskrip Undang – Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

Bendahara perlu memiliki keempat-empat sifat baik iaitu sifat bangsawan, beriman, setiawan dan dermawan. Sifat bangsawan diperlukan supaya rakyat menyembah beliau manakala sifat beriman pula supaya dapat berlaku adil. Selain itu, sifat setiawan penting supaya bersikap setia kepada raja dan negeri sekalipun terpaksa menggadai nyawa dan sifat dermawan supaya mengambil berat akan kebajikan rakyat.

Di dalam teks undang-undang ini juga terkandung nasihat serta ancaman kepada rakyat supaya memberikan ketaatan kepada raja kerana ia dianggap sebagai syarat mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Jadual 4.5

SEBUTAN	UNSUR-UNSUR AKHLAK ISLAM
maka hendaklah diketahui oleh segala am dan khas yang menegur dan mengikut suruh tegah segala raja-raja yang adil mewajibkan selamat dan kemuliaan dunia akhirat, barang siapa melalui daripadanya itu mendatangkan sesalnya dan kebinasaan selama-lamanya (30/100/1-3)	Taat

Sumber : Manuskrip Undang – Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

Berdasarkan analisis teks undang-undang ini, memperlihatkan raja yang memerintah negeri Kedah, kegiatan serta tugasnya menepati tradisi umum Islam. Disebabkan itu ketaatan tanpa berbelah bagi seharusnya dimandatkan kepada baginda dalam urusan kebaikan bukannya kemaksiatan sepertimana firman Allah dan sabda Rasulullah:

ياايها الدين امنوا اطيعوا الله و اطيعوا الرسول واولى الامر منكم

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, taatilah kamu kepada Allah, dan taatilah kepada Rasulullah dan pemerintah (orang-orang berkuasa) dari kalangan kamu (Surah *al-Nisa*: 59)

من اطاعني فقد اطاع الله ومن عصاني فقد عصى الله من يطع الامير فقد اطاعني ومن يعص الامير فقد عصاني

Maksudnya: sesiapa yang taat kepadaKu beerti ia taat kepada Allah, sesiapa derhaka kepadaKu bermakna ia derhaka kepada Allah, sesiapa yang taat kepada pemerintah bermakna ia taat kepadaKu, sesiapa yang derhaka kepada pemerintah bermakna ia derhaka kepadaKu (Hadis riwayat Bukhari, Muslim, Abu Daud, al-Nasaie dan Ibn Majah)

Merujuk kepada maklumat yang dibentangkan tentang adat pemilihan raja di atas menunjukkan bahawa akhlak Islam menjadi prasyarat utama dalam pemilihan Raja atau menteri. Walaupun akhlak-akhlak ini bukanlah satu unsur dalam etnografi namun begitu akhlak amat penting sebagai pemangkin etnografi kerana ia mencerminkan keadaan sara hidup masyarakat, konsep keadilan, kriteria pemilihan dan penilaian raja dan menteri.

## ii) Adat berbahasa dalam istana

Sebagaimana diketahui umum, institusi istana Melayu mempunyai bahasa yang khusus berbeza dengan bahasa yang digunakan rakyat jelata. Pemilihan kata dan gantinama berbahasa di istana mempunyai adat tersendiri dan seharusnya dipatuhi oleh sekalian rakyat jelata. Ini kerana hal ini merupakan warisan turun temurun istana bagi kesultanan Melayu yang harus dihormati serta dikekalkan. Kata dan gantinama seperti patik, tuanku, daulat, karunia, titah, ampun jelas ditemui dalam teks UUKVKDKM. Nukilannya seperti tersebut:

Jadual 4.6

SEBUTAN	BAHASA
Bab yang keempat puluh menyatakan adat surat-surat rencana pujia-pujian surat sembah akan raja daulat tuanku Shah Alam atau daulat tuanku yang muazzam zillullah fil alam ampun tuanku patik sianun-sianun hamba yang teramat hina daripada sekalian yang hina merafakkan	Patik, <sup>209</sup> daulat, <sup>210</sup> , ampun, <sup>211</sup> tuanku, <sup>212</sup>

<sup>209</sup> Gantinama diri bermaksud saya. Rujuk: Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi 4.

<sup>210</sup> Bermaksud bahagia (mendoakan kebahagiaan untuk tuanku) dan ya atau benar (digunakan ketika menyambut titah diraja).

<sup>211</sup> Bermaksud kebebasan daripada hukuman atau memohon maaf.

<sup>212</sup> Gantinama diri raja.

sembah kebawah tapak cerap duli yang dipertuan yang maha mulia serta mohonkan ampun beribu-ribu ampun (40/130/2-5)	
orang itu tiada tahu bahasa yang layak disebut itu dengan kata ini, bendang siapa dan ini kampong siapa ini dusun sianu, itulah sebenar-benar perkataan sekali-kali tiada patut ia berkata ini tanah sianu, jika tanah itu pemberian ampun karunia raja akan dia sekalipun tiada juga patut dikata tanah dia karena tiap-tiap yang raja karunia jadi pemberian atau perjualan sekalipun ada tersebut didalam titah raja itu (17/56/1-5)	Karunia, <sup>213</sup> ampun, titah <sup>214</sup>

Sumber : Manuskrip Undang – Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

Berdasarkan analisis tersebut jelas menunjukkan bahawa bahasa yang dikhususkan buat raja-raja adalah bahasa yang halus yang mana bertujuan untuk menzahirkan rasa hormat serta meninggikan kedudukan golongan diraja. Walaupun perkataan-perkataan eksklusif tersebut berakar dari perkataan Sanskrit serta tiada penzahiran ciri-ciri Islam secara nyata,<sup>215</sup> namun ianya dilihat mempunyai kesepaduan dengan ajaran Islam yakni tidak bercanggah seterusnya digalakkan oleh ajaran Islam. Ini kerana ia sebagai cara untuk memenuhi erti ketaatan dengan menghormati serta memuliakan pemerintah.

### iii) Adat berpakaian di dalam istana

Pakaian diraja juga adalah salah satu perkara yang digunakan bagi membesarkan golongan raja. Pakaian atau perhiasan raja ini selalunya dalam bentuk mewah, mahal, berkualiti serta dihiasi dengan emas serta batu pertama yang bermutu tinggi. Antara

<sup>213</sup> Bermaksud timbang rasa, belas kasihan, kasih atau anugerah.

<sup>214</sup> Bermaksud perintah, suruhan.

<sup>215</sup> Abu Hassan Sham (), Unsur-Unsur Undang- Undang Hindu di dalam Teks Undang-Undang Adat Temenggung Khasnya Hukum Kanun Melaka, h.312. (belum lengkap)

pakaian diraja yang menjadi sebutan dalam UUKVKDKM adalah peralatan perhiasan diri seperti mahkota, kekalungan, tengkolok, baju dan kain berwarna kuning serta tetampan.

Jadual 4.7

SEBUTAN	PAKAIAN DAN PERHIASAN DIRAJA
Fasal pakaian raja-raja dengan segala alatan yang tiada boleh dipakai oleh orang yang lain daripadanya pertama-tama mahkota dan kekalungan atau barang bagainya .....(1/8/14-15)	Mahkota, <sup>216</sup> kekalungan, <sup>217</sup>
dan seorang pun tiada boleh memakai tengkolok/tenggolok atau baju daripada kain kuning melainkan dimaafkan kepada ulama dan pendeta-pendeta memakai dia dan bentara kiri kanan sentiasa boleh memakai tetampan kuning.(3/16/4-5)	Tengkolok, <sup>218</sup> baju kain kuning, <sup>219</sup> tetampan <sup>220</sup>

Sumber : Manuskrip Undang – Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

Selain raja, bendahara juga dikurniakan pakaian khusus sebagai penghormatan atas kebesaran beliau sebagai ketua bagi segala menteri serta pegawai. Antara pakaian bendahara yang disebut adalah tengkolok dan baju kain sebarang warna.

Jadual 4.8

SEBUTAN	PAKAIAN DAN PERHIASAN DIRAJA
barang yang hendak dijadikan bendahara, diberilah persalinan akan dia selengkapanya daripada tengkolok dan baju kain dan keris	Tengkolok, Baju Kain

<sup>216</sup> Mahkota adalah perhiasan kepala yang diperbuat daripada emas putih bertatah batu permata serta belian.

<sup>217</sup> Kekalungan adalah rantai leher yang dipakai oleh Permaisuri Diraja. Kalung ini diperbuat daripada emas putih bertatah penuh dengan permata berlian. Ia dipakai dalam adat istiadat kebesaran Diraja dan pada waktu pertabalan Raja.

<sup>218</sup> Tengkolok merupakan perhiasan kepala yang diperbuat daripada sekeping kain songket berwarna hitam bersulam benang emas dalam bentuk empat segi sama. Kemudian, kain songket tersebut dilipat menjadi segi tiga mengikut rekaan yang diinginkan. Bagi Raja Kedah bentuk ikatan atau solek yang dipakai bernama “*Dendam Tak Sudah*”. Manakala di bahagian hadapan terdapat ukiran melambangkan padi dan jata negeri Kedah Darul Aman.

<sup>219</sup> Baju dan kain Diraja yang berwarna kuning emas.

<sup>220</sup> Sejenis selampai daripada kain sutera kuning (yang diseباikan di bahu ketika meng-hadap raja atau untuk menudungi barang-barang yang dipersembahkan kepada raja)-kamus dewan edisi 4



dan tombak dan kendi dan cap bendahara itu jadi nama persalinan tujuh (UUKVKDKM:1/11/21-23)	
---	--

Sumber : Manuskrip Undang – Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

Syed Alwi Sheikh al-Hadi mengulas lanjut mengenai adat istiadat pakaian istana dengan menyatakan tidak harus orang kebanyakan memakai sebarang pakaian daripada warna kuning atau kekuningan walaupun mereka itu golongan pemerintah atau orang besar-besar melainkan mendapat perkenan atau dianugerahi oleh raja memakainya.<sup>221</sup> Hal ini jelas terakam dalam UUKVKDKM, di mana golongan ulama, pendeta, orang bernikah serta kanak-kanak menyambut hari raya diperkenan untuk memakainya. Maklumatnya seperti di bawah:

“dan seorang pun tiada boleh memakai tengkolok/tenggolok atau baju daripada kain kuning melainkan dimaafkan kepada ulama dan pendeta-pendeta memakai dia dan bentara kiri kanan sentiasa boleh memakai tetampan kuning.”(UUKVKDKM:3/16/2-5)

“maka segala jenis ini termaaf kepada orang yang hendak bernikah boleh ia masuk pergi duduk hampir raja sebab hendak menyembah mencium kaki tangan raja tiadalah menjadi larangan suatu pun kepadanya dan kepada kanak-kanak yang memakai kepada hari raya, jika kesemuanya kuning dengan memakai tengkolok emas seperti mahkota sekalipun maafkah baginya boleh ia masuk menyembah raja duduk bertindih riba dengan raja sekalipun tiada boleh dilarangkan dia ...”(UUKVKDKM: 3/17/3-70)

Merujuk analisis-analisis yang diutarakan, menunjukkan walaupun segala adat berpakaian ini kurang menzahirkan ciri-ciri keislaman malahan lebih menjurus pengaruh adat Melayu, namun didapati wujudnya modifikasi Islam serta hubungan yang neutral di antara Islam dan adat tempatan di mana perlakuannya bukanlah suruhan ajaran Islam serta

<sup>221</sup> Syed Alwi (1986), *op.cit.*, h.57.

tidak bertentangan dengan syariat malahan bukan juga satu larangan. Hal ini pastinya membuktikan bahawa Islam agama universal dan terbuka yang mana boleh menyerap dan menyesuaikan segala adat lama selagimana tidak bercanggah dengan syariatnya. Selain itu, dapat dilihat dalam dua petikan contoh terakhir tentang sifat keterbukaan dan murah hati raja membenarkan rakyat biasa seperti kanak-kanak dan orang hendak bernikah memakai pakaian mirip sebahagian daripada pakaian kebesaran raja. Ini jauh berbeza dengan pemerintah Hindu Buddha sebelumnya yang akan menjatuhkan hukuman keras kepada rakyat kebanyakan yang memakai pakaian seperti pakaian diraja.<sup>222</sup> Melalui petikan ini juga dapat dilihat cara pemakaian kanak-kanak Kedah pada Hari Raya yang menunjukkan kemeriahan hari raya yang disambut.

#### **iv) Adat yang berkaitan dengan regalia dan simbol di raja serta para menteri**

Antara alatan yang menjadi regalia serta simbol di raja serta para menteri Kedah adalah keris,<sup>223</sup> pedang,<sup>224</sup> payung ubur-ubur,<sup>225</sup> peterana bersampul kuning,<sup>226</sup> tangkal kuning, cogan<sup>227</sup> dan tombak<sup>228</sup>

---

<sup>222</sup> Rujuk pernyataan Hukum Kanun Melaka “<sup>43</sup> Ketahuilah olehmu bahwa tiada harus memakai seperti kekuningan dan kepada segala orang besar-besar sekalipun, jikalau tiada dengan anugraha raja-raja, maka iaitu dibunuh hukumnya. Dan demikian lagitiada dapat memakai kain yang nipis berbayang-bayang seperti khasa pada balai raja-raja atau pada pagar raja-raja itu melainkan dengan kurnia titah raja atau diluar bolah dipakai. Jikalau lain daripada itu niscaya dicarikkan atau ditolakkan hukumnya. Dan demikian lagi memakai hulu keris emas seperti merubi dan bawang sebongkol. Itupun tiada dapat dipakai leh orang keluaran, jikalau tiada dengan nugraha raja akan dia. (Jikalau ada dengan nugraha raja-raja akan dia), maka dapat dipakai. Jikalau ada orang yang memakai dia, hukumnya dirampas.” Lihat Liaw Yock Fang (1976), Undang-Undang Melaka (The Laws of Melaka), The Hague: Martinus Nijhoff, h. 65-66.

<sup>223</sup> Keris adalah senjata yang terkenal dengan rupa bentuk tersendiri yang mewakili kebudayaan penduduk di Kepulauan Melayu. Ia menjadi elemen penting sebagai alat istiadat bangsa dan negara yang telah digunakan sejak 600 tahun dahulu. Menurut Griffith William, keris berasal daripada mata lembing yang telah diubahsuai. Terdapat pelbagai jenis keris namun dua jenis keris yang digunakan dalam adat istiadat Diraja adalah keris panjang dan keris pendek diraja.

<sup>224</sup> Pedang adalah senjata yang berhulu perak, bersarung kayu bersimpai perak. Hampir keseluruhannya mempunyai ukiran bunga telipok dan lambang negeri Kedah pada simpai ditengah-tengah sarungnya. Terdapat pelbagai jenis pedang, namun pedang yang digunakan dalam adat istiadat diraja adalah pedang berhulu dan bersarung emas dan pedang tidak bersarung.

<sup>225</sup> Payung ubur-ubur adalah payung yang diperbuat daripada kain sutera berwarna kuning atau sebarang warna mengikut penggunaannya serta mempunyai benang yang berambu-rambu di bahagian tepi. Bagi negeri Kedah akan dipasangkan lambang negeri yang diperbuat daripada perak.

<sup>226</sup> Peterana diperbuat dari kain sutera berbentuk tilam kecil segi empat sama dengan warna kuning yang menjadi tempat duduk raja.

<sup>227</sup> Cogan merupakan tongkat berbentuk bulat panjang berkepala besar. Terdapat dua jenis cogan iaitu cogan alam dan cogan agama. Kedua-dua jenis ini diperbuat daripada perak dengan panjangnya lima kaki empat inci. Alat kebesaran ini menjadi alat pegangan raja.

Jadual 4.9

SEBUTAN	ALATAN DIRAJA (ALAT KEBESARAN DAN SENJATA)
Fasal pakaian raja-raja dengan segala alatan yang tiada boleh dipakai oleh orang yang lain daripadanya pertama-tama mahkota dan kekalungan atau barang bagainya dan nobat, nafiri, ragamnya dan pedang berhulu dan bersarong emas dan pedang telanjang tiada bersarong berjalan dihulu pengiringan dan tilam empat segi bernama peterana bersampul kuning atau beralas kuning dan kain kuning daripada barang bagainya dan payung ubur-ubur sebarang warna dan tangkal kuning dan cogan dan tombak bercemara kuning dan istana dengan balai besar kecil itu bersayap lelayang dan sulur rembayung (UUKVKDKM:1/8/14-18)	Pedang berhulu dan bersarong emas, pedang tiada bersarong, peterana bersampul kuning atau beralas kuning, payung ubur-ubur sebarang warna, tangkal kuning, cogan, tombak bercemara kuning, sayap lelayang, sulur rembayung.

Sumber : Manuskrip Undang – Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

Walaupun begitu terdapat alatan yang diperkenan dipakai oleh kerabat pembesar seperti anak-anak datuk bendahara serta temenggung. Walaupun begitu, segala alatan diraja ini boleh dipakai dalam adat istiadat diraja sahaja seperti adat istiadat pertabalan raja dan bendahara.

Jadual 4.10

SEBUTAN	ALATAN DIRAJA (ALAT KEBESARAN DAN SENJATA)
tiadalah siapa boleh memakai pedang emas dan keris berhulu emas teterapnya emas melainkan anak-anak datuk bendahara yang boleh memakai di pengadapan rajanya karena ialah harus memikul pedang kerajaan mengiring raja (UUKVKDKM:3/16/2-3)	Pedang emas, keris berhulu dan teterapannya emas
seorangpun tiada boleh membawa lembing	Leming, <sup>229</sup> tombak

<sup>228</sup> Tombak merupakan sebilah senjata berbatang dan bermata tajam di hujungnya. Batangnya diperbuat daripada kayu dan bersimpai dengan rotan. Selalunya panjang matanya 34cm manakala panjang hulunya 186.5cm.

<sup>229</sup> Lembing ialah senjata bermata besi yang boleh diradakkan atau dibalingkan. Panjang mata lembing kebiasaannya antara 8 hingga 12 inci dengan batangnya diperbuat daripada kayu yang panjang.

tombak naik keatas balai dan kedalam wang raja melainkan temenggung -11- juga boleh dibawa oleh pengiringnya naik duduk ditangga balai (3/16/11-12)	
---	--

Sumber : Manuskrip Undang – Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

Selain itu, dinyatakan juga hukuman bagi rakyat biasa yang melanggar undang-undang yang ditetapkan. Maklumatnya seperti berikut:

“sekalian ini tiadalah boleh orang lain memakai dia, barang siapa memakai hukumnya dibunuh, jika ada orang itu daripada rakyat hutan padang tiada tahu adat bahasa ini dimaafkan daripada bunuh kadar dirampas segala jenis itu, demikian dimaafkan kepada orang yang hendak berkahwin juga atas kadarnya, maka seperti sayap lelayang dan sulur lembayung boleh dibubuh kepada masjid dan balai yang ditengah jalan dan jamban yang disungai kehendaknya tatkala raja lalu pada suatu-suatu ketika kalau tersingghah padanya.(UUKVKDKM:1/8/19-23)”

Merujuk analisis tersebut, menunjukkan bahawa segala regalia atau alatan diraja adalah melambangkan kebesaran serta keagungan raja sebagai bayang-bayang tuhan di dunia. Walaupun alatan-alatan tersebut tidak menampilkan ciri-ciri Islam sepenuhnya, namun penggunaannya bukanlah suatu larangan. Ini kerana segala regalia ini bukanlah untuk tujuan peribadatan atau mistik dalam adat Melayu malahan ia sekadar meninggikan golongan pemerintah semata-mata. Namun begitu, berbeza dengan keris yang juga digunakan untuk tujuan mistik. Selain itu, penggunaan keris bukannya eksklusif kepada raja dan para menteri malahan terbuka kepada rakyat biasa juga terutamanya golongan lelaki. Ini kerana keris merupakan simbol kejantanan serta kekuatan bagi kaum lelaki.

v) **Adat istiadat nobat diraja Kedah**

Nobat merupakan muzik tradisional Melayu yang diangkat menjadi alat muzik kebesaran diraja. Muzik ini seringkali dimainkan semasa upacara keraian seperti istiadat pertabalan, sambutan ulangtahun, perkahwinan serta kemangkatan diraja. Berdasarkan kebanyakan teks-teks Melayu klasik seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*, muzik tradisional ini dipercayai diwarisi daripada keturunan Nabi Allah Ibrahim yang kemudiannya diperturunkan kepada zaman Iskandar Zulkarnain dan seterusnya kepada raja-raja yang memerintah Tanah Arab, Asia Barat, dan Asia Timur.<sup>230</sup> Selanjutnya pada zaman pemerintahan Kerajaan Islam Uthmaniyyah, penggunaan muzik ini terus berkembang di negara-negara Islam seperti Sepanyol, Utara Afrika, India dan juga Alam Melayu.<sup>231</sup>

Nobat yang tertua dalam kesultanan Melayu dipercayai Nobat Kedah. Berdasarkan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, nobat Kedah berasal dari Parsi yang diperkenalkan oleh raja Kedah yang pertama iaitu Maharaja Derbar Raja.<sup>232</sup> Setelah Maharaja Phra Ong Mahawangsa (Raja keempat yang memerintah Kedah) memeluk Islam dengan gelaran Sultan Muzaffar Shah (1136-1179), muzik tradisional ini mulai diislamisasikan berdasarkan pengaruh daripada tanah Arab. Proses islamisasi yang jelas kedapatan adalah dari segi lagu yang digunakan iaitu lagu *Ibrahim Khalilullah* menggantikan lagu yang berpengaruh Hindu dan Jawa. Alatan muzik nobat Kedah yang digunakan adalah seperti serunai, nafiri, nahara, gendang ibu, gendang anak dan gong.

---

<sup>230</sup> Mohd Amin Sulaiman (1993), *Sejarah Asal Usul Nobat*, Alor Setar: Arkib Negara Cawangan Utara Kedah dan Perlis, h.25.

<sup>231</sup> Noraini Che Pa (2009), Nobat Dalam Adat Istiadat Diraja Kedah, dalam *Warisan Mahawangsa Kedah*, h.135.

<sup>232</sup> Wan Yahya bin Wan Muhd Taib bin Temenggung Wan Musa al-Shahid bin Temenggung Sri Raja Putra (18 Syaaban 1346 HI 1927 M), *Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah*, C. 2, (t.p).

Gambaran mengenai adat istiadat nobat Kedah juga jelas terakam dalam UUKVKDKM yang menyebut mengenai peranan nobat, jenis alatan muzik yang digunakan serta jenis lagu yang seringkali dialunkan.

Merujuk UUKVKDKM, muzik tradisional ini berperanan penting sebagai pancaragam diraja yang seringkali dialunkan pada majlis adat istiadat pertabalan dan kemangkatan diraja serta dalam adat istiadat menyambut surat dari luar negeri. Maklumatnya seperti diperturunkan di bawah:

Jadual 4.11

SEBUTAN	PERANAN
bersabdalah ia kepada orang yang memegang kerja nobat nafiri katanya: Titirkan nobat ragam Ibrahim Khalilullah, maka dipalulah ragam itu serta berbunyi nobat itu segala menteri hulubalang biduanda sida-sida rakyat sekalian menundukkan kepalanya sayu belas hati sekaliannya mendengar bunyi ragam itu kerana terlalu azimat bunyinya (UUKVKDKM:1/12/8-11)	Adat istiadat pertabalan diraja
seperti demikian itu tatkala mangkat seorang raja, maka Datuk Bendaharalah akan gantinya dinobatkan sampai empat puluh hari dan Datuk Bendaharalah memilih didalam anak cucu kaum keluarga raja itu ikut yang berkenan kepadanya (UUKVKDKM:1/10/14-15)	Adat istiadat kemangkatan diraja
Demikianlah adatnya bermula menyambut surat raja Johor pun tungkul/tunggul dua puluh dan payung ubur-ubur putih dua bertetapan dan nobat nafiri gong gendang serunai lapik surat joreng/jurang emas (UUKVKDKM:29/97/7-8)	Adat istiadat menyambut surat dari luar negeri

Terdapat juga maklumat mengenai alatan muzik nobat seperti serunai, nafiri, gendang, genderang, nafiri dan gong. Namun begitu maklumat mengenai nahara tidak ditemui. Sebutannya seperti berikut:

Jadual 4.12

SEBUTAN	ALATAN MUZIK NOBAT
sekaliannya mendengar bunyi ragam itu kerana terlalu azimat bunyinya, maka serunai yang ditiup bersama genderang dan nobat itu nazam sajaknya berkata.(UUKVKDKM: 1/12/11-12).	Serunai, <sup>233</sup> genderang <sup>234</sup>
dan diperbuat pula jenis bunyi-bunyian daripada gendang serunai nobat nafiri berbagai-bagai ragam dan dipertentukan taraf yang memakai dia (UUKVKDKM:6/11)	Gendang, <sup>235</sup> nafiri <sup>236</sup>
maka bertitah raja Datuk Bendaharalah perzahirkan ,masuklah bendahara kebawah astaka memalu gong besar itu berturut-turut tiga kali. (1/12/4-5)	Gong <sup>237</sup>

Sumber : Manuskrip Undang – Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

<sup>233</sup> Serunai merupakan alat terpenting dalam permainan nobat. Ia tergolong dalam kumpulan erofon yang berbentuk panjang lurus atau seperti *flute*. Panjangnya lebih kurang 43cm dan mempunyai tujuh lubang dipermukaan atas batang serunai dan satu lubang di bahagian bawah batang serunai. Serunai mempunyai beberapa bahagian seperti lidah serunai (pemipit), pelapik serunai (caping), senali, simpai, batang serunai serta serombong serunai. Serombong serunai diperbuat daripada perak manakala simpai serunai diperbuat daripada daun pokok *Thai*. Rujuk: Noraini Che Pa (), *op.cit*, h. 139.

<sup>234</sup> Sama maksud dengan gendang ibu atau gendang besar

<sup>235</sup> Gendang tergolong dalam kumpulan muzik membrafon yang berukuran 50cm panjang dan lebar mukanya bergaris pusat 33.7cm. Ia diperbuat daripada jenis kayu yang berkualiti, tahan lasak serta dapat menghasilkan bunyi yang baik. Kulit harimau turut digunakan pada gendang sebelah kanan dan kulit kambing digunakan pada bahagian sebaliknya. Gendang juga mempunyai tali untuk memudahkan nya digalas dan sebagai pengikat supaya tidak mudah bergerak ketika dipukul. Terdapat dua jenis gendang yang digunakan dalam nobat iaitu gendang anak dan gendang ibu. Rujuk: *ibid*.

<sup>236</sup> Nafiri juga tergolong dalam kumpulan irofon yang berbentuk seperti trompet kepunyaan orang-orang India berukuran 82-85cm panjang. Ia diperbuat daripada perak tulen dan mempunyai temaluk yang terdapat di dua bahagian dan bentuknya seperti buah kandis. Bahagian serombongnya agak leper dan berbunga-bunga. Alat tiupan ini mengeluarkan bunyi yang sayup serta menggerunkan bagi para pendengar. Rujuk: *ibid*.

<sup>237</sup> Gong diperbuat daripada tembaga merah dan berasal dari Jawa, Indonesia. Kayu pemukul gong ini diperbuat daripada kayu khas yang teguh dan dibaluti dengan kain berwarna kuning. Gong ini digantung pada satu tempat khas yang dikenali sebagai cagak. Luas permukaannya gong ini ialah kira-kira 18 inci. Rujuk: *ibid*.

Maklumat jenis lagu atau ragam yang sering dialunkan hanya disebut ragam *Ibrahim Khalilullah* sahaja.

“bersabdalah ia kepada orang yang memegang kerja nobat nafiri katanya: Titirkan nobat ragam *Ibrahim Khalilullah*, maka dipalulah ragam itu serta berbunyi nobat itu segala menteri hulubalang biduanda sida-sida rakyat sekalian menundukkan kepalanya sayu belas hati sekaliannya mendengar bunyi ragam itu kerana terlalu azimat bunyinya.” (UUKVKDKM:1/12/8-11)

Berdasarkan maklumat mengenai nobat di atas, menunjukkan pengaruh islam yang jelas terutamanya dari segi lagu yang dimainkan serta alatan muzik yang digunakan seperti gong, genderang dan gendang.

#### **vi) Adat Istiadat Menyambut Surat Luar Negeri**

Adat menyambut surat yang dibawa oleh sesuatu utusan khas dari sesebuah negeri juga merupakan satu tatacara khusus yang disusun dalam sesebuah teks undang-undang Melayu lama atau dalam mana-mana teks historiografi. Dalam teks Sejarah Melayu misalnya terdapat data tentang cara-cara Melaka menyambut surat dari Pasai, Haru dan Rokan.<sup>238</sup> Metod menyambutnya bergantung kepada sama ada kedua negara itu sama besar kerajaannya atau sebaliknya.<sup>239</sup>

Penjelasan lebih lanjut mengenai adat ini juga terakam dalam UUKVKDKM. Antara negeri yang terlibat adalah seperti Siam, Patani, Johor, Perak, Jayakatra, Melaka, Gujerat, Merdalung, Singgora dan Ligor. Di bawah ini diperturunkan beberapa contoh menarik mengenai tatacara menyambut surat dari luar negeri.

---

<sup>238</sup> Wan Shamsudin Mohd Yusof (1992), *op.cit*, h. 13.

<sup>239</sup> W.G Shellabear (1982), *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd, h. 57



Jadual 4.13

SEBUTAN	NEGERI
adapun surat daripada benua Siam itu bernama tera perak kajasai/kejesi disambut dengan nobat nafiri gong gendang serunai tungkul/tunggul dua puluh dan payung ubur-ubur dua bertimbul/bertombol tiada berlapis karena surat itu sudah ada lapisnya dilarik kayu seperti seroja/serunai dibiarkan/diberikan surat itu bergulung dibubuh dalm buluh dilarik dan dicatnya.” (UUKVKDKM/29/97/4-6)	Siam
bermula menyambut surat raja Johor pun tungkul/tunggul dua puluh dan payung ubur-ubur putih dua bertetampan dan nobat nafiri gong gendang serunai lapis surat joreng/jurang emas (UUKVKDKM/29/97/7-8)	Johor
bermula menyambut surat raja Patani tungkul/tunggul enam belas payung ubur-ubur putih dua lapis joreng/jurang emas bertetampan bernobat gong gendang serunai. (UUKVKDKM/29/97/8-9)	Patani
Bermula menyambut surat raja Perak pun serupa dengan surat raja Patani juga (UUKVKDKM/29/97/10)	Perak
Bermula menyambut surat dari Jayakarta tungkul/tunggul dua belas payung ubur-ubur putih suatu lapis seroja perak gong gendang serunai sahaja tiada bernafiri dan tiada bertetampan. (UUKVKDKM/29/97/11-12)	Jayakarta
Bermula menyambut surat dari Melaka jika ia kompeni tungkul/tunggul dua belas berpayung cina bekasnya seroja gong gendang serunai tiada bertetampan (UUKVKDKM/29/97/12-14)	Melaka
Bermula menyambut surat kompeni itu bergajah berpayung tungkul/tunggul dua	Kompeni

belas tempat surat itu seroja dia arak gong gendang serunai tatkala sampai surat itu kebalai dipasang bedil lima kali, jika surat daripada saudagar yang besar-besar pun demikian juga adatnya, (UUKVKDKM/29/97/14-16)	
jika surat daripada gurundur (garbenor) Melaka pun demikian juga adatnya bersalahan daripada menyambut surat raja-raja karena ia bukan bangsa raja bedil itulah terlebih mulia kepadanya. (UUKVKDKM/29/97/16-17)	Garbenor Melaka
Bermula menyambut surat daripada Ligor jika bergelar perak tungkul/tunggul dua belas payung putih Cina bekasnya seroja gong gendang serunai tiada bertetampan (UUKVKDKM/29/97/17-18)	Ligor
jika surat raja Merdulung atau raja Singgora jika gelarnya afiya tungkul/tunggul dua belas payung putih suatu gong gendang serunai lapik suratnya seroja tiada bertetampan (UUKVKDKM/29/97/19-20)	Merdulung
Bermula jika surat daripada kompeni Gujerat atau dari negeri Kalinga seperti menyambut surat kompeni Melaka. (UUKVKDKM/29/97/20-21)	Kompeni Gujerat

Sumber : Manuskrip Undang – Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

Adat istiadat ini menunjukkan Kedah mempunyai hubungan diplomatik yang baik dengan negeri-negeri di Nusantara. Ini dapat dilihat betapa tertib serta beradatnya masyarakat Kedah lampau bagi memuliakan utusan daripada tetamu. Hal ini juga sekaligus menggambarkan kesopanan serta keterbukaan masyarakat Kedah.

Berbalik kepada kesemua analisis tentang adat istiadat diraja Melayu Kedah membuktikan sekaligus menegaskan keterbukaan Islam dalam menerima pengaruh adat

yang secara aslinya bukan pengaruh ajarannya, di samping dapat melihat cerminan konsep diraja serta pemikiran masyarakat lampau yang amat kreatif dalam memelihara serta menjunjung kedudukan raja serta para pemerintah.

#### **4.2 Adat Resam Perkahwinan Tradisional Kedah**

Orang-orang Melayu sememangnya merupakan satu bangsa yang tinggi martabatnya, yang kaya dengan budi bahasa yang halus, sopan santun dan peradaban yang tinggi. Sebelum istiadat ijab qabul antara pasangan yang bakal berkahwin ini ditermeterai, satu adat yang sangat bererti lagi halus serta berbahasa yang teratur rapi dan mengikut tertib dirancang untuk mendapat sesuatu hajat yang besar dan sempurna kerana mereka mengahwinkan anak-anak mereka mengikut adat resam perkahwinan orang-orang Melayu.<sup>240</sup>

Masyarakat Tradisional Kedah juga mempunyai adat resam perkahwinannya yang tersendiri. Hal ini ada dibincangkan secara tuntas di dalam UUKVKDKM dalam fasal ke 16 dengan judul “*adat pada menyatakan perintah orang hendak berkahwin*”. Penerangan mengenai urusan nikah kahwin ini lengkap dibincangkan dari peringkat awal perkahwinan hingga peringkat akhirnya. Antara adat peringkat awal nikah kahwin yang diperjelaskan adalah mengenai adat merisik atau meninjau, penetapan mahar, meminang, bertunang dan mengadakan jamuan sebagai tanda kesyukuran atas perkahwinan.

---

<sup>240</sup> Nabihah Mohammad (1986), Istiadat perkahwinan dan Perbidanan di Kedah, dalam *Intisari Kebudayaan Melayu Kedah*, bab 6, Majlis Kebudayaan Negeri Kedah, h. 58.

**i) Merisik atau meninjau**

Adat merisik atau meninjau<sup>241</sup> ini pada hakikatnya merupakan suatu perkara yang cukup mustahak dalam proses perkahwinan. Ini kerana melalui proses inilah pihak lelaki akan mengetahui mengenai latar diri wanita yang dipinang. Dengan merujuk UUKVKDM, didapati terdapat maklumat yang memberi galakan kepada pasangan yang ingin berumah tangga supaya merisik terlebih dahulu dengan mewakili urusan ini kepada orang yang baik-baik untuk merisik wanita yang harus dikahwini sahaja<sup>242</sup>. Sebutannya seperti tersebut:

“Bermula syarat orang hendak berkahwin itu awalnya maulah disuruh orang baik-baik pergi bertanya ke rumah waris perempuan” (UUKVKDKM: 16/46/9-10).

Maklumat mengenai wanita yang harus dikahwini juga digariskan dalam UUKVKDKM sebagai panduan memilih isteri. Sebutannya:

“Syahadan adalah tersebut di dalam kitab Allah Taala haram bernikah dengan empat belas orang pertama ibu keduanya saudara ibunya ketiganya saudara bapanya keempatnya isteri bapa kelimanya ibu isteri yakni mentuha keenamnya ibu susu ketujuhanya saudara kedelapannya anak saudara laki-laki kesembilannya anak saudara perempuan kesepuluhnya saudara susu kesebelasnya anak isteri iaitu anak tiri kedua belasnya saudara isteri yakni ipar

---

<sup>241</sup>Terlebih dahulu, proses ini dilakukan dengan pihak lelaki menghantar wakil tertua serta orang baik-baik bagi meninjau serta mengambil tahu tentang latar belakang keluarga sebelah wanita tersebut khususnya tentang sikap serta gerak gerinya seperti adakah wanita tersebut pandai menguruskan rumah tangga serta rupa wajahnya. Selain itu dapat diketahui juga sama ada dia sudah dipinang orang atau telah bertunang dan sebaliknya. Setelah itu segala butiran dikhabarkan kepada orang tua pihak lelaki untuk proses seterusnya.

<sup>242</sup> Mengenai wanita yang harus dikahwini ini, al-Quran menjelaskan bahawa mereka ini bukanlah salah seorang daripada yang disebutkan ini: “Diharamkan atas kamu (mengahwini) ibu-ibumu, anak-anak perempuan, saudara-saudara bapamu yang perempuan, saudara-saudara ibumu yang perempuan, ibu-ibumu yang menyusui kamu, saudara perempuan sepersusuan, ibu-ibu isterimu (mertua), anak-anak isterimu yang dalam pemeliharaanmu dari isteri-isteri yang telah kamu campuri, tetapi jika kamu belum campur dengan isterimu itu (dan sudah kamu ceraikan), maka tidak berdosa kamu mengahwininya, dan diharamkan bagimu isteri-isteri anak kandungmu (menantu), dan menghimpunkan Idalam satu perkahwinan) dua perempuan yang bersaudara, kecuali yang telah terjadi pada masa lampau. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Rujuk: Terjemahan Surah *al-Nisa* (4):23.

ketiga belas bini orang keempat belas anak diri sendiri. Inilah yang ditegah tuhan Rabbul Alamin.”(UUKVKDKM:16/49/7-9).

Berbalik kepada maklumat di atas, dapat disimpulkan bahawa adat merisik yang diamalkan oleh masyarakat Melayu lampau khususnya masyarakat Kedah adalah bertepatan serta selaras dengan ajaran Islam. Rasulullah S.A.W juga menyarankan sebelum perkahwinan dilangsungkan, seharusnya dimulai dengan proses merisik. Daripada al-Mughirah bin Syu’bah, sabda Rasulullah S.A.W:<sup>243</sup>

انظر اليها احرى ان يؤدم بينكم ( رواه الخمسة الا ابا داود )

Maksudnya: hendaklah kamu melihat kepadanya calon isteri, kerana sesungguhnya ia akan lebih menjamin keberkekalan antara kamu berdua.

## **ii) Meminang dan Bertunang**

Adat peminangan adalah merupakan upacara bagi menyatakan lamaran seseorang lelaki terhadap perempuan untuk dijadikan isterinya dalam masyarakat Melayu. Walaupun menurut Islam adat ini bukanlah suatu kewajipan, namun perkara tersebut perlu diambil berat untuk menjaga hubungan harmoni antara pasangan, kekeluargaan, hubungan kedua-dua pihak dan kehidupan bermasyarakat.<sup>244</sup>

Manakala adat bertunang pula adalah upacara mengikat janji bagi menjadi suami isteri. Adat ini dilangsungkan sebaik sahaja proses peminangan selesai. Setelah itu ditetapkan maskahwin serta hari yang bersesuaian untuk dilangsungkan majlis keramaian.

<sup>243</sup> Ibrahim al-Jamal (1981), *Fiqh al Mar’ah : Ibadat –Muamalat*, Maktabah al-Quran: Kaherah, h. 273.

<sup>244</sup> Ali Mohammad (2009), *Realiti Pengaruh Islam Dalam Adat Perkahwinan Orang Melayu: Suatu Tinjauan*, dalam *Kertas Kerja Simposium Warisan dan Tamadun Islam*, anjuran Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, APIUM, h. 9.

Selalunya adat ini akan disertakan dengan sebarang cincin sebagai tanda perempuan sudah dipinang.

Maklumat mengenai kedua-dua adat ini terakam dalam UUKVKDKM yang mana contohnya:

“jika sudah keredhaannya dibawaklah belanjanya turut keredhaan kedua pihak dipertunangkan serta menentukan haribulan berkahwin sampai hari bulan itu dikahwinkanlah keduanya” (UUKVKDKM:16/46/10-12).

Selain itu terdapat juga maklumat mengenai larangan meminang wanita yang sudah dipinang lelaki lain. Sebutannya:

“maulah segala imam khatib yang hendak menikah halusi periksa habis-habis jangan terkena segala perkara ini karena segala imam khatib menjadi wakil raja, jika kurang cermat halusi, kena hukum yang berat-berat keatasnya. Jika kena kepada bini orang atau tunangan orang dinikahkan pada orang lain atau dinikahkan perempuan yang belum lepas iddahnya-sekalian itu memberi keberatan diatas imam khatib dan saksi walinya karena perempuan yang sudah bertunang itu haram pada orang lain meminang dia, diserupakan dengan bini orang dan yang didalam iddah, itupun dibilangkan bini orang juga. Jadilah diberati oleh segala raja-raja dan menteri pegawai. Jika berlaku demikian itu kena hukum denda sepuluh tahlil sepaha”(UUKVKDKM:16/49/22-23 dan 16/50/1-6).

Larangan ini adalah selari dengan galakan Islam supaya tidak meminang tunangan lelaki lain. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan berlakunya persengketaan dan pergaduan yang akan memecahbelahkan masyarakat seterusnya membuktikan Islam agama yang sejahtera dan selamat. Larangan ini ditegaskan dengan sabda nabi:<sup>245</sup>

---

<sup>245</sup> Muhammad Fuad Abd al-Baqi (t.t), *al-Lu'lu wa al-Marjan*, Dar al-Hadith: Kaherah, Jil.2,h. 91.

عن عبد الله ابن عمر رضي الله عنهما كان يقول :نهى النبي (صلعم) يبيع بعضكم على بيع بعض, ولا يخطب الرجل على خطبة اخيه حتى يترك الخطب قبله او ياءدن له الخطب (اخره البخاري في كتاب النكاح)

Maksudnya: Daripada Abdullah Ibn Umar *Radiallahhuanhuma* berkata: Nabi S.A.W telah melarang sebahagian dari kamu menjual diatas jualan sesetengah yang lain, dan tiada boleh seseorang lelaki itu meminang diatas pinangan saudaranya sehinggalah ianya ditinggalkan/dibatalkan oleh peminang sebelumnya atau peminang tersebut memberi keizinan kepadanya.

### iii) Penetapan mahar atau mas kahwin

Pemberian mahar atau maskahwin dalam perkahwinan adalah merupakan suatu kewajiban yang harus dilaksanakan pihak lelaki. Yang dikatakan mahar itu menurut Dr. Wahbah al-Zuhaili adalah harta yang wajib dibayar kepada perempuan pada masa akad nikah sebagai imbalan kenikmatan yang dikecapi oleh kedua-dua suami isteri dari akad nikah yang sah.<sup>246</sup>

Berdasarkan UUKVKDKM, penetapan mahar atau maskahwin bagi sekalian rakyat adalah dengan kadar setahil sepaha sahaja dan tidak boleh dilebihkan. Penetapan ini bertujuan untuk menghindar kesusahan dan keberatan atas segala rakyat. Namun begitu, penetapan kadar ini boleh dilebihkan bagi golongan kaya. Disebutkan:

“pada menyatakan perintah orang hendak berkahwin hukumkan atas isi negeri menjadi adat jangan berbanyak dakwa perintah membawa belanja itu ikut keredhaan kedua pihak akan isi kahwin itu, ditentukan atas segala rakyat

<sup>246</sup> Wahbah al-Zuhaili (1989), *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Jil 7, Damsyik: Dar al-Fikr, h. 25.

setahil sepaha, tiada boleh dilebihkan. Di dalam ini jika ada sama ijab qabul perbanyakkan isi kahwinnya. Pun jika ada perselisihan ia kedua sampai kepada hakim-diselesaikan hakim dengan isi kahwin setahil sepaha juga, tiada diberi perlembikan memberi kesusahan dan keberatan atas segala rakyat isi negeri. Jika mereka itu daripada orang menanggung martabat dengan kurnia raja, ikut tarafnya dinaikkan.” (UUKVKDKM:16/46/4-9)

Penetapan mahar ini dilihat selaras dengan ajaran Islam yang juga menganjurkan penganutnya meletakkan mahar dengan kadar yang rendah seterusnya menganugerahkan keberkatan kepada wanita yang rendah maharnya. Hal ini sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah S.A.W dalam sebuah hadis baginda:<sup>247</sup>

عن عائشة مرفوعا : ان اعظم النساء بركة ايسر هن صداقا ( رواه احمد والبيهقي )

Maksudnya: Daripada Aishah, marfu’: sesungguhnya perempuan-perempuan yang paling besar keberkatan ialah mereka yang paling mudah mas kahwin mereka.

#### **iv) Kenduri Kahwin**

Kenduri kahwin adalah majlis jamuan yang diadakan untuk meraikan sesuatu perkahwinan dan sebagai tanda kesyukuran di atas kelancaran urusan nikah kahwin. Hakikatnya, menganjurkan majlis ini adalah sunat muakkad hukumnya yakni sunat yang

---

<sup>247</sup> Muhammad Othman al-Khasyt (1994), *al-Maqasid al-Hasanah Fi Bayan Khatirin Min al-Ahadith al-Musytahirah ‘Ala al-Asinah*, Dar al-Kitab al-‘Arabiyy: Beirut, h.244.



sangat dituntut dilakukan walaupun secara sederhana.<sup>248</sup> Galakannya sebagaimana sabda Nabi S.A.W.<sup>249</sup>

عن انس ابن مالك, قال النبي لعبد الرحمن بن عوف:.....اولم ولو بشاة (رواه الشيخان)

Maksudnya: Dari Anas bin Malik, Nabi S.A.W bersabda kepada Abdul Rahman bin Auf: Allah S.W.T memberkati engkau, maka berkendurilah walaupun dengan seekor kambing.

Berdasarkan penelitian, hampir keseluruhan adat resam nikah kahwin yang dibicarakan dalam UUKVKDKM mengutamakan pandangan Islam kecuali sedikit pandangan adat masyarakat setempat dimasukkan bagi mengukuhkan pelaksanaannya.<sup>250</sup>

#### **4.3 Sistem Sara Hidup Masyarakat Kedah**

Kedah sejak abad ke 17 lagi merupakan salah satu negeri Melayu yang mengamalkan sistem sara hidup yang agak berbeza daripada negeri-negeri lain. Ini kerana Kedah lebih cenderung mengamalkan sistem sara hidup bersifat komersial sementara negeri-negeri Melayu yang lain masih lagi mengamalkan sistem bersifat separa tradisional.<sup>251</sup>

Gambaran mengenai sistem sara hidup masyarakat Kedah ini dapat dirujuk dalam UUKVKDKM dikhususkan kepada huraian yang berhubung dengan aktiviti-aktiviti

---

<sup>248</sup> Ali Mohammad (2009), *op.cit*, h. 10.

<sup>249</sup> Ibrahim Muhammad al-Jamal (1981), *op.cit.*, h.285.

<sup>251</sup> Mohd Isa Othman (2001), *Pengalaman Kedah dan Perlis: Zaman Penjajahan British*, Kuala Lumpur: Utusan Publications, h. 37.

pertanian, perdagangan, perniagaan, penyewaan, pajak gadai, mengambil upah, kutipan denda, pencarian karang-karang laut, serta peternakan.

#### **i) Pertanian**

Kegiatan pertanian amat sinonim serta penting bagi masyarakat Kedah. Ini kerana aktiviti pertanian di Kedah amat dipengaruhi oleh kepentingan sumber tanah yang menjadi faktor pengeluaran utama dalam kegiatan pertanian padi masyarakat Kedah. Kepentingan sumber tanah ini dapat dibuktikan dengan pemberian surat putus oleh raja kepada golongan rakyat yang bertani. Surat ini adalah merupakan bukti penting para penduduk yang memiliki tanah untuk dijayakan sebagai kawasan perhumaaan, persawahan dan perdusunan.<sup>252</sup> Sebutannya seperti berikut:

“Di dalam ini, jika tanah itu sudah ada surat putus kurnia raja akan dia tiadalah boleh orang lain mengerjakan lagi kerana tiap-tiap tanah yang belum rab baik itu tiada menjadi surat putus lagi dengan sebab sudah ada surat putus itu”. (UUKVKDKM:18/61/9-11).

Walaupun, hak memiliki tanah ini masih dikuasai sepenuhnya oleh golongan pemerintah seperti sultan, kerabat diraja, para pembesar negeri, daerah dan kampung.<sup>253</sup> Maklumatnya diperturunkan di bawah:

“Barang siapa daripada hamba Allah Taala yang dikarunia raja beri duduk buat kampong dan dusun dan bendang bolehlah masing-masing tebas terbang persucikan tanah-tanah itu duduk bertanam tanaman akan jadi makanannya, barang diusaha sucikan itu jadi milik ialah dengan segala tanam tanaman

---

<sup>252</sup> Mohd Kasturi Nor Abd Aziz (2010), Gambaran Kegiatan Ekonomi Kedah Menerusi Catatan Belanjawan Negeri Dalam Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid, kertas kerja dalam *Seminar Manuskrip Melayu Nusantara*, anjuran Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah dan Perbadanan Perpustakaan Kedah, pada 26-28 Jun 2010, h. 61.

<sup>253</sup> Rujuk juga Kedah Annual Record (1909), h.24.

dalamnya itu tiada boleh ia hendak milik akan tanah itu karena tanah itu tertentu tanah raja sehingga suci dengan tanaman dalamnya itulah miliknya tiada boleh yang lain mengambil dia ertinya jika habis binasa tanaman dalamnya dan habis binasa cucunya ertinya jadi hutan belukar lucutlah sudah daripadanya pulang tanah itu jadi milik raja.” (UUKVKDKM:18/55/12-19).

Berdasarkan UUKVKDKM, terdapat dua jenis kegiatan pertanian yang giat dijalankan di kalangan masyarakat Kedah iaitu penanaman padi serta aktiviti perdusunan.

**a) Penanaman padi secara tradisional**

Kegiatan pertanian berasaskan penanaman padi atau persawahan adalah merupakan kegiatan sara hidup utama bagi masyarakat Kedah. Selain sebagai makanan utama, ia juga dieksport ke negara luar bagi meningkatkan ekonomi negeri. Oleh yang demikian, sejak abad ke 17 lagi, Kedah sudah menjadi negeri jelapang padi serta pengeksport beras utama di rantau ini.<sup>254</sup> Terdapat dua jenis aktiviti persawahan yang dijalankan iaitu berhuma dan berbendang.

Kegiatan berhuma adalah aktiviti penanaman pokok padi di atas tanah berbukit. Tempoh penanamannya agak panjang iaitu selama tiga hingga empat tahun . Ini kerana tanah tersebut akan dibiarkan semak samun ditumbuhi pokok-pokok serta rumput-rumpai yang kemudiannya akan dibakar bagi menghasilkan baja. Maklumat mengenai kegiatan ini dapat dirujuk dalam UUKVKDKM. Sebutannya seperti diperturunkan dibawah:

---

<sup>254</sup> Wan Shamsudin Mohd Yusof (1992), Hukum Kanun Kedah: Kajian Dari Sudut Politik, Ekonomi, dan Sosio-Budaya, Kertas kerja dalam *Kursus Sejarah Negeri Kedah Untuk Pegawai-pegawai Tadbir Negeri Kedah*, 26,28 dan 29 Jan 1992., anjuran Muzium Negeri Kedah Darul Aman, h. 17.

“Adapun jika ada siapa-siapa hendak tebas terbang jadikan huma, hendak ditilik jangan kena bekas belukar orang kerana tiap-tiap orang buat tiga tahun juga ia mengambil faedah tanamannya.”(UUKVKDKM:21/73/4-6)

“Lepas daripada tiga tahun tawarlah abu yang menjadi bajanya, tiadalah baik naik segala tanamannya melainkan rumput juga banyak. Setengah-setengah tanah boleh digagah sampai empat tahun kemudian ditinggalkan humanya itu tiga tahun, hendak beri jadi belukar besar membanyakkan kayu hendak dibakar beri jadi banyak abu bajanya.” (UUKVKDKM:21/73/6-9)

Manakala kegiatan berbandang pula amat berbeza dengan kegiatan berhuma. Ini kerana tempoh masa untuk menuai hasilnya lebih pendek iaitu satu tahun dan di tanam di tanah yang tidak berbukit. Antara maklumat berbandang yang terakam dalam UUKVKDKM adalah mengenai pemagaran bendang, pengawalan kerbau lembu dalam padang ragut yang disediakan, penggunaan air bagi petani, alatan mengerjakan sawah serta kerbau dan lembu sebagai nadi atau pembantu utama dalam mengerjakan sawah.

Pemagaran bendang penting serta digalakkan bagi golongan petani di Kedah. Ini adalah untuk menjaga bendang daripada dimasuki kerbau lembu serta binatang buas yang akan merosakkan semai padi. Perincian saiz pagar juga disentuh dalam undang-undang ini. Maklumatnya diperturunkan di bawah:

“Apakala hampir periam bendang segala tanah yang biasa berpagar hendaklah masing-masing pergi tetak kayu pagar atas secukupnya dan segala yang berkerbau mahulah masing-masing bawa kerbaunya ke padang besar melainkan kerbau lembu atas hendak kerja bendang juga ditinggalkan dengan ditambat jangan masuk membinasakan semai orang yang di dalam pagar pada tempat yang berpagar. Jika kerbau siapa-siapa membelah pagar atau melompat pagar membinasakan semai orang kenalah berganti sampai atau berbayar harga akan tuan semai” (UUKVKDKM:19/64/2-7).

“Maka segala pagar itu sudah ada ditentukan besar kecil dan luasnya dan rimbatnya iaitu pagarnya setapak tiga batang dan pada sejemba/sejumba tiga

turusnya dan (sic....) pun tiga juga tangkainya hapus kepala ertinya seperunjung demikianlah diadatkan.” (UUKVKDKM:19/65/10-11).

Selain pagar, bekalan sumber air juga amat penting dalam mengerjakan sawah. Disebabkan itu, golongan pemerintah membina tali air atau tandop bertujuan untuk menyalirkan bekalan air ke kawasan penanaman padi di sekitar daerah.

“Dan lagi barang siapa empunya bendang sebanyak hendak dilalukan bandar air itu tiadalah boleh ditahan, tiada mau beri gali tanah bendangnya, tiadalah dipakai oleh penghulu mukim dan kweng tandil itu. Dan lagi jika bendang itu memugar tanah lanjutnya lebih daripada dua belas relung maulah muafakat perbuat tandop yakni batas besar menahani air yang turun menurun bandar air itu beri lekat air itu sebanyak luasnya tengah-tengah setempat dan dikakinya setempat. Pada hal buka dan katub bandar air itu kena atas empunya bendang tempat itu” (UUKVKDKM:19/66/3-8).

Maklumat mengenai peralalatan mengerjakan sawah turut disentuh seperti cangkul,<sup>255</sup> parang,<sup>256</sup> tajak,<sup>257</sup> golok,<sup>258</sup> beliung<sup>259</sup> dan ketam kayu<sup>260</sup>. Segala peralatan ini berfungsi bagi mengerjakan bendang, memugar tanah, mengorek parit dan menuai padi. Sebutannya seperti berikut:

---

<sup>255</sup> Sejenis alat untuk menggemburkan atau memecahkan tanah (matanya diperbuat daripada besi pipih dan diberi bertangkai. Rujuk: Kamus Pelajar Edisi Kedua.

<sup>256</sup> Sejenis alat yang digunakan untuk menebang kayu serta pokok-pokok renek. Matanya diperbuat daripada besi manakala hulu atau pemegangnya diperbuat daripada kayu.

<sup>257</sup> Sejenis alat yang bentuknya seakan-akan cangkul digunakan untuk membersihkan rumput dan mengerjakan tanah. Rujuk: Kamus Dewan Edisi Keempat

<sup>258</sup> Sejenis parang pendek yang matanya tirus ke hujung Rujuk: Kamus Pelajar Edisi Kedua. Ia juga dapat diertikan sebagai sejenis parang yang matanya diasah melengkung. Rujuk: Kamus Dewan Edisi Keempat

<sup>259</sup> Sejenis alat yang matanya lebih kecil daripada mata kapak dan melintang letaknya (umumnya digunakan untuk menorah atau menebang kayu). Rujuk: Kamus Pelajar Edisi Kedua.

<sup>260</sup> Sejenis alat untuk melicinkan kayu seperti papan dan lain-lain. Rujuk: Kamus Dewan Edisi Keempat. Namun begitu ketam kayu menurut UUKVKDKM adalah sejenis alat untuk menuai padi. yang turut dikenali kini sebagai renggam.

Jadual 4.14

SEBUTAN	ALATAN PERTANIAN
“dan jika ada orang yang sewa bendang mendapat sesuatu pendapatan cop cangkul golok parang atau barang sebagainya maulah dipulangkan pada tuan bendang tiada boleh diambilnya” (UUKVKDKM:24/84/7-8)	Cangkul, golok, parang
“sekaliannya dipadankan, maka segala perkakas daripada benda dan cop cangkul, parang, tajak atas tuan emas belaka....”(UUKVKDKM: 11/38/2-3).	Tajak
“Jika tuan emasnya berajak ia pergi buat huma, jika tuan emasnya mengadakan makan dengan segala pekakas bekerja daripada beliung dan golok, parang...”(UUKVKDKM:11/38/21-22)	Beliung
“Jika sudah ditanamnya sedikit-sedikit orang lain pula memenuhi tanam dan pebela dan ketam kayu ambil padi kenalah berbahagi tiga.” (UUKVKDKM:24/84/15-16)	Ketam kayu

Sumber : Manuskrip Undang – Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

#### b) Perdusunan

Masyarakat Kedah juga bergiat secara aktif dalam aktiviti perdusunan dengan tanaman buah-buahan tempatan seperti durian, cempedak, rambai, rambutan dan enyor pinang. Maklumatnya selanjutnya seperti contoh berikut:

“dusun mau ada tersebut dalam perjualan itu segala pohon kayu yang besar-besar seperti durian, cempedak, rambai, rambutan atau enyor pinang”. (25/88/9-10).

Walaupun penzahiran Islam tidak disebut secara tersurat dalam aktiviti pertanian di Kedah, namun tersirat disebaliknya unsur-unsur yang selaras dengan ajaran Islam yang mana melalui aktiviti ini wujudnya sikap tolong menolong, bergotong royong sesama masyarakat. Ini kerana dalam kebanyakan aktiviti persawahan seperti bersemai,

mengambil padi, memecahkan tanah dan sebagainya dilakukan secara beramai-ramai. Dengan itu, terhasillah kesepaduan antara Islam dan kebudayaan Melayu. Selain itu, dapat ditinjau peranan pemerintah yang adil yang sentiasa menjaga kemashalatan rakyatnya dengan mewujudkan kemudahan pertanian serta aturan-aturan bagi mengelak tercetusnya persengketaan. Disamping itu juga, dapat dilihat melalui hasil pertanian golongan fakir serta miskin dapat dibantu yakni melalui pemberian zakat tanaman.

## **ii) Perdagangan**

Sementelah Portugis menakluk Melaka pada tahun 1511M, pelabuhan Kedah mula mengambil alih peranan serta kemasyuran pelabuhan Melaka dengan menjadi sebuah pelabuhan entrepot yang penting di pinggir Selat Melaka. Oleh demikian, masyarakat Kedah khususnya golongan pemerintah juga giat menceburkan diri dalam kegiatan ini. Berdasarkan maklumat dipetik daripada UUKVKDKM, dagangan utama dari Kedah adalah seperti beras, lembu, gajah, timah, hasil hutan seperti damar batu, rotan, kayu untuk peralatan untuk membuat kapal atau perahu. Di samping itu juga didagangkan hasil laut seperti isi siput dan udang.<sup>261</sup> Pelabuhan Kedah juga bertindak memasarkan barangan utama dari negara-negara berdekatan seperti Aceh, Kalinga (Gujarat), Patani dan lain-lain. Antara barang dagangan dari luar seperti berjenis-jenis kain, garam, rempah ratus, ubat bedil, peluru, besi dan lain-lain.<sup>262</sup> Antara maklumat mengenai dagangan luar adalah :

---

<sup>261</sup> Maklumat lanjut sila rujuk UUKVKDKM fasal 17 iaitu fasal dagangan larangan raja.

<sup>262</sup> *Ibid.*

“jika tiang layar kapal ikut panjangnya panjang sedepa dua kupang dan undang-undang panjang sedepa sekupang cukainya, maka segala cukai atas perkara yang datang dari luar atas orang yang berjual.” (UUKVKDKM:17/52/19-20).

Berdasarkan UUKVKDKM, terdapat juga dagangan larangan untuk berjual beli oleh raja. Barang dagangan yang dilarang membeli secara terus dari luar negeri seperti afiyun, garam, tembakau, dan pasu. Pembeliannya yang dibenarkan adalah melalui wakil raja sahaja. Maklumatnya seperti berikut:

“pada zaman Marhum Kayangan menjadi delapan jenis tiada boleh membeli dan berjual pertama pada dagang yang dari luar negeri pertama afiyun (candu/madat), keduanya garam ketiganya tembakau keempatnya pasu, keempat jenis tiada boleh anak negeri membeli melainkan membeli pada wakil raja (sic) ....”(UUKVKDKM:17/52/2-4)

Selain itu, terdapat juga larangan berjual barang secara terus ke negeri luar kecuali dijualkan kepada wakil raja. Antara barang dagangan larangan tersebut adalah gajah, timah, lilin, dan gading. Penjelasannya seperti di bawah:

“(sic...) dagangan dalam negeri pertama timah kedua gajah ketiganya lilin keempatnya gading keempat jenis ini tiada boleh anak negeri berjual pada orang dagang melainkan dijual kepada wakil raja kedelapan jenis dagangan ini.” (UUKVKDKM:17/52/4-6)

“maka pada zaman Marhum Limbung Paduka Seri Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah mendatangkan hukum adat tiada boleh isi negeri berjual gajah jantan akan orang kapal atau akan orang luar negeri melainkan boleh berjual beli sama anak negeri” (UUKVKDKM:17/51/21-23)

Pungutan cukai dilakukan oleh para pegawai yang bertugas di kuala atau di pelabuhan dan cukai yang dikenakan adalah mengikut bentuk dan saiz kapal, jenis



muatannya dan negeri asal ia datang sama ada dari Aceh, Jawa, Patani, Melaka dan lain-lain.<sup>263</sup> Berikut diperturunkan maklumat mengenai negeri berdagang serta cukai yang dikenakan:

“jika perahu besar-besar yang mari dari Aceh dan Batu Bara, Riau, Selangor dan lain-lain pun syahbandar dengan panglima kuala mau juga kirakan dengan ikut sepatutnya atas besar kecil perahu itu” (UUKVKDKM:17/53/3-4).

Cukai ini dibayar melalui dua bentuk iaitu dengan bentuk matawang yang ditetapkan seperti sepaha<sup>264</sup>, seemas<sup>265</sup>, sekenderi<sup>266</sup> serta sekupang<sup>267</sup> dan dalam bentuk barangan seperti beras dan garam, mengikut sukatan yang ditetapkan. Merujuk UUKVKDKM, penetapan cukai yang dikenakan kepada orang luar serta isi negeri Kedah adalah berbeza. Bayaran yang dikenakan orang luar negeri adalah lebih tinggi. Pungutan cukai dilakukan bagi dijadikan perolehan negeri, bayaran upah atau gaji para pegawai serta untuk pembelian senjata seperti meriam dan peluru serta mendirikan bangsal atau untuk loji untuk menempatkan barang dagangan. Berikut merupakan maklumat mengenai cukai yang dikenakan serta tujuannya:

“pada dagangan yang lain diambil cukainya seperti kain-kain diambil pada suatu bendela sekayu ertinya pada enam kodi sekayu cukainya karena tiap-tiap bendela itu enam kodi, jika ada bendela yang lebih daripada enam kodi atau kurang dikira ambil pada enam kodi sekayu juga pada tiap-tiap jenis itu dan yang lain daripada itu ikut bicara syahbandar juga diambil hasil akan jadi belanja menteri pagawai.” (UUKVKDKM:17/52/ 7-11).

---

<sup>263</sup> Wan Shamsudin Mohd Yusof (1992), *op.cit.*, h. 15.

<sup>264</sup> Sama dengan sesuku. Rujuk Kamus Dewan Edisi Keempat

<sup>265</sup> Sejenis ukuran berat bagi menentukan berat emas. Rujuk *ibid.*

<sup>266</sup> Sejenis ukuran berat bagi menentukan berat emas. Ia bersamaan dengan satu mayam. Rujuk *ibid.*

<sup>267</sup> Matawang zaman dahulu yang nilainya berbeza-beza mengikut daerah. Rujuk *ibid.*

“Jika perahu Aceh bermuat lada dan pinang diambil cukai lada upah sepikul sekupang, jika wangkang suatu pun pun tiada kena cukai atasnya karena semuanya sekali sudah diambil perbuat wangkang itu seribu dua ratus emas melainkan barang dagangan yang dibeli dalam negeri juga kena cukainya, jika kerbau seekor dua kupang cukainya, jika jerenang sepikul seemas cukainya, jika rotan seratus gulung seemas cukainya, jika sendau sepikul dua kupang cukainya akan sendau itu.” (UUKVKDKM:17/52/11-15).

“jika dagangan dalam negeri kena atas orang membelinya akan kayu kerinci tiang wangkang sebatang seratus dua puluh emas harganya, jika dibeli diluar empat puluh emas cukainya belulang kerbau sepikul dua kenderi cukainya, jika (sic) sepikul dua kenderi juga cukainya dan teripang sepikul seemas cukainya dan sarang burung sekati seemas cukainya sarang ayam sekati sekenderi cukainya dan isi siput dan udang sepikul dua kupang cukainya damar batu sepikul sekupang cukainya.” (UUKVKDKM:17/52-53/20-3).

Maklumat tersebut menunjukkan akan betapa penting serta makmurnya aktiviti perdagangan di Kedah. Ini kerana ia merupakan antara pendapatan utama bagi mempertingkatkan ekonomi negeri. Selain itu, menunjukkan bahawa kepelbagaian barang dagangan khususnya hasil alam semulajadi seperti barang makanan (beras, isi siput, rempah ratus dan sebagainya), hasil hutan (rotan, sendau, damar batu dan lain-lain), dan ternakan (kerbau, lembu, gajah dan lain-lain). Fenomena ini menunjukkan hubungan masyarakat dengan alam semulajadi amat rapat.

### **iii) Perniagaan**

Kegiatan perniagaan juga merupakan salah satu aktiviti penting bagi menyara kehidupan masyarakat. Aktiviti yang dilakukan ini melibatkan konteks yang lebih kecil iaitu peniagaanya hanya rakyat biasa (bawahan) bertempat di kedai-kedai serta pekan-pekan kecil berbanding kegiatan perdagangan yang melibatkan hubungan dengan pedagang luar negeri yang bertempat di pelabuhan. Dalam UUKVKDKM, terdapat data yang

menunjukkan bahawa selain masyarakat Melayu, terdapat juga bangsa lain yang turut serta berniaga seperti orang China dan Kalinga. Selain itu kaum wanita serta hamba abdi juga turut dibenarkan berniaga dengan syarat beroleh keizinan daripada suami serta pemilik hamba tersebut. Maklumatnya:

“sekalian itu tiadalah kena diatas segala orang pekan daripada bangsa Kalinga atau China atau Melayu sekalipun barang yang masuk berkedai jual beli dalam pekan tiadalah kena kerja yang demikian atasnya kerana ia sekalian berkedai jual beli itu pun memberi kemudahan atas segala orang”. (UUKVKDKM: 32/111/13-16).

“Didalam ini jika perempuan atau abdi sahaja dibenarkan suaminya atau tuannya pada kerja berniaga selama-lama...”(UUKVKDKM:26/92/3-4)

Menyoroti kembali kandungan UUKVKDKM, kedapatan maklumat mengenai jenis perniagaan yang dicebur oleh masyarakat Kedah seperti perniagaan binatang peliharaan dan pengangkutan seperti kambing, lembu, gajah, kuda, kerbau untuk dijadikan tenaga kerja berbanding dan pengangkutan ataupun sumber makanan harian, beras, dusun berserta buah-buahan tempatan seperti rambai, enyor, durian, cempedak rambutan dan pinang. Datanya seperti di bawah:

“maka akan hokum keempat perkara ini tilik olehmu pada masailah seorang berjual seekor kambing maka dibeli oleh seorang dengan berhadapan saksi serta dibawak kepada orang berkerja negeri...”(UUKVKDKM:22/78/1-2)

“Barang perkara lagi yang menjadi riba, segala yang hendak berniaga, maulah berta’zim pada ulama, ambil sabdanya, suratkan taruh didalam hati karena seperti membeli benda yang tiada boleh diterima pada waktu ini dan benda yang tiada dilihat dengan mata, berkira akan harganya, itupun riba juga umpama seperti binatang daripada gajah, kuda, kerbau, lembu, kambing yang

tiada ditangkap serahkan itu disebut namanya sahaja..”(UUKVKDKM:26/91/7-10).

“Adapun perintah berjual kampung dusun mau ada tersebut dalam perjualan itu segala pohon kayu yang besar-besar seperti durian, cempedak, rambai, rambutan atau enyor pinang yang demikian itu barang bagainya.”(UUKVKDKM:25/88/9-11).

“Shahadan beras padi dalam Perlis itu jangan dilepas keluar kenegeri asing, hendaklah larangkan dengan sesungguhnya dari karena telah diketahui oleh segala manusia masyhur adanya padi dalam Perlis ini”(UUKVKDKM:30/98/20-21).

Kegiatan perniagaan juga dijalankan menggunakan dua kaedah pembayaran iaitu melalui matawang seperti seemas, sekenderi atau sekupang ataupun sistem barter atau tukaran barang yang sama nilai serta beratnya seperti beras, garam, kain dan lain-lain.

Maklumatnya:

“ jangan diperniagakan bertukar-tukarnya sama sa jenis tetapi harusperniagaan bertukar-tukaran yang sa jenis yang lain seperti bertukar garam dengan asam dan lada dengan pinang atau barang sebagainya. Jika kain sama kain pun boleh bertukar kerana iaitu perbuatan manusia, berlainan warna raginya dan besar keciknya, pada halus kasarnya. Jangan seperti beras sama beras atau padi sama padi atau padi dengan beras atau sesuatu makanan beras dengan padi atau barang sebagai..” (UUKVKDKM:26/93-94/20-1)

Selain terdapat maklumat mengenai jenis serta kaedah perniagaan yang dijalankan, dijelaskan juga tentang tatacara perniagaan menurut syarak bagi menjaga masyarakat supaya tidak terjerumus dalam perkara-perkara tegahan agama. Tatacara tersebut adalah seperti larangan riba serta kepentingan solat jumaat melebihi perniagaan. Sebutannya seperti dibawah:

“Adapun berniaga beli jual mengambil faedah kelabaannya itu dibenarkan Allah Taala melainkan mengambil riba dan memberi riba juga ditegahkan seperti tersebut didalam Quranula’zim واحل الله البيع وحرم الربا ertinya dihalalkan Allah perniagaan dan haramkan riba.” (UUKVKDKM:26/89/9-12)

“tiadalah kena kerja yang demikian atasnya kerana ia sekalian berkedai jual beli itu pun memberi kemudahan atas segala orang daripada orang besar-besar sampai kerakyat isi negeri pun menjadi kemudahan belaka melainkan kerja sembahyang dalam pekan masing lorong kena atas segala orang berkedai dan kena kerah sembahyang jumaat ke masjid..” (UUKVKDKM:32/111-112/15-18)

#### **iv) Penyewaan, Pajakan serta Gadaian**

Gambaran mengenai aktiviti penyewaan dan pajakan di Kedah turut dinyatakan dalam UUKVKDKM yang mana melibatkan penyewaan sawah-sawah padi, dusun buah-buahan, binatang-binatang ternakan seperti gajah untuk tujuan pengangkutan dan kerbau lembu untuk mengerjakan bendang. Selain itu dinyatakan juga mengenai sewa perahu kecil dan sampan untuk tujuan pengangkutan dan sewa senjata seperti meriam serta lembing bertujuan pertahanan diri dan negara. Sebutan selanjutnya seperti diperturunkan dibawah:

“Jika disewanya bendang dikerjanya tahun itu dengan kehendak Allah Taala tiada jadi bendang musim itu sebab kekurangan hujan, orang sebanyakpun tiada jadi juga” (UUKVKDKM:24/83/15-17)

“Bermula jika yang memegang gadai itu memberi sewakan orang lain tanah bendang itu atau diberi pajak akan orang dusun atau kampung sebanyak pajak dan sewa itu peroleh tuan yang empunya juga tiada boleh yang memegang gadai ambil karena bukan miliknya tiada boleh dipermilikkan (UUKVKDKM: 23/80/8-10)

“Bab yang keempat belas pada menyatakan perintah sewa binatang-binatang, jika disewa hendak bermuat dan naik, jika mati gajah itu ditilik kepada perintahnya jika matinya itu tiada dengan perbuatan dan alpa orang yang sewa dia tiadalah kena harganya...” (UUKVKDKM:14/42/4-6)

“Demikian lagi kerbau lembu pun, jika mati di dalam kerja tiada kena atas orang yang menyewa dia..” (UUKVKDKM:14/42/11-12)

“adapun jika hendak menyewa perahu besar atau perahu kecil atau sampan-sampan hendaklah diperjanjikan dahulu menurut ijab qabul keduanya jangan berselisih iaitu menjadi kesusahan dan kerugian atas keduanya karena banyak perkara yang memberi kesusahan dalamnya fikirkan baik-baik kerana diadatkan dalam negeri” (UUKVKDKM:30/112/12-15)

“jika disewanya meriam lela rentaka senapang hendak bawak keteluk barat jika pecah senjata itu dibawak bangkainya pulangkan pada tuannya yang empumannya senjata tiadalah kena harga atasnya”(UUKVKDKM:34/114/2-4)

“jika keris lembing pun demikian juga tiada lain lagi sekadar jika ada disabitkan disewa lembing keris itu hendak menikam siapa-siapa sebarang kerosakan senjata itu tiada kena harga dan sewa atasnya dengan sebab ain jahat ia menyertai dengan orang jahat” (UUKVKDKM:34/114/10-12)

Maklumat tersebut menjelaskan bahawa kepelbagaian barang yang boleh disewakan dan dipajak selain bendang atau dusun. Aktiviti yang dijalankan ini adalah berdasarkan ajaran Islam kerana unsur-unsur kesamarataan serta riba amat dititikberatkan.

**v) Mengambil upah**

Kegiatan mengambil upah juga merupakan salah satu aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat Kedah. Maklumat mengenai kegiatan ini tergambar dalam UUKVKDKM yang mana menunjukkan golongan masyarakat mengambil upah melakukan kerja-kerja berbandang atau berdusun seperti menyisir tanah, memanjat pokok buahan, menebang kayu, memelihara gajah dan sebagainya. Datanya:

“menyatakan perintah upah orang, jika diupah orang (sic) atau menyisir tanah, mati ditanduk kerbau atau sebarangnya tiadalah *taqsir* atas yang mengupah dia melainkan pengupahnya ikut sebanyak sudah dikerjanya itu dengan belanja mayatnya mau dibayar kepada warisnya (UUKVKDKM: 15/43/6-9)

“jika diupah suruh naik kayu atau menebang kayu, jika kerja yang ringan sekalipun-menurut qiyas itu juga..” (UUKVKDKM: 15/43/6-9)

“menyatakan perintah perjanjian orang mengambil upah membela gajah kepala biasa diperbuat surat janji dua pucuk diberi seorang suatu iaitu orang kapal/kepala dengan orang yang mengambil upah” (UUKVKDKM: 38/115/23-1)

Merujuk maklumat di atas menyatakan bahawa kemashalatan serta keselamatan rakyat Kedah sentiasa diutamakan oleh pemerintah yang adil. Hal ini kerana wujudnya surat perjanjian atau aku janji antara pengupah dan yang diupah bagi menjaga hak masing-masing supaya tidak dimungkiri seterusnya persengketaan dapat dielakkan.

#### vi) Hasil Denda-Baitulmal

Perbincangan mengenai denda dalam UUKVKDKM amat banyak. Boleh dikatakan setiap bab menyentuh mengenai kegiatan ini. Namun begitu, denda yang kerap diutarakan adalah dalam hal ehwal jenayah seperti mencuri, mencederakan orang, berkelahi, melanggar adat diraja dan sebagainya. Denda yang dikenakan antara rakyat biasa dan pemerintah adalah berbeza iaitu dengan kadar dua kali ganda daripada rakyat biasa. Maklumatnya seperti contoh di bawah:

“jika ada tampak fadhilat kejahatan dan aniaya mereka itu atas segala rakyat isi negeri atau tiada mengerjakan kerja yang bertanggung atasnya atau meringankan dia maulah disegerakan oleh raja halusi perkenan datangkan hokum atasnya dua kali ganda daripada hokum yang diadatkan atas rakyat-rakyat itu serta digantikan dengan yang lain pegang kerja itu dan lagi maulah raja itu menjalani turut aturan adatnya.” (UUKVKDKM:1/8/5-8)

Selain itu, denda yang dikenakan juga dalam dua keadaan iaitu dengan bayaran wang atau benda serta perkhidmatan seperti mengorek parit dan mengangkat tanah. Data contohnya seperti berikut:

Jadual 4.15

SEBUTAN	BENTUK DENDA
“tiadakah kamu dengar dan hal kamu lihat kita hukumkan atas segala rakyat pada segala mukim barang siapa yang tiada datang ke masjid kita suruh takzir atasnya disuruh bubuh belangku/belangkawa (sic) dan rantai disuruh ia bergali parit kota negeri dan disuruh mengangkat tanah	Perkhidmatan seperti mengorek parit serta mengangkat tanah tambak medan.



<p>tambak medan negeri.” (UUKVKDKM:30/102/6-8)</p> <p>“demikian itu jika wakil kita segala pegawai masjid yang telah sudah kita berani suruh ia kerah segala rakyat -9- berajak buat ibadat, barang yang bantahan kita suruh hukumkan dengan keadaan jemur dan denda itu, jika tiada dikerjakannya itupun ada kita hadirkan taruh hukumnya dengan rantai belangku/belangkawa dan cop cangkul disuruh mengorek parit satu jumaat lamanya.” (UUKVKDKM:30/102/9-12)</p>	
<p>“Bermula jika orang mencuri kerbau lembu yang didalam kandang didenda atasnya setahil sepaha serta dengan harga kerbau lembu itu, jika dicuri kambing yang dibawah rumah didenda atasnya sepuluh emas serta dengan harga kambing itu, jika dicuri ayam itik dibawah rumah didenda atasnya lima emas serta dengan ayam itik itu, jika dicuri kerbau atau kambing di luar kampong dan kandang kena denda atasnya dengan harga kerbau ganda ertinya harga kerbau atau harga kambing atau harga ayam itik sebanyak harga itulah dendanya. (UUKVKDKM:8/33/10-14)</p>	<p>Bayaran wang seperti setahil sepaha, sepuluh emas, lima emas, dan sebagainya.</p>

Sumber : Manuskrip Undang – Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

Kutipan hasil denda berbentuk wang adalah salah satu metod penjanaan ekonomi bagi negeri Kedah. Hasilnya digunakan untuk membayar upah para pegawai, pembelian senjata, mendirikan pusat-pusat rakyat seperti pusat pentadbiran, masjid dan sebagainya. Selain wang disalur untuk perkara-perkara tersebut ia juga diberikan kepada baitulmal untuk diberi kepada rakyat yang memerlukan. Maklumatnya seperti contoh berikut:

“adat jika seseorang melanggar kampung orang, jika sampai keatas rumahnya, maka dibunuh tuan rumah akan dia, tiada taksir atasnya karena jika tuan rumah itu mengadu kepada hakim pun harus didenda atasnya turut dosa mati, denda itu jadi baitulmal...” (UUKVKDKM:5/23/12-14)

“Jika sengaja ia bakar hendak binasakan padi hamba Allah, jika terbakar -14- banyak atau sedikitpun kenalah hukum yang berat diatasnya, dibunuh orang itu serta dirampas barang yang keadaannya -15- dibahagikan pada tuan padi yang terbakar itu. Jika ada lebih daripada itu jadi baitulmal...” (UUKVKDKM:19/69/14-16)

“demikianlah mau jadi orang itu, maka akan diyat dibahagi tiga, yang dua bahagi perolehan warisnya yang mati itu yang sebahagi itu jadi baitulmal akan menjadi belanja negeri...(UUKVKDKM:5/22/17-18)

Merujuk analisis yang dikemukakan, menunjukkan denda yang ditetapkan adalah amat berpatutan serta adil di mana denda yang dikenakan kepada rakyat lebih ringan dan sedikit berbanding hukuman yang dikenakan kepada pemerintah. Ini berbeza dengan hukuman di zaman Hindu Buddha di mana lebih menguntungkan golongan kelas atasan. Selain itu, hukuman yang berat dikenakan atas kesalahan jenayah seperti mencuri, membunuh, melarikan tunang orang dan sebagainya bertujuan menjaga keselamatan serta kemakmuran masyarakat. Dalam analisis juga disebut peranan penting baitulmal dalam menyimpan serta mengagihkan dana kepada negeri.

## **vii) Zakat**

Setelah meneliti UUKVKDKM, terakam maklumat mengenai pembayaran zakat yang diwajibkan bagi rakyat Kedah. Ini kerana kebanyakan golongan masyarakat terlibat dalam aktiviti persawahan dan peternakan. Pembayaran zakat ini bertujuan membantu golongan yang miskin. Sebutannya seperti berikut:

“maka hendaklah suruhkan sembahyang lima waktu dan sembahyang jumaat dan keluarkan zakat dan fitrah dan suruh puasa pada bulan ramadhan...”  
(UUKVKDKM:30/99/8-9)

“Bahawakan segala zakat fitrah itu apakala sudah habis terhimpun hendaklah pegawai bahagikan pada segala fakir miskin menurut hukum Allah Taala beri masing-masing bahagian jangan khilaf dalam kerja itu menanggung taksir besar.... ( UUKVKDKM:30/102/17-19)

Zakat yang dikenakan adalah melalui dua bentuk iaitu zakat padi dan zakat ternakan. Contoh sebutannya:

“dan memberi fitrah sekaliannya suruh hantar kemasjid dan apakala selesai kerja bendang sudah ambillah padi suruh keluarkan zakatnya hantar kemasjid serahkan pada pegawai masjid, hendaklah pegawai masjid buat tempat terima ambil taruh beras padi itu jangan beri rosak binasa,(UUKVKDKM: 30/101/4-6)

“Bermula orang yang menaruh kerbau kawan atau lembu maulah keluarkan zakatnya pada tiap-tiap tahun iaitu pada empat puluh ekor seekor, siapa yang dikurnia raja membenarkan memungut kerbau lembu zakat itu maulah diserahkan beri kerja agama jangan dipergendalakan...”(UUKVKDKM:38/128/5-7)

Pembayaran zakat yang diwajibkan ini adalah selari dengan syariat Islam untuk menjamin kesejahteraan rakyat Kedah disamping mewujudkan sifat kesamarataan serta tolong menolong antara satu sama lain.

#### **viii) Penangkapan ikan**

Kegiatan penangkapan ikan air tawar atau darat secara tradisional merupakan warisan yang telah dipraktikkan oleh masyarakat Kedah sejak zaman dahulu hinggalah ke hari ini. Selain menjadi sumber rezeki bagi memenuhi kelengkapan harian, ia juga berperanan sebagai pengisi masa senggang golongan masyarakat. Aktiviti ini dilakukan di kawasan-kawasan berair yang strategik seperti saluran-saluran air yang dialir masuk atau keluar dari sungai ke bendang atau sebaliknya yang juga dipanggil alor, gelung air, parit taliair, dan sebagainya.

Sebutan secara jelas mengenai kegiatan ini tidak ditemui dalam UUKVKDKM, namun ia dapat diketahui melalui alatan penangkapan ikan yang digunakan seperti jermai, lela, belat, jala dan pukot. Maklumatnya:

Jadual 4.16

SEBUTAN	ALATAN PENANGKAPAN IKAN
“Jika ada siapa-siapa berbuat jermai dan lela ia berhenti dengan suatu uzurnya orang lain pula mendirikan jermai dan lela ditempat ia, maka ia mendirikan lela dan jermai dihadapan jermai itu tiadalah ada taksir atasnya....” (UUKVKDKM:	Jermai dan lela

39/128/19-22).	
tiadalah boleh orang lain menjala dan memukat di dalam olak buai belat itu kerana ikan didalam olak itu dihukumkan ikan belatnya boleh yang empunya belat merampas jala dan pukat atau mengadu pada orang bekerja didapat hukum taksir atasnya..(39/129)	Pukat, <sup>268</sup> jala <sup>269</sup> dan belat <sup>270</sup>

Sumber : Manuskrip Undang – Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

#### ix) Peternakan

Para petani tempatan juga turut melibatkan diri dalam aktiviti peternakan. Kegiatan ini berkaitan dengan binatang ternakan seperti kerbau, lembu, kambing, kuda, ayam, itik serta gajah. Binatang-binatang ternakan seperti kerbau dan lembu amat diperlukan dalam kegiatan berbandang. Selain itu juga, ianya dijual ataupun dijadikan sumber makanan masyarakat sama seperti ayam serta itik. Manakala peternakan kuda dan gajah pula bertujuan untuk perdagangan dan pengangkutan diraja serta rakyat jelata. Gambarannya seperti berikut:

Jadual 4.17

SEBUTAN	TUJUAN PETERNAKAN
Bermula jika dipinjam kerbau lembu orang pada kerja menarik kayu atau pada kerja bendang, jika mati kerbau lembu itu kenalah bayar setengah harganya iaitu sebahagi, (13/41/21-22)	Kerja-kerja persawahan

Sumber : Manuskrip Undang – Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

<sup>268</sup> Sejenis jaring besar dan panjang untuk menangkap ikan. Biasanya digunakan di laut atau sungai. Rujuk :Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka ,Ed 4, h. 1243.

<sup>269</sup> Sejenis alat berbentuk jaring yang digunakan untuk menangkap ikan. Rujuk: *ibid.*, h.599.

<sup>270</sup> Belat selalunya digunakan bersama bubu. Kedua-duanya ditahan di parit, anak sungai serta alor. Buluh-buluh dibelah halus dan dijalin seterusnya dipacak merentangi tempat belatan bagi menyekat arus aliran air. Secara tidak langsung ia akan menyekat pergerakan ikan yang lalu bagi memerangkap mereka di dalam bubu yang dipasang di mulut belat. Bubu pula adalah sejenis alat yang berbentuk bulat diperbuat daripada rotan dan buluh. Diperbuatkannya pintu masuk ikan berbentuk kon serta besar. Ini bertujuan untuk membenarkan ikan mudah masuk tetapi menghalang mereka dari keluar. Satu pintu lagi yang boleh ditutup serta dibuka disediakan di bahagian belakang bagi mengeluarkan ikan yang terperangkap. Rujuk: [www.memorikedah.com.my](http://www.memorikedah.com.my)

Berdasarkan analisis di atas menggambarkan betapa pentingnya binatang ternakan dalam kehidupan masyarakat Kedah khususnya dalam menggerakkan aktiviti pertanian yang menjadi punca pendapatan utama mereka. Seperti juga tanaman padi, ternakan binatang juga turut menyumbang bagi membantu golongan yang fakir dan miskin yakni melalui zakat ternakan.

Analisis-analisis di atas menggambarkan bahawa rakyat Kedah khususnya golongan di wilayah pedalaman lebih gemar menyara hidup berkait rapat dengan sumber alam semulajadi seperti aktiviti pertanian, peternakan dan penangkapan ikan. Ini kerana aktiviti ini penting sebagai makanan harian. Manakala masyarakat bandar pula lebih moden yang mana cenderung untuk berniaga dan berdagang.

#### **4.5 Perumahan dan Kota Kedah**

Setelah menelaah UUKVKDKM, kedapatan beberapa data berkaitan pembangunan bandar di Kedah yang selanjutnya membawa kepada pembinaan kota, parit, masjid, tambak, serta rumah. Sebagaimana diketahui, bandar merupakan pusat bagi segala aktiviti masyarakat yang mana terletaklah pusat pentadbiran kerajaan dan pekan-pekan untuk tujuan mendapatkan sumber rezeki. Ia berperanan besar dalam tamadun Islam seperti kenyataan berbunyi “kesan dan pengaruh bandar serta perbandaran terhadap umat Islam amatlah besar sama ada dari segi sosial, ekonomi mahupun politik.”<sup>271</sup> Kewujudan bandar serta perkembangannya ini membuktikan kemajuan dan kemakmuran masyarakat di bawah

---

<sup>271</sup> Tatiana Denisova (2011), *op.cit*, h. 401.

pemerintahan yang baik dan adil. Maklumat selanjutnya dapat diteliti dalam beberapa petikan contoh di bawah:

Jadual 4.18

SEBUTAN	SUBJEK
“kita hukumkan atas segala rakyat pada segala mukim barang siapa yang tiada datang kemasjid kita suruh takzir atasnya disuruh bubuh belangku/belangkawa dan rantai disuruh ia bergali parit kota negeri dan disuruh mengangkat tanah tambak medan negeri” (UUKVKDKM:30/102/6-8)	Parit, kota, tambak
“adapun yang kena hasil atas rakyat pertama bunga emas pada tiga tahun sekali pada sebuah rumah yang berpintu papan dinding berapit seemas” (UUKVKDKM:27/94/10-12)	rumah serta bahan binaannya iaitu papan
“maka seperti sayap lelayang dan sulur lembayung boleh dibubuh kepada masjid dan balai yang ditengah jalan dan jamban yang di sungai kehendaknya tatkala raja lalu pada suatu-suatu ketika kalau tersinggah padanya”.(UUKVKDKM:1/8/21-23)	Masjid serta bahan binaan seperti sayap lelayang dan sulur lembayung

Sumber : Manuskrip Undang – Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

Dalam teks ini juga terdapat banyak maklumat mengenai peranan masjid pada abad 16-17 M di Kedah sebagai tempat menunaikan solat, menjalankan hukuman berkaitan agama seperti mencuri, pengurusan hal ehwal zakat serta membaca khutbah sebagai nasihat kepada sekalian rakyat jelata. Segala maklumat berikutnya seperti beberapa contoh di bawah:

Jadual 4.19

SEBUTAN	PERANAN MASJID
jika tiada mau berseru, dipalu akan dia, disuruh seru juga, -18-kemudian dibawak kebalai masjid, dibalun akan dia dua puluh kali, kemudian disuruh ia bertaubat dan bersumpah dihadapan -19- tiada diperbuat lagi, dilepaskan.(8/33/18-19)	tempat menjalankan hukuman
kweng tandil pukul canang nyatakan pada segala rakyat isi negeri mukim itu sekaliannya sembahyang lima waktu -2- pada hari jumaat berhimpun sekaliannya kemasjid sembahyang jumaat (30/101/2-3)	tempat menunaikan solat
dan pada bulan ramadhan suruh sekaliannya puasa -3- dan memberi fitrah sekaliannya suruh hantar kemasjid dan apakala selesai kerja bendang sudah ambillah padi -4- suruh keluarkan zakatnya hantar kemasjid serahkan pada pegawai masjid (30/101/3-5)	tempat pengurusan hal ehwal zakat
Shahadan ini istimi' masjid pada tiap-tiap mukim, demikian bunyinya: bismillahirrahmanirrahim.....(30/100/18)	tempat membaca khutbah/nasihat kepada sekalian rakyat.

Sumber : Manuskrip Undang – Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh

Berdasarkan analisis tersebut menunjukkan bahawa penyebaran Islam di alam Melayu khususnya Kedah telah mendatangkan ketamadunan dan kemodenan. Ini kerana salah satu ciri penyebaran Islam dan kesannya adalah perkembangan bandar sebagai suatu pusat kerajaan dan kehidupan yang lebih maju dan makmur. Selain itu, jika disorot kembali sejarah Islam zaman Rasulullah, dilihat penyebaran Islam berlaku dengan pesat di kawasan bandar seperti Kota Madinah dan Mekah. Disamping itu juga, dapat ditelesuri peranan masjid yang menjadi pusat ketamadunan Islam dimana pelbagai aktiviti kemasyarakatan serta keagamaan dijalankan.



#### **4.7 Kesimpulan**

Semua dapatan kajian, rumusan dan kesimpulan yang dikemukakan di atas membuktikan sekaligus menegaskan bahawa korpus persuratan Melayu Islam merupakan sumber sejarah yang amat penting, relevan malahan amat berguna dalam mencarigali serta memahami kehidupan masyarakat Melayu lampau. Teks-teks lama yang berstatus ekslopedia Melayu ini juga meyimpan kepelbagaian ilmu yang menarik untuk dipelajari. Merujuk UUKVKDKM, didapati banyak unsur-unsur etnografi yang dikemukakan tidak menunjukkan ciri-ciri Islam sepenuhnya, namun begitu ia bukannya satu yang bercanggah ataupun larangan serta tegahan. Hal ini pastinya membuktikan keterbukaan serta toleransi Islam dalam menerima, menyerap serta memodifikasikan adat Melayu. Selain itu, menunjukkan kepentingan dan peranan pemerintah yang adil dan ihsan dalam mencapai kemakmuran negeri.

## **BAB KELIMA: KESIMPULAN**

### **5.0 Pendahuluan**

Dalam bab terakhir ini pengkaji akan menyimpulkan serta merumuskan segala perbincangan yang dibentangkan dalam keempat-empat bab sebelum ini. Di samping akan melampirkan cadangan serta saranan kepada pihak berwajib.

### **5.1 Kesimpulan**

Mengkaji korpus sastera undang-undang bukan hanya meneliti teks undang-undang yang dianggap sebagai khazanah warisan Melayu lama, tetapi juga sebagai testimoni dan buku laporan bagi mengkaji sejauhmanakah pemikiran masyarakat Melayu yang menghasilkan teks tersebut.

Dengan melihat UUKVKDKM sebagai teks kajian menarik yang memperlihatkan Kedah pada zaman kegemilangannya telah berjaya mengatur undang-undang yang bersifat islamik, komprehensif, sistematik serta menyeluruh membincangkan isu-isu berkaitan rakyat tempatan. Selain itu, menggambarkan kepada kita unsur-unsur etnografi serta tatacara hidup serta kebudayaan masyarakat Kedah lampau. Antara lain dapat kita ikuti bagaimana hieraki masyarakat di masa tersebut (abad ke 17) serta kelebihan-kelebihan

yang dikurniakan kepada golongan raja atau para pegawai yang membezakan mereka dengan golongan rakyat.<sup>272</sup>

Sebagaimana korpus undang-undang yang lain juga, UUKVKDKM juga memaparkan maklumat mengenai adat istiadat Melayu tradisi yang meliputi adat istiadat di raja seperti adat istiadat pertabalan, adat istiadat kemangkatan, adat berpakaian diraja dan sebagainya di samping gambaran adat golongan kebanyakan seperti adat resam perkahwinan dan persawahan.<sup>273</sup> Disamping itu juga dapat diteliti gaya penulisan atau gaya bahasa yang digunakan pada zaman tersebut. Merujuk UUKVKDKM, gaya serta teknik penulisan yang dilakukan amat menarik. Ini kerana huraian serta cakupan perbahasannya memaparkan realiti sebenar masyarakat tempatan di samping setiap huraian disertakan analogi bagi pemahaman sesuatu konsep yang dinyatakan. Ini dapat dirujuk dalam fasal keempat yang menjelaskan perbezaan hokum adat, *aqal* dan *naqal*.<sup>274</sup>

UUKVKDKM juga menunjukkan betapa akrab serta luasnya pengaruh serta perhubungan diplomatik Kedah dengan negeri-negeri lain di Nusantara, meliputi kuasa-kuasa Barat seperti Inggeris dan Belanda yang ketika itu masih menduduki Pulau Jawa, Melaka dan beberapa buah pelabuhan di India. Antara lain dapat juga dilihat persepsi masyarakat Kedah terhadap setiap kerajaan luar menerusi adat menyambut surat menyurat dari luar negeri. UUKVKDKM juga dengan jelas menggambarkan betapa sistematik serta cekapnya para pegawai yang dilantik khas dalam urusan pengendalian pelabuhan bagi memastikan aktiviti perdagangan berjalan lancar dan maju.

---

<sup>272</sup> Bagi melihat contoh sila rujuk UUKVKDKM fasal syarat orang yang menjadi raja, syarat orang yang menjadi menteri dan fasal alat pegangan menteri.

<sup>273</sup> Bagi melihat contoh sila rujuk UUKVKDKM fasal

<sup>274</sup> Rujuk selanjutnya dalam UUKVKDKM 4/18/6-23, 19/1-21, 22/77/8-23, 78/1-23, 79/1-4.

Selain itu, Undang-Undang Kedah menunjukkan beberapa unsur pratamadun yang tidak bercanggah dengan Islam khususnya dalam hal ehwal adat istiadat diraja. Ini sekaligus menunjukkan bahawa terdapat asimilasi budaya serta agama dalam masyarakat. Akhir sekali, kajian ini meyakinkan bahawa betapa pentingnya mengkaji teks Hukum Kanun Melayu. Dengan mengkajinya dapat meneguhkan lagi tanggapan bahawa masyarakat Melayu lampau sudah berkemampuan menghasilkan kod undang-undang sendiri yang digubal hasil penaakulan ajaran Islam yang disulami dengan adat Melayu. Selain itu dapat membuktikan bahawa wujudnya keterbukaan dalam Islam yang hanya mengislamisasikan budaya warisan masyarakat selagi selaras kehendak syarak.

## **5.2 Saranan/ Cadangan**

Sememangnya mengkaji manuskrip Undang-Undang Kedah khususnya Manuskrip Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh adalah sesuatu yang menarik dan menyeronokkan. Ini kerana kajian mengenainya amatlah kurang dilakukan sehinggakan setakat ini dilihat hanya beberapa kajian khusus mengenainya dilakukan yang dipelopori oleh Prof. Datin Dr. Mahani Musa, Prof. Khoo Kay Jin dari Universiti Sains Malaysia serta Saudara Alawiyah Jusoh dari Universiti Malaya. Disebabkan itu penulis amat berharap serta mengalu-ngalukan pengkaji seterusnya meneruskan kajian mengenainya yang masih banyak boleh diterokai. Berdasarkan kajian ini penulis melihat antara sisi yang boleh diketengah untuk dikaji adalah:

- a) Aspek persamaan dan perbezaan antara undang-undang versi ini dengan Undang-Undang Kedah SOAS MS 40329, Rafless 77, Bat Gen 25, Von De Wall 57 serta Mal Pol 39. Setakat ini penulis hanya mengenengahkan secara perbandingan ringkas antara undang-undang Kedah versi ini dengan undang-undang Kedah versi Winsteds yang terdapat di SOAS, London. Seterusnya pengkaji juga boleh menyentuh perbandingan dengan manuskrip undang-undang lain seperti Hukum Kanun Pahang, Undang-Undang Inderagiri serta khususnya Hukum Kanun Melayu. Sudah pastinya akan terlihat kesinambungan di antara korpus undang-undang ini.
- b) Selain itu kajian mengenai gaya bahasa serta tulisannya boleh disentuh. Ini kerana penulis melihat melalui tulisannya dapat dikorek mengenai perkembangan penulisan undang-undang ini.
- c) Transliterasi lengkap mengenai teks serta diterbitkan untuk kegunaan pengkaji seterusnya. Untuk kajian ini penulis hanya mampu menyumbang dalam melakukan transliterasi teks walaupun tidaklah secara lengkap kerana masih terdapat perkataan-perkataan asing yang tidak dapat difahami serta dirungkaikan.
- d) Inventori manuskrip undang-undang Kedah yang lebih lengkap. Penulis hanya termampu melakukan inventori ringkas sebagai pembuka kajian bagi pengkaji seterusnya.

### **5.3 Penutup**

Semoga disertasi yang dihasilkan ini sedikit sebanyak dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat khususnya golongan pelajar. Selain itu juga diharap kajian ini dapat membantu pengkaji lain yang berminat untuk terus menyumbang bagi menghidupkan kajian manuskrip Melayu khususnya manuskrip undang-undang . Semoga kajian ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat umumnya di bumi Malaysia ini.

Apa pun segala yang baik itu datangnya dari Allah dan segala yang keburukan serta kekurangan itu datangnya dari kelemahan diri penulis sendiri walaupun pada hakikatnya kedua-duanya milik Ilahi jua. Semoga manuskrip terus hidup dan kekal sebagai aset bernilai bagi bangsa Melayu.

## **BIBLIOGRAFI**

### **RUJUKAN KAMUS**

Dr. Teuku Iskandar (2005), *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hajah Noresah binti Baharom (2007), *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haji Zainal Abidin bin Safarwan (1995), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Harimurti Kridalaksana (1993), *Kamus Linguistik*, Jakarta: Penerbit PT Gramedia.

*Kamus Pelajar* (2006), Edisi Kedua, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **RUJUKAN BUKU BERBAHASA MELAYU**

\_\_\_\_\_ (t.t), *Kedah di Zaman Silam*, Alor Setar: (t.p)

A. Samad Ahmad (1986), *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Muin Salim (1994), *Fiqhi Sijarah: Konsep Kekuasaan Politik dalam al-Quran*, Jakarta: Lembaga Studi Islam dan Kemasyarakatan.

Abdullah Sidek (1975), *Pengantar Undang-Undang Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn.Bhd.

Abu Hassan Sham & Mariyam Salim (1995), *Sastera Undang-Undang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Abu Hassan Sham (1997), *Langkah-langkah Memasyarakatkan Manuskrip Melayu*, Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia.
- Abu Hassan Sham, Mariyam Salim (1995), *Sastera Undang-Undang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Hassan Sham, Mariyam Salim (1995), *Sastera Undang-Undang*, Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akbar S Ahmed (1996), *Ke Arah Antropologi Islam: Definisi, Dogma dan Tujuan*, Petaling Jaya: The International Institute Of Islamic Thought.
- Al-Attas, Syed Muhd Naquib (1972), *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alishahbana, S.T (1971), *Puisi Melayu Lama* , Petaling Jaya, Zaman Baru LTD
- Alor Setar 250 Tahun (1735-1985)* (1990), Alor Setar: Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.
- Amri Marzali (2007), *Metode Etnografi Spradley* , Yogyakarta: Penerbit Tiara Wacana.
- Asmah Omar (1991), *Bahasa Melayu abad Keenam Belas*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar (1991), *Bahasa Melayu abad Keenam Belas*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz Deraman (2001), *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia : Suatu Analisis Perkembangan Kebudayaan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Burhan Bungin (2008), *Penelitian Kualitatif*, Kencana: Jakarta.
- Buyong Adil (1980), *Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chambert-Loir, H. dan Oman Fathurahman (1999), *Panduan Koleksi Naskah-Naskah Indonesia Sedunia: World Guide to Indonesian Manuscript Collections*, Jakarta: Ecole Rfancaise d-Extreme-Orient & Yayasan Obor Indonesia.



Dzul Haimi Haji Md Zain (2006), *Warisan Peradaban dan Budaya Melayu*, Kuala Lumpur : Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.

Edi S, Ekadjati, Asep Yusuf, H. Mamat et.al (2000), *Direktori Edisi Naskhah Nusantara: Antologi Sastra Daerah Indonesia*, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.

Edwar Djamaris , et.al (1981), *Naskah Undang-Undang dalam Sastra Indonesia Lama*, Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.

*Ensiklopedia Malaysiana* (1995), Selangor : Anzagain Sdn. Bhd.

Haji Abdullah Ishak (1992), *Islam di Nusantara (khususnya di Tanah Melayu)*, Selangor : Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

Hashim Musa (2006), *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi* , Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibrahim Ismail (1987), *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, Jitra: Jawatankuasa Penerbitan Universiti Utara Malaysia.

Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan : Suatu Sorotan*, Selangor : Intel Multimedia & Publication.

Ismail Hamid (1985), *Peradaban Melayu dan Islam* , Selangor : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ismail Hamid (1985), *Masyarakat dan Budaya Melayu*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Ismail Salleh (1999), *Kedah, Negeri Islam yang Pertama Di Nusantara, Kumpulan Artikel Sejarah Kedah (Tak Sesungguhnya Seluang Melaut)*, Alor Setar: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah.

J.M Gullick (1972), *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, C.2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

James F. Augustine (1996), *Kedah Zaman Silam*, Alor Setar: Muzium Negeri Kedah Darul Aman.

- Jelani Harun (2007), *Undang-Undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Khoo Kay Kim (1983), *Beberapa Aspek Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Koentjaraningrat (1980), *Sejarah Teori Antropologi*, jil I, Jakarta: UI Press.
- Koentjaraningrat (1991), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat Jakarta*, Jakarta : PT Gramedia Utama.
- Liaw Yock Fang (1976), *Undang-Undang Melaka (The Laws of Melaka)*, The Hague: Martinus Nijhoff.
- Liaw Yock Fang (2003), *Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka* , Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Mahayudin Hj. Yahaya (2000), *Karya Klasik Melayu Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahyuddin Haji Yahya (2001), *Islam di Alam Melayu*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mariyam Salim (2005), *Undang-Undang Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Jajuli Abd. Rahman (1994), *Undang-Undang Melayu Pertengahan Abad ke Lapan Belas*, Che Ann Ghani (terj), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Isa Othman (1990 ), *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Amin Sulaiman (1993), *Sejarah Asal Usul Nobat*, Alor Setar: Arkib Negara Cawangan Utara Kedah dan Perlis.
- Mohd Isa Othman (2001), *Pengalaman Kedah dan Perlis: Zaman Penjajahan British*, Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mohd Taib Osman (1974), *Kesusasteraan Melayu Lama*, Kuala Lumpur: Federal Publications Sdn Bhd.
- Mohd Taib Osman (1974), *Kesusasteraan Melayu Lama*, Singapura: Federal Publication Sdn. Bhd

- Mohd Taib Osman (1974), *Kesusasteraan Melayu Lama*, Singapura: Federal Publication Sdn. Bhd.
- Muhamad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad (1968), *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mulyana, Deddy (2001), *Metodologi Penelitian Kualitatif: Paradigma Baru Ilmu Komunikasi dan Ilmu Sosial Lainnya*, Bandung : Pt Remaja Rosdakarya.
- Nik Safiah Karim (1988), *Sosiolinguistik Bahasa Melayu dan Pengajaran*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti
- Othman Mohd Yatim, Abdul Halim Nasir (1990), *Epigrafi Islam Terawal di Nusantara*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Perpustakaan Negara Malaysia (1990), *Manuskrip Melayu, Kegemilangan Tamadun Melayu*, Katalog Pameran Kuala Lumpur.
- Sabitha Marican (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, Petaling Jaya: Pearson Prentice Hall.
- Siti Hawa Haji Salleh (1997), *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Siti Hawa Haji Salleh (1997), *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Haji Salleh (2009) , *Kelopak Pemikiran Sastera Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Hawa Salleh (1991), *Hikayat Merong Mahawangsa*, Jil 2, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Mariani Omar (1991), *Katalog Manuskrip Melayu di Perancis*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Syed Alwi Syeikh al-Hadi (1986), *Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tardjan Hadidjaja (1964), *Adat Raja-Raja Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara
- Tatiana Denisova (2011), *Refleksi Historiografi Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Team Pelaksana Projek Inventarisasi dan Dokumentasi Kebudayaan Nasional Bidang Permuseuman (1972), *Katalogus Koleksi Naskah Melayu Museum Pusat DEP.P dan K*, Jakarta: Projek Inventarisasi dan Dokumentasi Kebudayaan Nasional Direktorat Jendral Kebudayaan.

Umar Junus (1989), *Stilistik Satu Pengantar*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Umar Junus (1989), *Stilistik satu pengantar*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

W.G Shellabear (1982), *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.  
Wan Yahya Wan Muhammad Taib (1329), *Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah*, Singapura: British Malaya Press.

Zalila Sharif, Jamilah Haji Ahmad (1993), *Kesusasteraan Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## RUJUKAN INGERIS

\_\_\_\_\_(1971), *Adat Laws in Modern Malaya: Land Tenure, Tradisional Government and Religion, East Asian Historical Monograph*, Kuala Lumpur : Oxford University Press.

Agar, M (1996). *The Professional Stranger: An Informal Introduction To Ethnography* : Academic Press.

B. Malinowski (1984), *Argonauts of The Western Pacifics*, Waveland Press Inc.  
G. Mohamed Khan (1958), *History of Kedah*, (Eds 3), Penang :The Author 19, Nagore Road.

H.C Black (1990 ), *Black's Law Dictionary : Definitions of the Terms and Phrases of American and English Jurisprudence, Ancient and Modern*, St. Paul : West Publishing Co.

Harris, M & Johnson, O (2000), *Cultural Anthropology*, Needam Heights, MA: Allyn and Bacon.

James P. Spradley (1979), *The Ethnographic Interview*, California: Wadsworth Publishing Company.

John Beattie (1964), *Other Cultures: Aims, Methods and Achievements in Social Anthropology*, Routledge & Kegan Paul Ltd

Liaw Yock Fang (1976), *Undang-Undang Melaka (The Laws of Melaka)*, The Hague: Martinus Nijhoff

- M.B Hooker (1970), *Reading in Malay Adat Laws*, Singapore: Singapore University Press.
- Mohamad Jajuli A.Rahman (1995), *The Malay Law Text*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- R.J Wilkinson (1908), Introductory Sketch, *Papers on Malay Subjects*, Law P 1, Kuala Lumpur: (t.p).
- R.O Winstedt (1961), *The Malays: A Culture History*, London: Routledge & Kegan System.
- R.O Winstedt (1969), *A History of Classical Malay Literature*, London: Oxford University Press.
- Rigby, J (1908), The Ninety-Nine Laws of Perak, in R.J Wilkinson (ed), *Papers on Malay Subject* (Part ii), pp. 1-86, Kuala Lumpur: F.M.S Government Press.
- Routledge & Kegen Paul (1956), *Structure ang Function in Primitive Society*, Routledge & Kegen Ltd.
- Sanders,B.-N.(2004). *Ethnography and the empowerment of everyday people*. Academic Press.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (1969), *Preminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wilkinson, R.J (1922), *Papers on Malay Subjects: Law*, Part 1, Kuala Lumpur: F.M.S Government Press.
- Zainur Zakaria (1995), *The Legal System of Malaysia, Asean Legal System*, Singapore: Butterworths Asia.

## **RUJUKAN ARAB**

- Ahmad Mustaffa al-Maraghi (t.t), *Tafsir al-Maraghi*, Jil V, Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad bin Muhammad (t.t), *Ihya Ulul al-Din*, (t.p): al-Dar al Baida.
- Ibrahim al-Jamal (1981), *Fiqh al Mar'ah : Ibadat –Muamalat*, Maktabah al-Quran: Kaherah.
- Muhammad Fuad Abd al-Baqi (t.t), *al-Lu'lu wa al-Marjan*, Jil 2, Dar al-Hadith: Kaherah.

Muhammad Othman al-Khasyt (1994), *al-Maqasid al-Hasanah Fi Bayan Khatirin Min al-Ahadith al-Musytahirah 'Ala al-Alsinah*, Dar al-Kitab al-'Arabiy: Beirut.

Wahbah al-Zuhaili (1989), *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Jil 7, Damsyik: Dar al-Fikr.

## **ARTIKEL**

*Undang-Undang Negeri Kedah, Hukuman hukuman di atas Kesalahan-Kesalahan*, disusun oleh Dato Wan Ibrahim bin Wan Soloh, terj daripada tulisan tangan dalam Bahasa Siam (Thai), oleh Inche Mustaffa bin Tam.

## **HASIL WAWANCARA**

Temubual bersama Dato Hj. Wan Shamsudin Muhd Yusof, Pengerusi Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, 24 November 2010 di Pejabat Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, jam 10.30 pagi.

Temubual bersama Wan Yahaya Wan Mahadi, Waris Ku Din Ku Meh, 25 Jun 2011 bertempat di Segara Ninda Georgetown, jam 2.30 petang.

## **JURNAL**

\_\_\_\_\_ (1936), Notes on The History of Kedah, *JMBRAS*, V.14, P.3.

\_\_\_\_\_ (1958), Most Ancient Kedah, *Malaya in History*, V.IV, P.1, July 1958

Jelani Harun (2008), "Kajian Naskhah Undang-Undang Adat Melayu di London" *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, Jil. 26, Julai 2008

John E. Kempe, R.O Winstedt (1948), A Malay Legal Digest, *JMBRAS*, V. XXI, P.1, April 1948.

M.B Hooker (1968), A Note On The Malay Legal Digest, *JMBRAS*, V. LXI.

Muhammad Yusoff Hashim (1983), Pensejarahan Melayu: Penelitian Mengenai Pensejarahan Tradisional Kedah Sebelum 1930-an, *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*, B.12, 1983.

Nasrun Alias. 1993. Aspek Kata dalam Laras Hukum Kanun Melaka. *Jurnal Dewan Bahasa* 37(3).

R.O Winstedt (1928), Kedah Laws, in *Journal of The Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* (JMBRAS) , Vol VI, Part 11, June 1928.

Roland Braddell (1974), Notes on Ancient Times in Malaya, *JMBRAS*, J.XX, P II, 1947.

Sharom Ahmad (1984), Tradition and Change in A Malay State: A Study on The Economics and Political Development 1878-1923, *MBRAS*, 1984.

Winstedt, R.O (1940), *A History of Classical Malay Literature* in M.B.R.A.S 17 (3).

## **KERTAS KERJA PERSIDANGAN**

Ali Mohammad (2009), Realiti Pengaruh Islam Dalam Adat Perkahwinan Orang Melayu: Suatu Tinjauan, dalam Kertas Kerja *Simposium Warisan dan Tamadun Islam*, anjuran Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, APIUM.

Abu Hassan Sham (), Unsur-Unsur Undang- Undang Hindu di dalam Teks Undang-Undang Adat Temenggung Khasnya Hukum Kanun Melaka. (belum lengkap)

Adi Yasran Abdul Aziz, Halimah Hassan (2009 ), Sahsiah dan Jati Diri Negara Bangsa Dalam Manuskrip Undang-Undang Pelabuhan Kedah dalam Kertas Kerja *Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-5* pada 17-18 Nov 2009.

Adi Yasran Abdul Aziz, Wan Muhammad Wan Sulong, Mohd Sukki Othman (2006), Analisis Sistem Tulisan Arab/Jawi Terawal Yang Dijumpai di Asia Tenggara, Kertas Kerja *Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu Ke-2* pada 24-25 Jan 2006.

Ahmad Fawzi Hj. Mohd Basri ( 1989), Undang-Undang Kedah dan al Tarikh Salasilah Negeri Kedah: Harfiah Poligon Tentang Falsafah dan Pemikiran Sosio Budaya, Kertas Kerja dalam *Seminar Identiti Kebudayaan Kedah Darulaman*, anjuran bersama Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darulaman dan Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman pada 3-4 April 1989.

Ahmad Jelani Halimi (2002), Perundangan Kerajaan Kedah Lama, Kertas Kerja dalam *Majlis Polemik Malaysia*, anjuran Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur pada 21 Mac 2002.

Azman Isa (2009), Sejarah Perkembangan Undang-Undang dan Pentadbiran Tanah di Kedah Sebelum Penjajahan British, Kertas Kerja dalam *Wacana Warisan Kedah Darul Aman* pada 11-12 Mac 2009 anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah dan Universiti Sains Malaysia.

Jelani Harun (t.t), *Sastera Melayu: Nilai dan Etika*

- Mahani Musa (2003), Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh 1311 H/1893 M, Kertas Kerja *Bengkel Kajian Naskhah Kesultanan Melayu iii*, di Auditorium Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah, 3-5 Jun 2003.
- Mahani Musa (2010), Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh, 1893, Kertas Kerja dalam *Seminar Manuskrip Melayu Nusantara* anjuran Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, 26-28 Jun 2003.
- Mohd Kasturi Nor Abd Aziz (2010), Gambaran Kegiatan Ekonomi Kedah Menerusi Catatan Belanjawan Negeri Dalam Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid, Kertas kerja dalam *Seminar Manuskrip Melayu Nusantara*, anjuran Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah dan Perbadanan Perpustakaan Kedah, pada 26-28 Jun 2010.
- Mohd Liki Hamid (2000), Islam dan Pendidikan di Kedah, Kertas Kerja *Seminar Kedah 100 Tahun* anjuran Institut Kajian Darul Aman (IDAMAN) UUM.
- Siti Hawa Salleh (1996), Unsur-Unsur Islam dalam Undang-Undang Kedah, Kertas Kerja *Seminar Islam di Kedah Darulaman* anjuran Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah dan Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Alor Setar.
- Tatiana Denisova (2009), Konsep Kemakmuran Negara dalam Historiografi Melayu Islam (kurun ke 13 hingga ke 19), Kertas kerja *Simposium Warisan dan Tamadun Islam*, anjuran Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, APIUM.
- Tengku Sepora Tengku Mahadi (2003), Ku Din Ku Meh The Devoted King: A Biography, Shared Histories Conference organized by *Penang Heritage Trust*, 30 July-3 August 2003.
- Wan Shamsudin Mohd Yusof (1992), Hukum Kanun Kedah: Kajian Dari Sudut Politik, Ekonomi, dan Sosio-Budaya, Kertas kerja dalam *Kursus Sejarah Negeri Kedah Untuk Pegawai-pegawai Tadbir Negeri Kedah*, 26,28 dan 29 Jan 1992, anjuran Muzium Negeri Kedah Darul Aman.
- Wan Syamsuddin Mohd Yusof (t.t), Hukum Kanun Kedah: Satu Penelitian Mengenai Hukum Kanun Dato' Kota Setar, Kertas Kerja *Seminar Sempena Alor Setar 250 Tahun* anjuran Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis, h. 2.
- Yahaya Abu Bakar (1991), Kedah dan Perdagangan Tradisi Asia Abad Ketujuh hingga Abad Keenam Belas Masihi, Kertas Kerja *Dokumentasi Konvensyen Sejarah Kedah Darulaman* anjuran Lembaga Muzium Negeri Kedah.
- Muhammad Yusoff Hashim (1997), Undang-Undang Melaka/Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka: Wacana Mengenai Perundangan Melayu Islam, Kertas Kerja *Seminar Warisan Persuratan Johor II*, Johor Bahru, 31 Oktober-2 November 1997.



Siti Hawa Salleh (1997), Undang-Undang Kedah, Kertas Kerja *Seminar Warisan Persuratan Johor II*, Johor Bahru, 31 Oktober-2 November 1997.

Abu Hassan Sham (1998), Undang-Undang Tanah Sebagaimana Terdapat dalam Hukum Kanun Melaka, *Seminar Undang-Undang*, anjuran Persatuan Sejarah Malaysia dengan Kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Zaitul Azma Zainon Hamzah (2009), *Gaya Bahasa Dalam Naskhah Melayu*, Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2009 anjuran Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya dengan kerjasama Jabatan Kesusasteraan, Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

## **BAB BUKU**

Nik Safiah Karim (2003), *Gaya Bahasa dalam Sastera Undang-Undang*, Dlm Mohamad Mokhtar Hassan, Mohd. Taufik Arridzo Mohd Balwi & Bazrul Bahaman (Ed), Seminar Kesusasteraan dan Undang-Undang, Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.

Abdul Manaf bin Saad (1980), *Persatuan Ulama Kedah 1365-1376 H ( 1946-1957 M)* dlm Khoo Kay Kim, Mohd. Fadzil Othman, Abdullah Zakaria Ghazali (Ed.), *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia.

Khoo Kay Jin (1991), Undang-Undang Kedah Dengan Tumpuan Khusus Kepada Pengawalan Hak Milik Tanah, dalam *Masyarakat Melayu Abad ke-19*, Kuala Lumpur: Jawatankuasa Kolokium DBP.

Mahani Musa (2006) Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh, 1311 Hijrah (1893 Masihi): Satu Dokumen Sejarah Negeri Kedah dalam *Warisan Mahawangsa Kedah*.

Nabihah Mohammad (1986), Istiadat perkahwinan dan Perbidanan di Kedah, dalam *Intisari Kebudayaan Melayu Kedah*, bab 6, Majlis Kebudayaan Negeri Kedah.

Noraini Che Pa (2006), Nobat Dalam Adat Istiadat Diraja Kedah, dalam *Warisan Mahawangsa Kedah*.

## **LAPORAN**

Kedah Annual Record (1909)

## **PETIKAN MAJALAH/AKHBAR**

Abdullah Ishak (1985), Kedah Dahului Melaka Terima Islam di Tanah Melayu, *al-Islam*, Okt 1985.

Mohammad Ghouse Nusuruddin (1985), Nobat Mengiringi Istiadat Di Raja, dalam *Dewan Budaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985.

Wan Shamsuddin bin Mohd Yusof (2001), Teks Undang-Undang Kedah Salinan Ku Din Ku Meh, dalam *Warta Darul Aman*, Bil 4, 2001, Kerajaan Kedah Darul Aman.

Wan Syamsudin Mohd Yusof (1991), Raja Negeri Setul yang Terakhir, dalam *Warta Darul Aman*, Bil 4, April 1991, Kerajaan Kedah Darul Aman.

## **TEKS UNDANG-UNDANG**

Maryam Salim (2005), *Transliterasi Undang-Undang Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Naskhah Jawi Manuskrip Tarikh Salasilah Negeri Kedah

Naskhah Jawi manuskrip UUKVKDKM (1311H/1893M) yang terdapat di Arkib Negara Malaysia ()

Terjemahan UUKVROW (1928)

Transkripsi Manuskrip Kanun Dato Kota Setar oleh Norwati Mohd Zain

## **TESIS/LATIHAN ILMIAH**

Abd. Zulqarnain b. Hassan (1988/1989), *Nobat Di Raja Kedah, Corak dan Perkembangannya*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sastera, UM.

Abdul Aziz Mohd Ariff (1996/1997), *Undang-Undang Islam di Kedah Sebelum Penjajahan Inggeris: Satu Penilaian Sejarah*, Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.

Abu Hassan Sham (1972), *Undang-Undang Melayu Lama, Tumpuan Khas Kepada hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Yang Di Bawah Pengaruhnya*, Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Melayu, UM.

- Abu Hassan Sham (1972), *Undang-Undang Melayu Lama, Tumpuan Khas kepada Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang yang di bawah Pengaruhnya*”, Sarjana. Universiti Malaya.
- Alauwiyah Jusoh (2006), *Analisis Teks Undang-undang Kedah Berasaskan Perspektif Hukum Islam*, Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, UM.
- Asmah Junoh (1980), *Penerapan Undang-Undang Islam dalam Undang-Undang Melayu Lama*, Latihan Ilmiah, UKM.
- Has Zainah Mahat (1990), *Sejarah Perundangan di Kedah Sehingga 1957*, Latihan Ilmiah, Fakulti Undang-Undang, UM.
- Mat Zin Ayub (1999), *Undang-Undang Islam di Kedah Sebelum Penjajahan British*, Latihan Ilmiah, Jabatan Fiqh dan Usul, UM.
- Mohd Radzi bin Ishak (1989/1990), *Undang-Undang Kedah: Satu Analisa Teks*, Latihan Ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, UKM.
- Muhamad Nor Rashidi Mahamod (1990/1991), *Sejarah Kedah: Undang-Undang Kedah Dengan Penelitian Terhadap Persoalan Tanah*, Kertas Projek, Fakulti Sains Kemasyarakatan, dan Kemanusiaan, UKM.
- Zarirah Mahat (1995/1996), *Undang-Undang Kedah: Satu Analisis Aspek Ejaan Jawi, Morfologi dan Sintaksis*, Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

## **LAMAM WEB**

<http://www.memorikedah.com.my>

<http://www.dbp.gov.my>

<http://www.merriam-webster.com/dictionary/ethnography>